



# SEKITAR PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
2020

---

**Penulisan hendaklah diusulkan kepada /  
*Writing contributions may be forwarded to:***

Ketua Editor / *Chief Editor*,  
Sekitar Perpustakaan,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jalan Tun Razak,  
50572, Kuala Lumpur.

**Pengedaran oleh / *Distributed by:***

Unit Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jalan Tun Razak,  
50572, Kuala Lumpur.  
E-mel: [bkk@pnm.gov.my](mailto:bkk@pnm.gov.my)

---

## **SIDANG PENGARANG** *EDITORIAL BOARD*

### **PENASIHAT / ADVISOR**

**Maizan Ismail**

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia  
*Director-General, National Library of Malaysia*

---

### **KETUA EDITOR / CHIEF EDITOR**

**Datin Jamaliah Mohd Nayan**

Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia  
*Deputy Director-General, National Library of Malaysia*

---

### **EDITOR / EDITORS**

**Anisatul Wahidah Abdul Wahid**

Timbalan Pengarah Kanan, Pusat Bibliografi Negara  
*Senior Deputy Director, National Bibliography Centre*

**Faizal Hilmie Yusof**

Timbalan Pengarah Kanan, Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu  
*Senior Deputy Director, National Center for Malay Manuscript*

**Ruzilah Ehsan**

Timbalah Pengarah, Bahagian Penyelidikan  
*Deputy Director, Research Department*

---

### **PENOLONG EDITOR / ASSISTANT EDITOR**

**Nur Syazleen Ashah**

Pegawai SPS Gred 41, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Asst. Director, Corporate Communication Department*

**Nur Amirah Anuar**

Penolong Pustakawan, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Asst. Librarian, Corporate Communication Department*

---

### **KOORDINATOR PENERBITAN / PUBLICATIONS COORDINATOR**

**Charles Brilee**

Timbalan Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Deputy Director, Corporate Communication Department*

**Siti Zubaidah Ahmad**

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Korporat  
*Senior Asst. Director, Corporate Communication Department*

---

©Perpustakaan Negara Malaysia, 2020  
Sekitar Perpustakaan diterbitkan dua kali setahun. Pengarang bertanggungjawab penuh bagi pendapat yang dinyatakan dalam setiap artikel.

Hakcipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

©Perpustakaan Negara Malaysia, 2020

*Sekitar Perpustakaan is published biannually. Authors of the paper are solely responsible for the opinions expressed in each paper wrote.*

*All rights reserved. Any forms of reproduction is prohibited except with the prior written permission from the the Director-General of National Library of Malaysia.*

# KANDUNGAN

## CONTENT

---

<b>PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB): KEPERLUAN &amp; KEBERKESANAN DALAM MENANGANI KRISIS PANDEMIK COVID-19</b> Rodzi Md Saad	7
<b>PENGALAMAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) DALAM MENERUSKAN OPERASI KETIKA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)</b> Maizan Ismail Siti Zubaidah Ahmad	13
<b>ADAPTASI TERAPEUTIK LANDSKAP DI PERSEKITARAN PERPUSTAKAAN</b> Haslinda Husaini Siti Arpah Noordin Shamila Mohamed Shuhidan Ida Fajar Priyanto	28
<b>U-PUSTAKA DAN PANDEMIK COVID-19: TABIAT MEMBACA BAHAN DIGITAL RAKYAT MALAYSIA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)</b> Yazid Ibrahim	46
<b>TEKNOLOGI IDENTIFIKASI PENGENALAN DIRI SECARA IMBASAN KOD QR</b> Hairi Alias	56
<b>KESAN BOOK SHOWER/ UV STERILIZER TERHADAP BAHAN BERTERASKAN KERTAS: SATU TINJAUAN</b> Tamimi Taib	66
<b>KEBIASAN BAHARU DALAM PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19</b> Mohamad Fadzili Baharin	73
<b>MEDIA SOSIAL: KERJA MELALUI TEKNOLOGI DAN MEDIA SOSIAL SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)</b> Hafizatul Mushadah Mohamed Yusa	78
<b>PENGALAMAN TERINDAH BERTUGAS SEPANJANG TEMPOH PKP, PKPB &amp; PKPP 2020</b> Sabariah Khairuddin Mohd Nazri Zainuddin	88



# **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB): KEPERLUAN & KEBERKESANAN DALAM MENANGANI KRISIS PANDEMIK COVID-19**

Rodzi Md Saad

*Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara  
Majlis Keselamatan Negara*

---

## **Abstrak**

COVID-19 merupakan sejenis virus baharu yang telah mengancam kesihatan manusia di seluruh dunia. Ia mula dikenal pasti pada bulan Disember 2019 di Wuhan, China. Kini, ia sudah merebak ke seluruh dunia sehingga pihak *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan penyakit ini sebagai pandemik. Seluruh dunia mengambil langkah drastik untuk mengekang penularan wabak ini. Ekoran wabak tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 hingga 13 April 2020. Pada 10 Mei 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bermula pada 13 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020. Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan peranan kerajaan dalam menangani situasi covid 19 yang sedang berlaku di Negara kita pada masa kini antaranya asas-asas ataupun pertimbangan kerajaan untuk melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Kepentingan/ Kewajaran Tatacara Operasi Standard (*Standard Operating Procedure – SOP*).

**Kata kunci:** COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), *Standard Operating Procedure* (SOP)

## ***Abstract***

*COVID-19 is a new virus that has threatened human health worldwide. It was first identified in December 2019 in Wuhan, China. Now, it has spread all over the world until the World Health Organization (WHO) has declared the disease as a pandemic. The whole world is taking drastic measures to curb the spread of this epidemic. Malaysia Prime Minister, Tan Sri Muhyiddin Yasin has announced the implementation of the Movement Control Order from 18 March 2020 to 13 April 2020. On 10 May 2020, Prime Minister announced the extension of the Conditional Movement Control Order period beginning on May 13, 2020, to June 9, 2020. Furthermore, this article will discuss the role of government in dealing with the current COVID-19 situation in our countries such as factors and government considerations to extend the Conditional Movement Control Order (CMO) and Standard Operating Procedure (SOP).*

**Keyword:** COVID-19, Movement Control Order, Conditional Movement Control Order, Standard Operating Procedure

## Pengenalan

Rancangan “Selamat Pagi Malaysia” terbitan Rangkaian Televisyen Malaysia (RTM) telah mengadakan wawancara bersama-sama dengan Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Datuk Rodzi Bin Md Saad. Wawancara bertajuk “PKPB: Keperluan dan Keberkesanan dalam Menangani Krisis Pandemik Covid-19”.

## Latar Belakang

Negara telah dilanda pandemik Covid-19 bermula pada awal tahun ini. Ekoran wabak tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020 hingga 13 April 2020. Pada 10 Mei 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bermula pada 13 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020.

## Kewajaran PKPB

Strategi kita untuk membendung penularan Covid-19 ini ialah melalui kawalan pergerakan yang dimulakan pada 18 Mac 2020. Strategi untuk memutuskan rantaian pandemik Covid-19 ini memerlukan satu jangka masa yang panjang kerana virus Covid-19 ini masih berada dalam masyarakat.

Kita memerlukan satu norma yang baharu dalam kalangan anggota masyarakat, iaitu kita akan membentuk kebiasaan baharu, yang mengutamakan kebersihan, persekitaran yang baik dan sebagainya. Oleh itu, usaha ini memerlukan satu tempoh masa bagi pembentukan satu kebiasaan atau sikap baharu yang sebelum ini tidak pernah dilalui.

Kita sedia maklum, untuk membentuk sikap manusia memerlukan satu tempoh masa yang panjang. Oleh itu, hal ini menjadi asas kepada kerajaan untuk melanjutkan PKPB. Hal ini supaya rakyat dapat hidup dengan keyakinan keselamatan yang tinggi, bebas bergerak, dan dapat kembali menjalani rutin kehidupan seperti biasa.

## **Keentingan/Kewajaran Tatacara Operasi Standard** *(Standard Operating Procedure – SOP)*

Tatacara Operasi Standard (SOP) ini merupakan satu tatacara, panduan yang digariskan untuk diikuti dan dipatuhi oleh seluruh anggota masyarakat. Hal ini disebabkan kita membentuk satu tatakelakuan yang baharu dalam kalangan seluruh rakyat di negara ini. Oleh itu, dalam konteks ini kita perlu aturkan cara hidup supaya masyarakat mematuhi perkara yang tertentu. Pematuhan terhadap perkara yang telah ditetapkan ini mampu ataupun dilihat sebagai elemen yang akan memutuskan rantaian itu. Sebagai contohnya, penjarakan fizikal satu meter antara kita telah dititikberatkan, yang sebelum ini tidak pernah ditekankan. Oleh itu, dengan penjarakan fizikal ini penularan wabak Covid-19 ini dapat dielakkan kerana sekiranya kita bergejala seperti selesema dan apabila kita batuk atau bersin dengan jarak satu meter ini, tindakan ini boleh menjadi satu elemen yang dapat memastikan virus ini tidak dapat disebarkan kepada orang lain dengan mudah. Oleh itu, kebiasaan baharu ini menuntut kita menyediakan SOP dan SOP ini sebenarnya ialah sebahagian daripada peraturan, iaitu undang-undang yang wajib dan mesti dipatuhi oleh warganegara kita. Pelanggaran terhadap SOP ini merupakan pelanggaran undang-undang dan tindakan boleh diambil.



## **Pematuhan SOP**

Berdasarkan pemerhatian dan analisis yang dibuat oleh MKN dengan kerjasama agensi-agensi lain serta daripada laporan yang diterima, kadar kepatuhan rakyat kita terhadap PKPB ini adalah sangat baik. Kita berada pada tahap 95%.

Walau bagaimanapun, pergerakan kenderaan yang banyak kelihatan di jalan raya sebenarnya merupakan pergerakan yang dibenarkan. Antara pergerakan yang dibenarkan termasuklah tujuan bekerja yang dibenarkan oleh pihak kerajaan.

Apabila dilihat kini, kita sudah ada kebiasaan baharu, iaitu berbaris dengan jarak satu meter apabila kita mengunjungi pusat-pusat membeli belah, atau pasar-pasar awam. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat kita sudah mula menerapkan nilai-nilai baharu ini. Jadi sebenarnya, kita lihat rakyat kita cukup patuh dan memang bersedia menerima perubahan. Hal ini menunjukkan apabila negara berhadapan dengan krisis, rakyat kita sentiasa bersedia. Nilai-nilai hebat inilah yang ada pada rakyat Malaysia yang patut kita kekal dan kita kukuhkan dari semasa ke semasa.

## **Tindakan Melanggar SOP/Penguatkuasaan SOP**

PKPB kini sudah masuk tahap yang kedua sehingga 9 Jun 2020. Pada awal PKP dilaksanakan sehingga PKPB tahap pertama, kerajaan masih lagi memberikan kelonggaran kepada rakyat, iaitu masih pada peringkat mendidik dan memberikan peringatan kepada mereka. Kini, berdasarkan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kanan Keselamatan, tiada ada lagi maaf bagi mereka yang ingkar. Kali ini tindakan akan lebih bersifat pelaksanaan hukuman, dan bukannya mendidik. Hal ini disebabkan peringkat mendidik sudah banyak diberikan pada peringkat awal PKP. Oleh itu, kini bukan lagi waktu untuk mendidik masyarakat, iaitu lebih kepada penguatkuasaan yang tegas kepada mereka.

Ruang dan peluang telah diberikan kepada seluruh anggota masyarakat supaya mereka mematuhi peraturan. Sudah tentu ada dalam kalangan masyarakat yang tidak begitu serius untuk memenuhi apa-apa yang ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu, kerajaan sudah tentu atas niat yang baik tidak mahu ada pihak yang tidak terkesan dengan penyakit ini. Oleh itu, penguatkuasaan menjadi satu perkara yang perlu ketika ini. Dalam tempoh pelaksanaan penguatkuasaan ini, pihak berkuasa yang dilantik diberikan kuasa oleh Menteri Kesihatan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang ingkar, gagal mematuhi kawalan pergerakan ini, ataupun tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Perkara ini mudah sahaja, iaitu apabila kita mematuhi semua peraturan dan SOP, kita tidak perlu bimbang untuk dikenakan tindakan itu.

## **Pencapaian/Kejayaan PKP**

Pencapaian negara kita dalam membendung pandemik Covid-19 ini merupakan satu pencapaian yang boleh dikatakan sangat membanggakan. Hal ini meletakkan negara kita di tangga keempat berbanding dengan 105 negara seluruh dunia dari segi kepuasan hati rakyat terhadap kerajaan dalam menangani pandemik Covid-19 ini.

## **Strategi Melawan Penularan Covid-19**

Pertamanya, kita mempunyai sistem kesihatan yang sangat baik, iaitu kemampuan kesihatan kita yang dapat dilihat dari segi jumlah hospital. Kita ada sebanyak 118 hospital saringan, 40 hospital Covid dan 44 makmal untuk ujian Covid. Daripada 44 makmal yang ada ini, sebanyak 27,288 ujian sehari dapat

dilakukan. Akan tetapi, hari ini kita menjalankan 16,788 ujian. Seterusnya, kita juga membuat persediaan yang cukup tinggi. Oleh itu, kejayaan ini dapat dilihat daripada dua komponen, iaitu komponen kesihatan itu sendiri dan komponen bukan kesihatan, iaitu komponen tindakan awam yang meliputi pelaksanaan kawalan pergerakan, perintah kawalan pergerakan, dan kawalan sempadan. Kita juga hendak mencegah kemasukan individu daripada luar negara secara haram. Oleh itu, kawalan sempadan dipertingkatkan. Kita turut memperkasa komuniti kerana peranan masyarakat sangat penting. Masyarakat perlu memastikan mereka menjaga sendiri kawasan mereka. Sekiranya kawasan kita kawasan hijau dan tidak ada elemen Covid-19, menjadi tanggungjawab persatuan penduduk dan jawatankuasa kerja keselamatan kampung untuk menjaga kawasan penempatan supaya mereka yang tidak dikenali dan yang tidak tahu asal usul tidak masuk ke kampung atau taman kita. Tindakan ini sebahagian daripada perkara yang dapat membantu kerajaan. Jadi kita lihat, selain elemen kesiapsiagaan kesihatan dan perubatan serta peranan orang ramai, sudah tentu tindakan kerajaan juga penting. Tindakan kerajaan termasuklah melalui langkah kesihatan dan langkah bukan kesihatan melalui pelaksanaan PKP ini selain mengutamakan keselamatan warga emas, golongan berisiko dan kanak-kanak. Perkara ini ialah sebahagian daripada rahsia kejayaan negara kita. Jadi boleh dikatakan bahawa kejayaan ini ialah kejayaan semua, bukan kerajaan semata-mata. Kejayaan ini kejayaan rakyat, kejayaan semua dengan didokong oleh kerajaan yang berwibawa yang menjalankan tindakan, rakyat yang mematuhi semua perkara serta memberikan sepenuh kerjasama. Hasilnya kita berjaya berada di tangga keempat ini.

## **Risiko PKPB**

Tempoh sebulan PKPB yang bermula hari ini sehingga 9 Jun 2020 nanti ialah waktu yang paling kritikal kerana dengan kelonggaran yang diberikan, rakyat sedikit sebanyak dapat bergerak ke sana dan ke sini. Walaupun PKPB ini akan berakhir, tetapi kita maklum bahawa Covid-19 ini akan tetap ada dalam masyarakat. Hal ini sama seperti denggi, jadi kita perlu pastikan untuk terus berusaha memastikan penularan pandemik Covid-19 ini tidak berleluasa.

## **Tindakan Pasca-PKPB**

Walaupun dikatakan keadaan akan kembali seperti biasa tetapi kita tidak boleh meletakkan semua perkara seperti sebelum yang biasa kita lalui. Umpamanya, perhimpunan yang besar, perarakan, sambutan yang besar. Sudah tentu perkara ini perlu diteliti dengan serius oleh kerajaan kerana kita tidak mahu aspek perhimpunan, perarakan atau perkara yang seumpama ini menjadi elemen yang menyebabkan pandemik ini kembali berada dalam masyarakat. Jadi kita perlu kepada kebiasaan baharu, yang dilihat sebagai satu perkara yang baik untuk kesihatan oleh MKN. Oleh itu, sudah tentu selepas era PKP ini berakhir, kita perlu mendidik masyarakat dan memberikan satu kesedaran yang tinggi kepada masyarakat betapa kehidupan yang akan kita lalui pada masa hadapan sudah jauh berbeza dengan apa-apa yang kita lalui sebelum ini. Covid-19 ini memberikan kita satu titik peralihan ke arah satu kehidupan, kebiasaan atau budaya hidup yang baharu, dan kita mesti bersedia untuk menerimanya.

## **Pemeriksaan Komuniti**

Pentingnya komuniti untuk menjaga kawasan hijau terus kekal sebagai *green area*, dan kita ada usaha untuk menambah baik kawasan merah dan juga zon kuning. Peranan masyarakat melalui pemimpin-pemimpin masyarakat dan anggota masyarakat sangatlah penting. Kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab untuk membendung penularan Covid-19 ini di tangan atau di pihak kerajaan semata-mata. Sebagai warga yang bertanggungjawab, kita mesti mengambil tanggungjawab ini. Kita mesti mengikut sepenuhnya SOP ataupun pelan tindakan yang diaturkan oleh kerajaan pada peringkat penempatan kampung, taman perumahan atau kediaman yang kita diami. Kita perlu berbincang atau merancang bersama-sama pemimpin masyarakat cara untuk mengatur strategi kawalan di kampung atau penempatan kita. Akan tetapi kita mesti pastikan tidak melanggar perundangan yang ada ketika ini. Selain itu, pemimpin masyarakat

dan anggota masyarakat perlu mendidik, patuh dan mendisiplinkan diri sendiri. Dalam konteks kita hidup bersama-sama keluarga, sebagai ketua keluarga, kita perlu mendidik ahli keluarga, anak-anak serta anggota dalam rumah kita supaya mereka mengutamakan kebersihan, mengutamakan pencucian tangan dengan menggunakan *hand sanitizer*, selain memastikan peralatan di rumah seperti permukaan tombol pintu di rumah kita dan meja makan sentiasa dicuci. Kita perlu mendidik anggota keluarga, kemudian daripada keluarga, kita membentuk jiran, daripada jiran kita membentuk masyarakat di taman perumahan kita di kampung kita, dan seterusnya semua peringkat mengambil peranan ini. Insya Allah, negara kita akan berada di landasan kesihatan awam yang terbaik di dunia.

## **Cabaran PKPB**

Terdapat dua atau tiga perayaan penting sepanjang pelaksanaan PKPB ini. Perayaan ini kita katakan sebagai antara perkara yang menjadi tumpuan apabila rakyat sudah lagi tidak boleh melaksanakan apa-apa yang biasa dilakukan ketika perayaan ini, iaitu menjelang Hari Raya, Pesta Keamatan dan Hari Gawai.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Pesta Keamatan di Sabah, Hari Gawai di Sarawak ialah perayaan yang sangat bernilai untuk masyarakat berbilang bangsa di negara kita. Jadi tentulah kerajaan telah menetapkan kita tidak boleh lagi menyambut perayaan kali ini seperti kebiasaan terdahulu. Kita mempunyai asas yang kukuh mengapa kerajaan mengambil tindakan seumpama ini. Tentunya yang pertama, sekiranya pulang ke kampung, kita akan bertemu ibu dan bapa yang merupakan golongan yang berusia 60 tahun ke atas. Mereka ini ialah golongan yang berisiko. Sedangkan kita pulang ke kampung dalam keadaan kita sendiri tidak tahu status kesihatan sendiri kerana bercampur gaul dengan ramai orang. Terdapat kemungkinan kita pulang ke kampung dengan membawa virus ini. Kesannya, apabila ibu bapa mereka yang kita sayangi dijangkiti virus ini sudah tentu kita akan berasa bersalah ketika itu. Jadi untuk melindungi mereka yang kita sayangi, lebih baik kita pilih jalan untuk tidak pulang ke kampung. Hal ini disebabkan apabila pulang ke kampung, kita sudah tentu akan berhimpun bersama-sama keluarga, dan hal ini sebenarnya mendedahkan penularan dalam kalangan anggota keluarga kita sendiri. Perkara ini sudah tentu menyebabkan risiko itu menjadi tinggi. Sehubungan itu, kita merayu kepada masyarakat dan orang ramai untuk memahami niat baik kerajaan ini yang sebenarnya untuk kebaikan kita sendiri dan juga negara. Hal ini supaya kita dapat memastikan kesihatan awam dan keselamatan negara kita terus kekal dan kita boleh bergerak semula untuk membangun dan memajukan negara kita. Oleh itu, terdapat kelonggaran dari segi pergerakan masyarakat, sektor-sektor ekonomi telahpun dibuka semula dan juga sebilangan besar rakyat telah pun kembali bekerja.

## **Kesiapsiagaan Barisan Hadapan**

Rakyat Malaysia sudah pastinya berterima kasih kepada kerajaan, khususnya kepada barisan hadapan (frontliner) yang bertugas di barisan hadapan termasuklah juga anggota-anggota keselamatan, seperti anggota tentera, PDRM, sukarelawan dan banyak lagi.

Tahap kesiapsiagaan anggota keselamatan ini sentiasa berada pada tahap yang tinggi. Dengan persiapan yang rapi, perancangan yang teratur dan semangat yang tinggi dalam kalangan anggota keselamatan ini, mereka bersedia untuk digerakkan pada bila-bila masa atau dalam sebarang keadaan. Kita dapat lihat betapa komitmen anggota-anggota keselamatan ini dalam keadaan cuaca yang tidak baik, cabaran daripada sikap anggota masyarakat yang kadang-kadang tidak memberikan kerjasama serta memandang rendah terhadap anggota keselamatan. Akan tetapi anggota keselamatan kita ini tetap bersabar, malah mereka berada pada tahap disiplin yang tinggi untuk memastikan tugas ini dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna untuk negara yang dicintai. Tahap kesiapsiagaan ini cukup tinggi, iaitu kita bersedia untuk mengatur gerak kemampuan anggota keselamatan pasukan yang lebih besar untuk membendung penularan ini sekiranya sampai pada satu tahap meningkat semula dan memerlukan tindakan yang lebih agresif oleh pihak kerajaan sendiri.

## **Peranan dan Keberkesanan MKN**

Laman sesawang yang paling aktif dan terdapat banyak kunjungan daripada masyarakat ialah laman MKN sendiri untuk mereka mendapatkan maklumat yang sahih dan benar. Hal ini juga disebabkan apabila terdapat banyak berita palsu berkenaan pandemik Covid-19 beberapa bulan kebelakangan ini. Jadi kita mahukan supaya rakyat menerima berita yang sahih dan benar serta boleh dijadikan sandaran sebagai maklumat yang boleh dipegang sepanjang PKPB berlangsung. Pastinya MKN juga ingin memastikan supaya hanya maklumat yang tepat dikongsikan dengan masyarakat.

MKN ingin menyeru kepada seluruh anggota masyarakat supaya memastikan maklumat yang diterima ialah maklumat yang betul dan sahih. Kita perlu buat semakan terlebih dahulu. Kadang-kadang kita lebih cepat sensasi dengan sesuatu yang kita terima daripada menyemaknya dahulu. Oleh itu, MKN menyediakan laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara, Facebook rasmi Majlis Keselamatan Negara, Telegram rasmi dan Instagram rasmi. Maklumat terkini berkenaan Covid-19 telah dimuat naik dan dikemas kini pada setiap masa, seperti yang terdapat dalam Telegram MKN. Jika terdapat penularan maklumat yang tidak tepat, MKN akan segera mengeluarkan penafian mengenai maklumat itu palsu. Jadi, kita akan tahu bahawa maklumat ini tidak betul atau palsu. Sehubungan itu, kita boleh menasihatkan rakan-rakan atau sahabat bahawa maklumat itu tidak betul dan jangan disebar. Maklumat yang tidak betul boleh membawa kegelisahan, seterusnya membawa kepada keadaan masyarakat yang kucar-kacir dan sudah tentu membawa kepada keadaan yang tidak stabil. Sudah tentu kita tidak mahu ketidakstabilan berlaku di negara kita. Jadi demi menjamin kestabilan dan keselamatan yang lebih baik, marilah seluruh rakyat Malaysia mengorak langkah bersama-sama untuk membentuk negara Malaysia agar lebih maju dan makmur untuk generasi yang akan datang.

**PENGALAMAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)  
DALAM MENERUSKAN OPERASI KETIKA  
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
DAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Maizan Ismail  
*Ketua Pengarah*  
Perpustakaan Negara Malaysia  
*maizan@pnm.gov.my*

Siti Zubaidah Ahmad  
*Penolong Pengarah*  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Perpustakaan Negara Malaysia  
*siti\_zubaidah@pnm.gov.my*

---

**Abstrak**

Penularan virus COVID-19 di serata dunia telah mewujudkan norma baharu pengurusan organisasi dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) tidak terkecuali daripada melaksanakan norma baharu tersebut. PNM telah menyusun strategi dan program sebagai tindak balas kepada penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana semua penduduk Malaysia diarahkan untuk duduk di rumah bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. PNM bertanggungjawab untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa mendapat maklumat terkini COVID-19 dan menyediakan pelbagai bahan bacaan digital untuk memastikan tempoh PKP dipenuhi dengan aktiviti berfaedah. Artikel ini akan membincangkan peranan PNM sebagai sokongan kepada rakyat Malaysia sepanjang PKP dilaksanakan seperti prosedur operasi standard pengurusan perpustakaan (SOP), perkhimatan dalam talian yang ditawarkan sepanjang PKP, program-program perpustakaan, dan perkhidmatan promosi bacaan bahan digital.

**Kata kunci:** COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), *Standard Operating Procedure* (SOP)

## ***Abstract***

*The spread of the COVID-19 virus worldwide has created new organizational management norms and the National Library of Malaysia (NLM) is no exception to implementing the new norms. NLM has formulated strategies and programs in response to the spread of the COVID-19 epidemic and the Movement Control Order (MCO) in which all Malaysians are instructed to stay at home to break the COVID-19 infection chain and provides various digital reading materials to ensure that the MCO period is filled with beneficial activities. This article will discuss the role of NLM in supporting Malaysians during the implementation of MCO such as standard operating procedures of library management (SOP), online services offered throughout MCO, library programs, and digital material reading promotion services.*

**Keyword:** COVID-19, Movement Control Order, Condition Movement Control Order, National Library of Malaysia, Standard Operating Procedure

## **Pengenalan**

COVID-19 merupakan sejenis virus baharu yang telah mengancam kesihatan manusia di seluruh dunia. Ia mula dikenal pasti pada bulan Disember 2019 di Wuhan, China. Kini, ia sudah merebak ke seluruh dunia sehingga pihak *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan penyakit ini sebagai pandemik. Seluruh dunia mengambil langkah drastik untuk mengekang penularan wabak ini.

Begitu juga dengan negara kita Malaysia, pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 dan kemudiannya diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun 2020. Pada permulaan pelaksanaan PKP, hampir semua sektor dalam negara ditutup melainkan sektor-sektor yang penting sahaja dibenarkan beroperasi dengan kawalan yang ketat daripada pihak berkuasa. Bermula 4 Mei 2020, PKPB dilaksanakan dengan mengaktifkan semula sektor perindustrian secara berperingkat sehingga 9 Jun 2020.

Justeru, amalan bekerja dari rumah mula dilaksanakan, di mana para pekerja masih lagi dikira bekerja seperti biasa tetapi dengan sedikit kelonggaran apabila ia dilakukan dari rumah masing-masing.

## **Latar Belakang**

Agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut terkesan akibat daripada pelaksanaan PKP ini. Hal ini telah menyebabkan operasi PNM tidak dapat dijalankan seperti biasa memandangkan beberapa fungsi utamanya tidak dapat beroperasi seperti khidmat pinjaman buku dan rujukan bahan bercetak. Sekaligus ia mencatatkan penurunan yang ketara bagi statistik kehadiran pengunjung sepanjang tempoh PKP ini. Penutupan perkhidmatan fizikal PNM kepada pengguna sejak PKP dilaksanakan iaitu bermula pada 18 Mac 2020 telah memberikan satu cabaran baharu buat warga kerja perpustakaan untuk memaksimumkan penggunaan medium digital sebagai alternatif kepada saluran capaian sumber maklumat kepada masyarakat. Dengan cara ini, PNM dapat terus berperanan sebagai wadah rujukan dan informasi walaupun melalui medium yang berbeza.

## **Impak Pelaksanaan PKP dan PKPB Kepada Operasi PNM**

Pada 4 Mei 2020, PKPB telah diumumkan oleh Perdana Menteri ini menandakan operasi PNM dapat berjalan secara berperingkat dan secara terkawal. Justeru, bagi memastikan syarat-syarat PKPB dipatuhi,

pihak perpustakaan telah mengambil langkah drastik dalam melakukan perubahan yang melibatkan tujuh perkara berikut iaitu:

## **Pentadbiran dan Pengurusan PNM**

### **1. Notis Penutupan**

Berikutan pelaksanaan PKP yang bermula dari 18 Mac 2020, semua fasiliti kerajaan diarahkan untuk ditutup buat sementara. Justeru agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) seperti PNM dan semua Jabatan dan agensi yang bernaung di bawahnya juga turut diarahkan tutup. Akibat daripada penutupan premis PNM, para pelanggan yang meminjam atau ingin memulangkan semula buku sudah pasti menghadapi masalah. Oleh yang demikian, pihak perpustakaan telah mengeluarkan notis berkenaan tiada denda lewat pemulangan bagi buku yang tamat tempoh pinjaman antara 16 Mac sehingga 30 April 2020. Apa yang pasti segala notis dan maklumat yang penting berkaitan dengan perkhidmatan PNM dihebahkan melalui media-media sosial rasmi PNM sepanjang tempoh PKP dan PKPB.

### **2. Proses Kerja Kakitangan**

Pelaksanaan PKP pada mulanya telah menyebabkan PNM diarahkan ditutup sepenuhnya dan kesemua kakitangannya juga diarahkan bekerja dari rumah. Namun, apabila pihak kerajaan melonggarkan sedikit syarat pelaksanaan PKP dengan memperkenalkan PKPB, operasi PNM mula digerakkan kembali secara berperingkat.

Terdapat empat langkah bagaimana perubahan berlaku dalam proses kerja kakitangan PNM iaitu pertama; melalui pelaksanaan sistem giliran bekerja. Ia merujuk kepada arahan kehadiran kakitangan ke pejabat sebanyak 70% dan dalam masa yang sama setiap ketua bahagian perlu merancang jadual bekerja kakitangan masing-masing dengan mengambil kira waktu yang perlu hadir ke pejabat ataupun yang hanya boleh dilakukan di rumah.

Kedua; sepanjang tempoh PKP dan PKPB, penggunaan perkhidmatan dalam talian dipergiatkan. Segala perbincangan dan mesyuarat yang melibatkan kakitangan hanya diadakan secara dalam talian melalui aplikasi persidangan video. Hal ini bagi memenuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang tidak membenarkan sebarang perhimpunan tertutup diadakan bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Ketiga; bagi melibatkan urusan komunikasi penting sesama kakitangan PNM, aplikasi komunikasi dimanfaatkan. Segala pertanyaan dan arahan diberikan melalui medium tersebut. Manakala emel pula digunakan apabila melibatkan urusan-urusan rasmi yang lebih bersifat formal dengan dokumen dan maklumat terperinci. Antara mesyuarat yang dijalankan oleh PNM semasa PKP adalah seperti berikut :


- (i) Mesyuarat Penyelarasan Penjimatan Jabatan secara dalam talian (aplikasi Zoom) pada 1 April 2020;
- (ii) Forum Antarabangsa secara dalam talian kendalian National Library of The Republic of Kazakhstan – ‘With a Book in Quarantine : Libraries in new format’; dan
- (iii) Perbincangan dalam talian (aplikasi SKYPE) bersama Ketua Pengarah PNM dan Arkib Iran.



Tidak semua urusan pejabat dapat dilakukan dari rumah atau secara dalam talian. Oleh yang demikian, urusan yang melibatkan kewangan seperti penyediaan dan penerimaan invoice memerlukan kakitangan hadir ke pejabat. Bagi tujuan itu, pihak pengurusan PNM mengeluarkan surat kebenaran untuk membolehkan kakitangan yang terlibat hadir ke pejabat untuk menyelesaikan urusan kerja tersebut.

### 3. Polisi dan SOP

Mulai 4 Mei 2020 agensi-agensi kerajaan dan swasta dibenarkan untuk beroperasi secara berperingkat. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga turut mengarahkan agar semua pihak yang terlibat untuk menggubal polisi dan SOP perkhidmatan sepanjang tempoh PKPB ini. Hal ini bagi memastikan usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dapat diteruskan walaupun kelonggaran telah diberikan. Bagi SOP PNM, melibatkan tujuh perkara yang utama iaitu :



Rajah : 7 elemen utama dalam penggubalan SOP di PNM

Kesemua ruangan yang ada di bangunan PNM telah dihadkan bilangan penggunaanya pada satu-satu masa. Ia melibatkan ruangan di Menara dan Anjung Bestari, PNM, Wisma Sejarah, serta bangunan Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa di seluruh negara. SOP ini juga akan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan dan keperluan baharu dalam kawalan jangkitan COVID-19 yang dikuat kuasa oleh pihak kerajaan. Ia boleh didapati di laman sesawang rasmi PNM untuk rujukan dan maklumat tersebut terdapat di lampiran.

### 4. Kawalan Keselamatan

Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP sememangnya telah memberikan impak kepada aspek kawalan keselamatan di premis PNM. Tambahan pula, dengan ketiadaan kakitangan dan pengunjung memerlukan aspek kawalan keselamatan dipertingkatkan. Oleh yang demikian, SOP telah disediakan oleh pihak pengurusan PNM bagi memastikan keselamatan di premis PNM terjamin dengan menitikberatkan kepada empat perkara seperti berikut:

#### i. Kawalan Keselamatan (Rondaan)

Walaupun kakitangan dan pengunjung tiada di premis PNM akibat penularan wabak Covid-19 serta pelaksanaan PKP, sistem rondaan oleh pengawal keselamatan masih tetap berjalan 24 jam sehari iaitu bermula 7 pagi sehingga 7 petang dan diteruskan pula dari 7 petang sehingga 7 pagi berikutnya. Namun, pihak syarikat pengendali perkhidmatan kawalan keselamatan perlu mematuhi SOP yang telah disediakan oleh pihak pengurusan PNM.



## ii. Operasi kafeteria

Pelaksanaan PKB sejak 4 Mei 2020, membolehkan kakitangan hadir ke premis PNM secara berperingkat. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan kehadiran ke pejabat adalah berpandukan sistem giliran yang telah ditetapkan. Oleh itu, kafeteria dibenarkan untuk beroperasi bagi membolehkan kakitangan yang hadir menjamu selera. Waktu operasi pula adalah bermula dari 7.30 pagi sehingga 6.30 petang. Pihak kafeteria dan pelanggan yang datang juga perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

## iii. Perkhidmatan Kebersihan

Perkhidmatan kebersihan diteruskan semula sebaik sahaja PKPB diumumkan pihak kerajaan. Justeru, aspek kebersihan di premis PNM terus dipantau dan dijaga mengikut SOP yang ditetapkan. Pihak syarikat pembersihan juga tetakluk kepada SOP yang dikeluarkan bagi membendung penularan wabak COVID-19 di premis PNM.

## iv. Penyelenggaraan Bangunan

Dari aspek penyelenggaraan bangunan PNM, ia tertumpu kepada pekerja penyelenggaraan serta penandaan garisan dan tanda penjarakkan sosial 1 meter di surau, lif, laluan kakitangan, kerusi, meja dan bilik mesyuarat.

## 5. Perkhidmatan Dalam Talian

Walaupun dengan pelaksanaan PKP dan PKPB, perkhidmatan PNM masih berjalan seperti biasa namun kesemuanya dilakukan secara dalam talian. Perkhidmatan tersebut ialah urusan ISBN/ISSN/PDP, peminjaman dan pemulangan buku, pempakejan maklumat (*information packaging*) dalam talian dan perkhidmatan kesedaran semasa (*current awareness services* (CAS) dalam talian. Berikut dijelaskan bagaimana kesemua perkhidmatan tersebut dijalankan:

Perkhidmatan	Penambahbaikan
Urusan ISBN/ISSN/PDP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan ISBN/ISSN/E-ISBN/E-ISSN oleh penerbit tahun 2020 dijalankan secara dalam talian iaitu menerusi emel.</li> </ul>
Peminjaman dan pemulangan buku	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peminjam boleh memulangkan buku apabila operasi perpustakaan dibuka semula.</li> <li>Tiada denda sepanjang tempoh PKP/ PKPB</li> </ul>
Pempakejan maklumat ( <i>information packaging</i> ) dalam talian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mini Pakejan Maklumat COVID-19 iaitu maklumat infografik yang dihasilkan oleh PNM mengenai COVID-19.</li> <li>Maklumat boleh didapati di pautan: <a href="https://online.anyflip.com/usbqy/zymn/mobile/index.html">https://online.anyflip.com/usbqy/zymn/mobile/index.html</a></li> </ul>

## 6. Promosi Perkhidmatan Digital

u-Pustaka merupakan satu platform perkhidmatan digital yang disediakan oleh PNM seiring dengan perkembangan zaman. Selain daripada perkhidmatan pinjaman buku fizikal, u-Pustaka turut sama membantu dalam proses membudayakan amalam membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Perkhidmatan ini boleh diakses pada bila-bila masa secara percuma secara dalam talian.

Perkhidmatan u-Pustaka menawarkan akses kepada 13.2 juta kandungan digital dari 20 pangkalan data komersial. Pengguna boleh mengakses bahan bacaan digital secara percuma sahaja. Kandungan digital yang disediakan melalui portal u-Pustaka antaranya, 33,426 naskhah e-buku, 4,964 judul majalah, 6,429,103 judul e-suratkhabar dalam negara dan luar negara serta pelbagai kandungan digital seperti 6,098,353 tajuk artikel jurnal, bahan rujukan dan sebanyak 560,000 bahan e-pembelajaran.

Keterbatasan pergerakan akibat pelaksanaan PKP dan PKPB mendorong pihak PNM bertindak proaktif dengan menggiatkan aktiviti promosi perkhidmatan u-Pustaka ini melalui sosial media rasmi PNM seperti Facebook, Instagram dan Twitter. Hal ini diikuti dengan pelancaran kempen membaca menerusi portal u-Pustaka iaitu “**Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku**”. Selain itu juga, PNM turut mempromosikan perkhidmatan u-Pustaka menerusi saluran televisyen dan juga radio. Poster promosi adalah seperti di bawah :



Poster Promosi u- Pustaka  
Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku

Hasil dari kajian mendapati, promosi ini telah menyebabkan capaian terhadap perkhidmatan digital meningkat dengan mendadak semasa PKP dilaksanakan. Terdapat tiga peningkatan dari aspek keahlian baharu, statistik penggunaan dan peminjaman bahan digital.

#### (i) Keahlian Baharu

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, berlaku peningkatan mendadak kepada bilangan keahlian baharu u-Pustaka apabila PKP dilaksanakan. Statistik pendaftaran keahlian dan pengunjung portal menunjukkan peningkatan semasa PKP ini. Sehingga 21 April 2020, jumlah kumulatif ahli u-Pustaka adalah seramai 501,295. Semasa PKP sahaja, pendaftaran keahlian mencecah 22,982 ahli (statistik sehingga 21 April 2020). Pendaftaran keahlian tertinggi adalah semasa permulaan PKP iaitu mencecah 6,069 pendaftaran dalam masa satu hari. Perkara ini terjadi disebabkan sekatan perjalanan yang dikenakan, rakyat Malaysia mula cenderung untuk memilih portal u-Pustaka untuk mendapatkan bahan bacaan secara dalam talian.

Jadi, berdasarkan data yang dikumpulkan ini dapat ditafsirkan bahawa sepertinya berlaku *culture shock* dalam kalangan masyarakat Malaysia apabila PKP buat pertama kali dilaksanakan. Bagi mereka yang sebelum ini biasa pergi ke perpustakaan untuk mencari bahan bacaan kini terpaksa beralih kepada platform digital seperti u-Pustaka yang disediakan oleh pihak PNM.

**(ii) Statistik Penggunaan**

Begitu juga dari aspek statistik penggunaan u-Pustaka. Data menunjukkan perbezaan yang ketara untuk tempoh ketiga-tiga fasa pelaksanaan PKP. Apabila dicerakinkan pula statistik penggunaan kepada bilangan pelawat, tempoh PKP Fasa 1 mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 191, 549 orang pelawat dan bagi Fasa 2 dan Fasa 3 masing-masing sebanyak 32,807 dan 23,954 orang. Jumlah keseluruhan bagi statistik penggunaan u-Pustaka semasa PKP fasa 1 sehingga fasa 3 adalah 248,310 .

**(iii) Peminjaman Bahan Digital**

Sebanyak lima jenis bahan digital yang menjadi bahan kajian sepanjang tempoh pelaksanaan PKP Fasa 1, 2 dan 3. Kajian terhadap bahan-bahan tersebut penting bagi menganalisis sejauh mana aktiviti peminjaman bahan digital ini berlaku memandangkan bahan fizikal tidak dapat dipinjam buat masa ini. Kelima-lima bahan tersebut pula dikategorikan kepada tiga kategori berikut:

E-Buku	E-Majalah	E-Surat Khabar	Pengkalan data
Overdrive	Zinio	Press Reader	PNM Elib Ookbee

Platform bahan digital milik PNM hanyalah PNM Elib. Selebihnya merupakan platform alternatif yang ada. Dari segi bilangan capaian terhadap platform digital sepanjang tempoh PKP, dapat dirumuskan bahawa capaian terhadap PNM Elib adalah yang paling tinggi dengan jumlah capaian sebanyak 22,963 bagi tempoh PKP Fasa 1, sebanyak 21,864 bagi PKP Fasa 2 dan Fasa 3 mencatatkan jumlah sebanyak 22,161. Kemudian, diikuti dengan platform Overdrive, Zinio, Press Reader dan Ookbee. Data ini menunjukkan satu perkembangan yang positif dalam penerimaan masyarakat terhadap bahan-bahan digital yang ditawarkan oleh PNM. Dalam masa yang sama, ia juga menunjukkan bahawa PNM boleh menjadi perintis terhadap usaha-usaha pendigitalan bahan-bahan bacaan seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

## 7. Penganjuran Program

Sungguhpun pelaksanaan PKP dan PKPB telah membataskan gerak kerja dan operasi PNM, terdapat pelbagai alternatif yang telah dilaksanakan bagi meneruskan program-program galakan membaca yang menjadi tanggungjawab PNM. PNM telah menganjurkan beberapa program secara dalam talian sepanjang musim PKP.

**(i) Kempen Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku**

PNM telah memulakan kempen Sila Duduk Di Rumah Dan Baca Buku dengan menggiatkan promosi perkhidmatan bahan bacaan digital secara percuma menerusi portal [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) dan media sosial PNM semenjak hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan iaitu pada 18 Mac 2020. Menariknya apabila promosi ini dijalankan sepanjang dalam Perintah Kawalan Pergerakan, terdapat peningkatan bilangan keahlian baharu sebanyak 19, 221 orang. Ianya adalah satu pencapaian yang amat memberangsangkan dan ini secara langsung menunjukkan rakyat Malaysia sebenarnya gemar membaca.

(ii) **Bacaan Kegemaran Saya**

Program membaca ini membolehkan orang ramai berkongsi bacaan kegemaran mereka tanpa mengira jenis buku atau genre. Pembaca juga dapat berkongsi bahan bacaan yang telah memberi inspirasi dalam kehidupan mereka. Formatnya telah diubah menjadi format digital agar sesuai dengan tempoh PKP. Ia dijalankan bermula dari 23 Mac dan akan dilaksanakan secara berterusan. Pembaca boleh memuat naik video atau mengulas gambar serta menayangkan gambar buku kegemaran mereka melalui saluran media sosial seperti FB dan IG dengan tanda pagar #bacaankegemaransaya\_pnm. Sehingga 19 Mei 2020, sebanyak 243 orang telah mengakses dan menyertai program ini.

(iii) **Pertandingan Penulisan "Menempuh Covid-19: Suatu Pengalaman"**

Merupakan pertandingan penulisan bagi membolehkan rakyat Malaysia berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka menempuh pahit getir wabak COVID-19 yang diolah dalam bentuk penulisan kreatif iaitu cerpen. PNM telah menerima sebanyak 462 penyertaan. Pemenang pertandingan ini akan mendapat hadiah berbentuk wang tunai.

(iv) **Uji Jawi PKP**

Suatu program untuk menyemarakkan pembudayaan tulisan jawi menggunakan platform media sosial. Soalan Uji Jawi akan dimuat naik di media sosial seminggu sekali. Program ini diadakan pada 7 April 2020 sehingga 31 Mei 2020. Sepanjang program ini dijalankan sebanyak 604 like telah diperolehi.

(v) **Cabaran Deklamasi Puisi Maya**

Program ilmu yang mengasah bakat dalam penyampaian puisi berdasarkan himpunan puisi yang terpilih di dalam buku 'Malam Baca Puisi Dunia'. Program ini telah mendapat 128 penyertaan peserta.

(vi) **Jom Baca Bersama 2020**

Program ini bertujuan untuk menjadikan membaca sebagai gaya hidup masyarakat Malaysia. Buat pertama kalinya PNM melaksanakan program ini secara dalam talian bagi disesuaikan dalam tempoh PKP dan telah disiarkan menerusi fb live PNM. Antara pengisian program ini adalah sesi Bacaan Kegemaran Saya oleh Tokoh NILAM 2019 bagi kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Deklamasi Sajak dan Pantun berkaitan buku, pembacaan dan ilmu serta kemuncaknya bacaan serentak seluruh Malaysia pada jam 11.00 pagi. Turut dipancarkan adalah ucapan ringkas YBr. Ketua Pengarah PNM, YBhg. Dato' KSU MOTAC dan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri MOTAC. Seramai lebih 1,044,778 peserta telah mengikuti program ini dari seluruh Malaysia.

(vii) **Pertandingan Bercerita Digital**

Program didik hibur ini telah diadakan pada 15 Mei hingga 15 Jun 2020 dan dijalankan secara atas talian. Tujuan program ini adalah untuk mengasah bakat bercerita dan kreativiti peserta.

## Kesimpulan

Dua perkara penting melibatkan pengalaman PNM dalam meneruskan operasinya sepanjang tempoh PKP, iaitu pertama mengenai impak pelaksanaan PKP, dan PKPB kepada pentadbiran dan pengurusan PNM yang melibatkan tujuh perkara seperti dibincangkan. Manakala perkara kedua ialah berkenaan analisis perkhidmatan u-Pustaka sepanjang tempoh tersebut.

Sungguhpun terdapat beberapa perubahan yang berlaku dalam operasi PNM sepanjang tempoh PKP dan PKPB, semua itu merupakan perubahan yang positif bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang melanda negara. Terdapat satu perkembangan positif yang berlaku dalam dunia penerbitan digital negara apabila bilangan pengguna dilihat meningkat sepanjang tempoh tersebut. Justeru itu, pihak PNM perlu memandang serius mengenai perkembangan ini dan terus menambahbaik perkhidmatan dari masa ke semasa dengan perkembangan digital terkini.

## Rujukan

- Theresa Chmara, J.D. "Guidelines for Reopening Libraries During the COVID-19 Pandemic." American Library Association, 8 Jun 2020, [www.ala.org/advocacy/intfreedom/reopeningguidelines](http://www.ala.org/advocacy/intfreedom/reopeningguidelines). Diakses pada 10 Jun 2020.
- Mohammad Thalhan Amir. "COVID-19 : Penggunaan Atas Talian Akan Menjadi Normal Baharu Meskipun Setelah Pkp Dibubarkan." Berita Universiti Malaysia Kelantan, 2 Mei 2020, [www.umk.edu.my/index.php/ms/penerbitan/berita-terkini](http://www.umk.edu.my/index.php/ms/penerbitan/berita-terkini). Diakses pada 10 Julai 2020.
- BERNAMA. "Pinjaman buku digital meningkat sepanjang PKP." *Sinar Harian*, 27 April 2020, [www.sinarharian.com.my/article/80789/BERITA/Nasional](http://www.sinarharian.com.my/article/80789/BERITA/Nasional). Diakses pada 5 April 2020.
- Sinar Harian. "Saintis kenal pasti enam jenis Covid-19." [www.sinarharian.com.my/article/93149/KHAS/Koronavirus/Saintis-kenal-pasti-enam-jenis-Covid-19](http://www.sinarharian.com.my/article/93149/KHAS/Koronavirus/Saintis-kenal-pasti-enam-jenis-Covid-19).
- "Prosedur Operasi Standard (SOP) Pasca-Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 untuk sektor perkhidmatan perpustakaan di Malaysia." Portal Rasmi Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, [www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/1154](http://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/1154).
- "Pinjaman buku digital meningkat sepanjang PKP." *Sinar Harian*, [www.sinarharian.com.my/article/BERITA/Nasional/Pinjaman-buku-gital-meningkat-sepanjang-PKP](http://www.sinarharian.com.my/article/BERITA/Nasional/Pinjaman-buku-gital-meningkat-sepanjang-PKP).

## LAMPIRAN

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)  
PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)**

**1. PENGGUNA DAN KAKITANGAN**

- 1.1 Mengambil dan merekod maklumat peribadi termasuk suhu badan pengguna dan kakitangan termasuklah kakitangan PNM/kontraktor/vendor/pembekal perkhidmatan/pekerja kontraktor pembersihan dan penyelenggaraan di pintu masuk yang dikhaskan.
- (a) Hanya individu yang melepasi saringan kesihatan dan suhu badan di bawah 37.5 darjah celsius dibenarkan masuk ke premis perpustakaan.
  - (b) Rekodkan kehadiran setiap individu yang hadir ke premis perpustakaan pada setiap hari dalam buku daftar khas yang perlu diselenggarakan minimum enam (6) bulan.
  - (c) Semua individu yang berada di premis perpustakaan perlu memakai penutup hidung dan mulut, *hand sanitizer* dan mengamalkan penjarakan sosial.
- 1.2 Menyediakan secukupnya notis mengenai norma baharu perkhidmatan perpustakaan.

**2. PERKAKASAN DAN KEBERSIHAN**

- 2.1 Mesin peralatan/perkakasan seperti komputer, rak buku, meja, kerusi, troli dan sebagainya dinyah kuman setiap pagi sebelum perkhidmatan bermula.
- 2.2 Pintu, pemegang pintu, *railing*, gagang telefon, mesin *self-check*, papan pemuka dan pelantar *book drop* dan kaunter perlu dinyah kuman minimum tiga (3) kali sehari.
- 2.3 Menyediakan pembersih tangan/*hand sanitizer* yang mencukupi di tempat strategik di perpustakaan.
- 2.4 Kakitangan digalakkan untuk mencuci tangan sebelum membuka dan menutup perpustakaan.
- 2.5 Membuang penutup hidung dan mulut, tisu dan sarung tangan ke dalam tong sampah bertutup yang disediakan.

**3. PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

- 3.1 Waktu operasi perkhidmatan perpustakaan dibuka pada hari Selasa hingga Sabtu, pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang.
- 3.2 Perpustakaan ditutup pada hari Ahad, Isnin dan cuti umum.
- 3.3 Menghadkan jumlah pengguna perkhidmatan perpustakaan pada satu-satu masa seperti di **Lampiran I**.

- 3.4 Perkhidmatan di Bangunan Anjung Bestari dan Perpustakaan Kanak-kanak ditutup kepada pengguna selama tiga (3) bulan selepas PKPB. Senarai perkhidmatan yang ditutup adalah seperti di **Lampiran II**.
- 3.5 Penjarakan sosial perkhidmatan;
- (a) Susun atur kerusi dan meja pengguna di ruang perkhidmatan turut dibuat penjarakan selamat.
  - (b) Pengguna dan petugas perlu mengamalkan penjarakan satu (1) meter antara satu sama lain untuk semua urusan di kaunter.
  - (c) Amalan tidak bersalam dan berjabat tangan perlu dilaksanakan di seluruh perpustakaan.
- 3.6 Perkhidmatan Rujukan;
- (a) Perkhidmatan rujukan disediakan seperti biasa tetapi penggunaan ruang adalah terhad berdasarkan *first come first serve* dan ketersediaan ruang.
  - (b) Pengguna digalakkan menyusun semula buku yang telah dirujuk ke atas troli yang disediakan.
  - (c) Petugas yang mengendalikan buku-buku yang dirujuk oleh pengguna adalah digalakkan bersarung tangan dan memakai penutup hidung dan mulut untuk mengelak berlakunya jangkitan.
  - (d) Petugas juga perlu membasuh tangan selepas memegang buku-buku berkenaan.
- 3.7 Perkhidmatan Pinjaman;
- (a) Tempoh pinjaman dipanjangkan kepada dua bulan (60 hari)
  - (b) Pengguna boleh membaharui pinjaman sebanyak dua kali
  - (c) Program bebas denda selama enam bulan mulai 17 Mac 2020 sehingga 17 September 2020.
  - (d) Pengguna digalakkan menggunakan mesin *self-check* dan *book drop* bagi meminimalkan urusan pinjaman dan pemulangan di kaunter.
  - (e) Petugas yang mengendalikan buku-buku tersebut adalah digalakkan bersarung tangan dan memakai penutup hidung dan mulut untuk mengelak berlakunya jangkitan.
  - (f) Petugas juga perlu membasuh tangan selepas memegang buku-buku berkenaan.
  - (g) Perkhidmatan peminjaman buku digalakkan menggunakan konsep tempahan dan *pick up* melalui tempahan atas talian dan panggilan telefon. Panggilan telefon perlulah dibuat sehari sebelum *pick up*.
  - (h) Penggunaan cecair pembasmi kuman tidak digalakkan kerana berbahaya kepada koleksi perpustakaan dan bahan arkib.

- (i) Pendedahan bahan perpustakaan kepada sinar UV sebagai kaedah pensterilan adalah tidak disyorkan.

### 3.8 Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

- (a) Bagi perkhidmatan pinjaman kelompok, hanya dua (2) agensi dibenarkan meminjam pada satu hari dengan dua (2) sesi pemulangan dan peminjaman.
- (b) Tempoh pinjaman berkelompok dilanjutkan kepada enam (6) bulan
- (c) Ahli Pinjaman Kelompok boleh membaharui pinjaman sebanyak dua (2) kali

### 3.9 Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa

- (a) Perkhidmatan pinjaman adalah seperti di para 3.6
- (b) Waktu Perkhidmatan adalah seperti di para 3.1 kecuali Perpustakaan Komuniti UTC yang beroperasi mengikut waktu perkhidmatan UTC dibuka
- (c) Perkhidmatan rujukan dan perkhidmatan lain ditutup selama tiga (3) bulan selepas PKPB berakhir

### 3.9 Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan

- (a) Tempoh peminjaman bahan dilanjutkan kepada dua (2) bulan
- (b) Program bebas denda ditawarkan kepada pengguna selama enam (6) bulan mulai 17 Mac 2020 sehingga 17 September 2020.
- (c) Bahan yang dipinjam dan dipulangkan perlu mengikut langkah-langkah seperti di para 4.

## 4. AKTIVITI PERPUSTAKAAN

### 4.1. Segala aktiviti berbentuk perhimpunan awam ditangguhkan sehingga enam (6) bulan selepas PKPB berakhir

- (a) Aktiviti yang diadakan tidak boleh melebihi dua puluh (20) orang peserta pada satu masa
- (b) Penjarakkan sosial satu (1) meter di antara peserta perlu dilaksanakan
- (c) Peserta, petugas dan urusetia program perlu memakai topeng muka, sering membasuh tangan dan menggunakan sanitizer
- (d) Aktiviti – aktiviti dalam talian digalakkan diadakan

## 5. PENYELENGGARAAN BAHAN PERPUSTAKAAN

### 5.1 Buku-buku yang dipulangkan, dirujuk termasuk manuskrip dan nadir serta koleksi yang diterima melalui pembelian/akta/sumbangan juga perlu dibuat pengasingan selama sehari (1) hari/24 jam hingga tiga (3) hari/72 jam mengikut bahan di bilik/ruang pengasingan khas. Bahan-bahan ini perlu menjalani proses nyah kuman yang telah ditetapkan terlebih dahulu sebelum diproses. Buku-buku ini diletakan slip untuk menandakan tarikh dan masa diterima.



Cadangan masa pengasingan mengikut bahan adalah seperti berikut:

Bil.	Bahan	Saranan masa minimum kuarantin
1.	Bahan kertas biasa seperti buku, carta dan peta	24 jam
2.	Manuskrip dan Nadir (kertas lapisan tisu dan kulit kertas)	24 jam
3.	Bahan Nadir dengan kulit <i>mylar</i> , <i>buckram</i>	72 jam
4.	Buku dengan kulit polister/plastik	72 jam
5.	Buku dengan kulit <i>laminatel</i> photo paper	72 jam
6.	Buku dengan kain, <i>buckram</i> dan kulit asli	72 jam
7.	Plastik (CD / DVD DATA, AUDIO, VIDEO)	72 jam
8.	Bahan kertas bersalut polister, plastik dan keluli seperti kit, poster, carta dan peta	72 jam

Jadual 1 : Cadangan masa kuarantin bahan

- 5.2 Bilik/ruang pengasingan tidak boleh berhawa dingin. Sekiranya bilik tersebut menggunakan sistem penghawa dingin berpusat, ventilasi penyaman udara di ruang tersebut perlu ditutup untuk mengelakkan udara sejuk masuk ke bilik/ruang tersebut.

## 6. KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

- 6.1 Kafeteria yang beroperasi digalakkan menyediakan makanan berbungkus oleh pengendali makanan yang memakai alat penutup hidung dan mulut serta memastikan penjarakan sosial dilaksanakan selaras dengan prosedur KKM.
- 6.2 Surau yang beroperasi di premis perpustakaan juga perlu mematuhi penjarakan selamat serta prosedur norma baharu yang ditetapkan.
- 6.3 Bilik Perbincangan tidak dibenarkan untuk digunakan
- 6.4 Pengamalan jarak sosial di seluruh kawasan perpustakaan termasuk di tandas, pantri, gimnasium, ruang rekreasi, dan lain-lain.

## 7. MEMPAMERKAN SOP/GARIS PANDUAN UNTUK PENGGUNA DAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN

Menyedia dan mempamerkan SOP / Garis Panduan “Do” dan “Dont’s” di kawasan strategik perpustakaan untuk panduan pengguna dan kakitangan mengenai langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19.

## 8. PENUTUP

SOP ini perlu dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut perubahan dan keperluan baharu dalam kawalan jangkitan Covid-19 yang dikuat kuasa oleh pihak Kerajaan.

## LAMPIRAN I

## HAD PENGGUNA DI RUANG PERKHIDMATAN PNM

KAUNTER PERKHIDMATAN	LOKASI	HAD JUMLAH PENGGUNA
Pusat Rujukan Malaysia	Aras 6, 7 & 8, Menara PNM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada 100 orang pada satu-satu masa.</li> <li>• Aras 9 &amp; 10 hanya dibuka jika pengguna terlalu ramai.</li> </ul>
Rujukan Luar Negara	Aras 8, Menara PNM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada lapan (8) orang pada satu-satu masa.</li> </ul>
Pusat Manuskrip Melayu	Aras 11, Menara PNM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada 12 orang pada satu-satu masa.</li> </ul>
Pinjaman Dewasa	Aras 3 & 4, Wisma Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada 20 orang pada satu-satu masa.</li> </ul>
Pinjaman Berkelompok	Aras G, Wisma Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya 2 agensi sehari (satu pagi dan satu petang)</li> <li>• Terhad kepada 3 orang bagi setiap agensi</li> </ul>
Pendaftaran Keahlian	Aras 1, Anjung Bestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada dua (2) orang pengguna pada satu-satu masa.</li> </ul>
Penyerahan Bahan Akta	Aras 2, Anjung Bestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Serahan terhad kepada satu (1) penerbit pada satu-satu masa.</li> <li>• Terhad kepada sepuluh (10) penerbit dalam sehari termasuk perkhidmatan melalui kurier.</li> </ul>
Perkhidmatan Kepada Penerbit (ISBN/ISSN/PDP)	Aras 3, Anjung Bestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada lima belas (15) orang pengguna sehari</li> <li>• Permohonan terhad kepada satu (1) penerbit pada satu-satu masa.</li> </ul>
Perpustakaan Awam Damansara	Aras 1 dan Aras 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada sepuluh (10) orang pengguna di setiap Aras pada satu-satu masa</li> </ul>
Perpustakaan Buku2u@ Radia	Ruang Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada dua puluh (20) orang pengguna pada satu-satu masa</li> </ul>
Perpustakaan Komuniti AU2	Ruang Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada sepuluh (10) orang pengguna pada satu-satu masa</li> </ul>

Perpustakaan Komuniti UTC Keramat	Ruang Perkhidmatan	• Terhad kepada sepuluh (10) orang pengguna pada satu-satu masa
Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras	Ruang Perkhidmatan	• Terhad kepada lima (5) orang pengguna pada satu-satu masa
Perpustakaan Desa kendalian PNM	Ruang Perkhidmatan	• Terhad kepada lima (5) - sepuluh (10) orang pengguna pada satu-satu masa bergantung kepada saiz- perpustakaan
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	Ruang Perkhidmatan	• Terhad kepada dua puluh (20) orang pengguna pada satu-satu masa

## LAMPIRAN II

### PERKHIDMATAN PNM YANG DITUTUP KEPADA PENGGUNA

KAUNTER PERKHIDMATAN	LOKASI
Zon Siber	Aras 2, Anjung Bestari
Samsung Smart Library	Aras 1, Anjung Bestari
Galeri U-Pustaka	Aras 1, Anjung Bestari
Hipermedia Dewasa	Aras 4, Anjung Bestari
Hipermedia Kanak-Kanak	Aras G, Anjung Bestari
Perpustakaan Kanak-Kanak	Aras G, Anjung Bestari

\* Ditutup selama tiga (3) bulan bermula dari tarikh berakhir dan tertakhluk kepada arahan selanjutnya.

# **ADAPTASI TERAPEUTIK LANDSKAP DI PERSEKITARAN PERPUSTAKAAN**

**Haslinda Husaini**

*Pensyarah Kanan*

*Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam  
haslinda3145@salam.uitm.edu.my*

**Siti Arpah Noordin**

*Pensyarah Kanan*

*Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam  
siti@salam.uitm.edu.my*

**Shamila Mohamed Shuhidan**

*Pensyarah Kanan*

*Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam  
shamila@salam.uitm.edu.my*

**Ida Fajar Priyanto**

*Pensyarah Kanan*

*Fakulti Perpustakaan dan Pengurusan Maklumat, Universitas Gadjah Mada  
idafp75@gmail.com*

---

## **Abstrak**

Terapeutik membawa kepada erti pendekatan bukan rawatan yang digunakan bagi tujuan membantu memberi ketenangan dari aspek mental, fizikal dan juga kerohanian individu. Ia membantu mempromosikan gaya hidup yang sihat. Impak atau kesan terapi bagi setiap individu adalah berbeza mengikut kepada keupayaan diri individu untuk menganalisa. Perpustakaan awam memainkan peranan dengan mengubah dan membantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat. Hasil daripada kajian sebelum ini menunjukkan bagaimana faktor persekitaran memainkan peranan di dalam membantu masyarakat. Hasil literatur menunjukkan faktor landskap terapi, berupaya mengurangkan tekanan individu dan masyarakat. Untuk menghadapi tekanan di dunia moden pada hari ini, mengguna pakai konsep terapi berasaskan landskap di dalam perpustakaan awam dilihat sebagai usaha untuk memastikan kesejahteraan masyarakat. Faktor bercirikan landskap terapi yang terdapat di dalam persekitaran perpustakaan berupaya bukan sahaja memberi impak positif kepada pengguna tetapi juga menyumbang kepada hasil kualiti kerja dan inklusi sosial kakitangan di perpustakaan. Persekitaran landskap perpustakaan yang bercirikan dan memberi impak terapi merupakan ciri penting kepada perubahan masyarakat dan seterusnya dalam pembentukan modal insan. Meskipun segala sumber maklumat dan perkhidmatan serta fasiliti ini telah tersedia di perpustakaan, data statistik diperlukan bagi mengukur keupayaan dan kualiti sumber yang tersedia. Justeru objektif kajian adalah mengenalpasti elemen bersesuaian di dalam model kajian yang dijalankan ke atas perpustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah metodologi gabungan iaitu kualitatif dan kuantitatif. Tiga dimensi utama bagi terapeutik landskap yang diadaptasi ialah persekitaran semulajadi/binaan, persekitaran sosial dan persekitaran rohani.

Perpustakaan hari ini perlu mengetahui keperluan dan kehendak serta persepsi pengguna perpustakaan dari segi kualiti & kepuasan terapeutik landskap di perpustakaan. Ini bagi memastikan peranan dan pengurusan perpustakaan serta pembangunan masyarakat dilaksanakan. Hasil penyelidikan telah membuktikan bahawa model dan instrumen yang dibangunkan bersesuaian dan boleh digunapakai oleh perpustakaan di Malaysia.

**Kata kunci:** Perpustakaan awam, terapeutik landskap, kualiti terapeutik landskap, jangkaan pengguna, persepsi pengguna, model terapeutik landskap.

### ***Abstract***

*Therapeutic leads to the non-treatment approach used to give tranquillity for the mental, physical and spiritual aspects of the individual. It helps promote a healthy lifestyle. The therapeutic effect of each individual varies according to the individual's ability to analyze. Public libraries play a vital role in changing and helping to improve the quality of life of the community. The results of previous studies show how environmental factors play a role in helping society. The results of the literature show the therapeutic landscape factors, able to reduce the stress of individuals and society. To cope with the pressures of today's modern world, adopting the concept of landscape-based therapy in a public library is an effort to ensure the well-being of society. Factors characterized by the therapeutic landscape found in the library environment is not only having a positive impact on users but also contribute to the results of the quality of work and social inclusion of staff in the library. The library landscape environment that is characterized and gives therapeutic impact is an important feature of social change and subsequently in the formation of human capital. Although all sources of information and services and facilities are already available in the library, statistical data is needed to measure the capability and quality of available resources. Thus the objective of the study is to identify the appropriate elements in the study model conducted in the library. This study uses a combination methodology that is qualitative and quantitative. The three main dimensions of landscape adaptation therapeutics are the natural/constructive environment, the social environment, and the spiritual environment. Libraries today need to know the needs and perceptions of library users in terms of quality & therapeutic satisfaction of the landscape in the library. This is to ensure the role and management of the library as well as community development is implemented. The results of the research have proven that the models and instruments developed are appropriate and can be used by libraries in Malaysia.*

**Keyword:** *Public library, therapeutic landscape, therapeutic landscape quality, user perception, user need, therapeutic landscape model*

### **Pengenalan**

Penyelidikan ini mengkaji berkenaan konsep terapeutik dalam perpustakaan. Perpustakaan beroperasi berasaskan dan berorientasikan kepada perkhidmatan kepada pengguna. Faktor persekitaran dalam penyelidikan ini merangkumi perkhidmatan sumber maklumat dan fasiliti yang ditawarkan dan digunapakai bagi tujuan penawaran perkhidmatan di dalam perpustakaan. Pembangunan model dan instrumen soal selidik bagi kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan melihat kepada kepentingan peranan dan sumber serta kemudahan yang disediakan berupaya memberi kesan positif kepada kepuasan pengguna.

Kajian ini mengutamakan kesejahteraan masyarakat dan memberi tumpuan kepada peranan perpustakaan awam dalam menyediakan landskap persekitaran yang bercirikan konsep terapi. Pada masa hadapan diharapkan perpustakaan berupaya berperanan dalam membantu dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat. Kajian terdahulu telah dilakukan untuk mengkaji dan menjelaskan berkenaan adaptasi yang diamalkan di perpustakaan awam yang berkaitan dengan teori asal landskap terapeutik (Gesler, 1992).

Teori landskap terapeutik telah diperkenalkan pada sekitar tahun 1990-an oleh Wilber Gesler. Teori asal mempunyai tiga (3) elemen utama iaitu persekitaran alam semulajadi/dibina, persekitaran sosial dan juga persekitaran kerohanian. Teori ini telah digunakan secara meluas dalam beberapa bidang dan skop terutama sekali di dalam bidang geografi dan perubatan.

Di dalam persekitaran ekonomi dan sosial yang semakin kompetitif dan berdaya saing, secara kasar boleh dilihat kehidupan hari ini menjadi lebih mencabar serta mendesak daripada pelbagai aspek. Perkembangan pesat ekonomi dan teknologi tidak dapat dinafikan. Ini membawa kepada perubahan budaya dan literasi maklumat di kalangan masyarakat. Peralihan kepada budaya celik literasi bukan sahaja terhadap sumber maklumat malah teknologi maklumat juga semakin berkembang dan digunakan dengan lebih baik di kalangan masyarakat. Ini jelas segala kemudahan yang ditawarkan perkhidmatannya telah diguna pakai dan dipraktikkan ketika penularan wabak COVID-19 di tahun 2020 ketika Malaysia mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan. (IM Read, 2020) Temu bual santai di dalam rancangan anjuran IM READ daripada Fakulti Pengurusan Maklumat membantu memperjelaskan lagi aktiviti dan perkhidmatan sumber maklumat yang boleh diperolehi dari perpustakaan. Ketika kawalan perintah pergerakan dilaksanakan, sumber maklumat dan teknologi yang terdapat dalam perkhidmatan di perpustakaan diguna pakai dengan kadar yang tinggi. Malah penggunaan e-Pustaka juga melihatkan kepada peningkatan penggunaan yang drastik. Ini dapat dilihat dengan peningkatan dan perubahan gaya serta taraf hidup semasa. Tetapi, kesan sampingan akibat perkembangan sosial, ekonomi dan teknologi yang pesat meningkatkan kadar jenayah maklumat palsu dalam masyarakat. Peralihan kepada masalah psikologi, depresi dan mental juga kelihatan semakin berleluasa akibat dari perintah kawalan pergerakan. Perubahan drastik akibat COVID-19 kepada sektor ekonomi dan sosial turut menyumbang kepada peningkatan gejala sosial yang tidak sihat. Terdahulu, kajian ini telah memfokuskan kepada peranan perpustakaan sebagai pusat kepada landskap terapeutik yang berperanan membantu masyarakat. Melalui aktiviti pendidikan pengguna, perpustakaan dilihat sebagai ejen atau institusi yang paling hampir dengan masyarakat untuk menyalurkan, mengesahkan bahan material dan maklumat, menyediakan kemudahan akses kepada sumber maklumat yang pelbagai malah turut mendidik pengguna atau masyarakat Malaysia, menerusi anjuran seminar atas talian yang ada antaranya ditawarkan secara percuma kepada pengguna.

Seperti yang dimaklumkan, penggunaan teori ini boleh dilihat diguna pakai oleh beberapa penyelidik di dalam kajian yang berbeza bidang. Ini seperti bidang Kemanusiaan (Williams, 1999), Taman (Palka, 1999), di kem kanak-kanak pada musim panas (Thurber dan Malinowski, 1999), Perubatan (Scarpaci, 1999), Hospital Kanak-kanak (Kearns and Barnett, 1998), Perkhemahan Kanak-kanak (Kearns and Collins, 2000), Perumahan (William, 2002), Komuniti Masyarakat & Warga Emas (Milligian Gatrell, Bingley, 2004), Perpustakaan Awam (Breswter, 2004; Husaini H., Noordin, S.A and Shuhidan S.M, 2015 & 2018, 2019, 2020).

Sorotan literatur sebelum ini mendapati kegagalan masyarakat menafsir peranan perpustakaan awam menyebabkan kepada kegagalan untuk menggunakan perkhidmatan, sumber maklumat dan fasiliti yang disediakan. Ramai tidak menyedari peranan perpustakaan awam hari ini telah melangkaui dari sekadar sebuah tempat yang menjadi pusat penyimpanan buku kepada tempat yang menyumbang kepada pembentukan modal insan dan juga pembangunan sosial masyarakat yang lebih baik. Malah kajian telah menunjukkan keupayaan perpustakaan awam dalam menyediakan perkhidmatan, sumber maklumat, kemudahan fasiliti dan koleksi kepada masyarakat setempat. Yang mana elemen ini telah banyak melalui perubahan dan naik taraf yang sejajar dengan pembangunan semasa. Ini jelas menunjukkan terdapat hubungan antara perpustakaan yang bercirikan landskap terapeutik dengan peningkatan gaya hidup masyarakat.

Hari ini, peranan dan keperluan perpustakaan awam bertentangan dengan perpustakaan awam tradisional sebagai pusat maklumat. Banyak penyelidikan mengenai perpustakaan awam telah menonjolkan peranan perpustakaan awam dalam menyokong keperluan maklumat, pendidikan, budaya dan rekreasi dan riadah masyarakat (Ladhari & Morales, 2007; Brewster, 2014). Lebih penting lagi, perpustakaan awam mempunyai penglibatan khas atau terlibat secara aktif dan langsung dengan pembangunan kesejahteraan sosial masyarakat (Lippman et al, 2011) menyediakan sumber maklumat dan membantu mengurangkan jenayah serta meningkatkan gaya hidup. Tidak dinafikan setiap pembangunan dan perubahan dalam masyarakat akan turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial di Malaysia. Ini kerana gaya kehidupan serta budaya moden dari luar dan pengaruh negatif ini akhirnya boleh membawa kepada pelbagai bentuk penyakit sosial dalam masyarakat (Krause, 2008; The Star Online, 2014).

Penularan wabak penyakit yang merbahaya dan perintah kawalan pergerakan oleh pihak berwajib secara tidak langsung telah memperlihatkan keupayaan peranan perpustakaan awam dalam mendekati pengguna dan masyarakat melalui pelbagai cara. Malah, khidmat nasihat serta program pendidikan pengguna turut membantu ekonomi masyarakat yang terjejas akibat daripada wabak ini. Senario ini merupakan cabaran kepada semua perpustakaan awam pada hari ini dalam menentukan kualiti terhadap perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan kepada pengguna yang rata-ratanya adalah terdiri daripada pelbagai tahap lapisan masyarakat. Perpustakaan hari ini tidak lagi berfungsi sebagai sebuah tempat yang hanya menawarkan bahan cetakan secara fizikal seperti buku tetapi peranannya dari aspek membina dan membantu meningkat kesejahteraan sosial semakin ketara di kalangan masyarakat. Penyediaan pelbagai jenis bahan bacaan dalam format elektronik telah banyak membantu masyarakat dan menjadikan aktiviti membaca lebih menarik.

Konsep terapeutik membawa kepada erti pendekatan bukan rawatan yang digunakan bagi tujuan membantu memberi kelegaan dan ketenangan dari aspek mental, fizikal dan juga kerohanian individu melalui tiga faktor utama yang terdapat di perpustakaan. Pengguna perpustakaan awam hari ini lebih menjangkakan perpustakaan adalah tempat sumber maklumat utama dan juga turut berasa selesa di mana suasana persekitaran yang menyenangkan dan mengalu-alukan kedatangan pengguna, persekitaran suasana yang menarik dan menghiburkan, menenangkan dan berdaya saing serta dilengkapi dengan sumber maklumat dan teknologi, perkhidmatan dan kemudahan yang dipercayai serta keberadaan dalam keadaan yang selamat. (Krolak, 2005; Ludwig & Starr, 2005; Carnegie, 2013, Brewster 2014, Noordin et. al., 2017).

## **Kajian Literatur**

Kesedaran berkenaan dengan kepentingan kualiti di dalam perkhidmatan di organisasi atau institut tidak dapat disangkal. Isu ini banyak diperkatakan dan ia menerima perhatian dari banyak pihak termasuk perpustakaan awam. Perpustakaan awam mempunyai jalinan dan hubungan yang akrab dengan masyarakat setempat. Ia menjadi pusat pertemuan dan aktiviti sosial kepada masyarakat hari ini. Perpustakaan bukan sahaja dianggap sebagai tempat bagi simpanan kepada buku-buku tetapi juga sebagai organisasi yang memainkan peranan penting dalam membina budaya sosial masyarakat. Tambahan lagi, peranan yang dimainkan oleh perpustakaan awam hari ini bertentangan dengan perpustakaan awam tradisional suatu ketika dahulu. Secara teori, kualiti perkhidmatan (ServQUAL) diperkenalkan oleh Parasuraman, Zeithaml, dan Berry (1988) telah digunakan dalam banyak institusi dan organisasi, begitu juga dengan kualiti perpustakaan (LibQUAL) oleh Persatuan Perpustakaan Penyelidikan (Association of Research Libraries Statistics and Assessment Program, 2014). Teori ini telah dilaksanakan kerana keperluan dan juga kesedaran semasa untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan pada tahap penerimaan dan kepuasan pengguna yang lebih baik. Konsep ini dijalankan adalah untuk menyediakan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti dan bersifat kontemporari mengikut perkembangan semasa bagi memenuhi citarasa dan keperluan pengguna, yang mana ia adalah kaedah bagi penilaian kualiti bagi mengekalkan mutu perkhidmatan.



Perubahan pesat teknologi dan persaingan yang semakin meningkat, memerlukan perpustakaan untuk berubah dan mengikut gaya semasa serta meningkatkan kualiti bukan sahaja dalam perkhidmatan untuk memuaskan pengguna tetapi juga kepuasan terapeutik di dalam perpustakaan. Mengapa perlu ada suasana terapi di dalam perpustakaan? Kenapa perpustakaan yang menjadi pilihan? Landskap terapi di perpustakaan? Landskap dan suasana persekitaran di perpustakaan mendatangkan rasa selesa dan menarik pengguna ke perpustakaan? Hasil kajian terdahulu telah membuktikan keupayaan persekitaran di perpustakaan untuk memberikan rasa keselesaan dan kegembiraan serta keseronokan dan membantu pengguna dari pelbagai sudut dan aspek, contohnya dari penyediaan sumber maklumat dan bahan pembelajaran, ruang yang selesa, suasana yang menggalakan dan membantu daya dan gaya pembelajaran. Dengan perubahan budaya dan teknologi yang pantas pada hari ini, kualiti memainkan peranan penting dalam kajian ini, ianya supaya pengguna perpustakaan dapat berasakan terapi bagi suasana yang selesa, aman, senang serta gembira, kepuasan hidup dan pendekatan kepuasan keperluan menerusi peranan perpustakaan sebagai faktor persekitaran dan bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan (Husaini, H., Noordin, S.A, dan Shuhidan S.M, 2015 (Noordin, S.A., Husaini, H., dan Shuhidan S.M., 2016).

Idea, konsep dan teori berkenaan terapeutik landskap telah digunakan secara meluas untuk menggambarkan hubungan antara tempat dan penambahbaikannya serta sumbangannya dalam memperbaiki kesihatan mental (Brewster, 2014). Terapeutik landskap berperanan sebagai satu platform di mana proses pemulihan berlaku dari aspek mental, fizikal dan sosial. Penggunaan kawasan, tempat, persekitaran dan ruang menghadirkan perasaan yang selesa, selamat dan menyenangkan. Pengguna tertarik apabila kehadiran mereka diterima secara terbuka. Landskap terapeutik telah digariskan untuk menunjukkan bahawa sifat-sifat yang menyokong pemulihan dan menggalakkan kesejahteraan di kalangan masyarakat (Duff, 2012; Yates et al., 2012).

Wilbert Gesler (1992) telah mengevolusikan konsep landskap terapi dalam bidang geografi dan kesihatan. Asal-usul teorinya terletak pada ekologi budaya, struktur dan humanisme. Rangka analitikal persekitaran semula jadi, binaan, sosial dan rohani menyumbang kepada penyembuhan dan kesejahteraan di tempat-tempat tertentu – bidang landskap yang diperkenalkan (Gesler, 2003). Teori ini digunakan terutamanya di tempat-tempat yang telah mencapai reputasi untuk proses penyembuhan (Gesler, 2003) atau diperluaskan ke tempat-tempat yang mempromosikan dan mengekalkan kesejahteraan dan kesihatan (Williams, 1999, 2000).

Malah, penyelidikan lain membuktikan dan menjelaskan bagaimana dan mengapa landskap pemandangan semulajadi dan landskap terapi yang memberi kelegaan kepada tekanan yang dihadapi oleh individu mahupun masyarakat dan mengubah perasaan mereka dari pelbagai perspektif, termasuk: geografi perubatan (Gesler, 2003), psikologi persekitaran (Kaplan dan Kaplan, 1989; Kaplan, 1992; Ulrich, 1984, 1999), psikologi ekologi (Vries, 2010); Moore dan Cosco, 2010), dan terapi hortikultur (Detweiler, et.al., 2012; Soderback et al., 2004).

Model landskap terapi oleh Gesler (1998) terdiri daripada tiga (3) dimensi iaitu secara alam semulajadi dan juga dibina, persekitaran sosial dan persekitaran rohani. Ia disokong oleh kajian-kajian empirikal yang dilakukan oleh William, 1998; Palka, 1999; Thurber & Malinowski, 1999; Kearns & Barnet, 1999; Scarpaci, 1999; Kearns & Collins, 2000; Williams, 2002, Wilson, 2003; Miligian et. al., 2004; Martin et. al., 2005; Korpela dan Ylean, 2007; Ravi, 2008; Brewster, 2014; Montealleh, 2015. Kajian-kajian ini telah memperluaskan teori dalam bidang penyelidikan lain.

Terdapat juga unsur-unsur terapeutik yang sedia diamalkan di perpustakaan tanpa menyedari perkhidmatan yang disediakan itu berkemampuan untuk menjadikan perpustakaan sebuah tempat yang sesuai untuk implementasi landskap terapi. Ini diperkukuhkan lagi apabila literatur dan kajian menunjukkan perpustakaan adalah salah satu organisasi yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat (Lippman et al., 2011) dari pelbagai aspek. Beberapa kajian lama melihat perpustakaan sebagai tempat



yang hanya mengandungi perkhidmatan, kemudahan dan koleksi (Ludwig L dan Starr, S., 2005) dan terkini kajian telah mula menilai terapeutik landskap dari aspek tempat peluang, tempat pemulihan, tempat bersosial dan tempat keselamatan oleh Sampson, R Gifford, S.M (2010). Sesetengah kajian melihat bagaimana integrasi antara landskap dan ruang perpustakaan (Montealleh, Parsaee, Sheybani, 2015), mengintegrasikan ruang yang ada di perpustakaan serta mengadaptasi kelebihan landskap terapi bagi meningkatkan potensi perkhidmatan untuk menggalakan aktiviti di kalangan pengguna perpustakaan.

Kajian terdahulu telah memberi idea dan peluang bagi pengembangan ilmu. Kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan pengguna perpustakaan, malah kajian juga memberi tumpuan bagi mengukur kualiti landskap terapi dan kepuasan pengguna terhadap landskap persekitaran di perpustakaan. Memandangkan perkhidmatan di perpustakaan adalah berorientasikan perkhidmatan, maka kualiti perkhidmatan dari aspek landskap terapeutik perlu diukur bagi memastikan kepuasan terhadap unsur landskap terapeutik yang disediakan di perpustakaan. Penemuan literatur membincangkan, perpustakaan awam mesti meningkatkan kualiti bukan sahaja dalam perkhidmatan tetapi juga pada landskap terapeutik untuk menjadikan perpustakaan sebagai sebuah organisasi yang berdaya saing, selari dengan keadaan terkini dan bergaya kontemporari serta berjaya dalam prestasi perkhidmatan (Husaini, H., Noordin, S.A dan Shuhidan, S.M, 2015, 2018, 2019; Noordin, SA, Husaini H dan Shuhidan SM, 2016).

## **Konsep Landskap Terapeutik**

Model landskap terapi ini bukan perkembangan yang baharu, seperti yang diperkatakan ia telah menyumbang kepada banyak bidang yang lain sebelum ini. Ia berkembang pesat sejajar dalam bidang yang diterokai. Ini disebabkan oleh sifat landskap terapeutik yang berupaya memperkayakan penggunaannya di dalam pelbagai faktor dan kegunaan.

Walaupun bagaimanapun, teori ini masih baharu diadaptasi dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat. Ketika kajian awal dilaksanakan sekitar tahun 2015, telah terdapat satu kajian lain oleh Brewster (2014) yang mengaitkan hubungan antara peranan perpustakaan sebagai landskap terapi dan penumpuan di fokuskan kepada permasalahan kumpulan sasaran pengguna yang bermasalah. Kajian memberi tumpuan kepada satu kumpulan pengguna perkhidmatan perpustakaan awam dengan masalah kesihatan mental. Para peserta terdiri daripada tiga kumpulan yang berbeza. Kumpulan ini yang mengikuti program biblioterapi, terdiri daripada sukarelawan melalui temuduga dan sukarelawan melalui bacaan mereka mengenai projek untuk kempen kesihatan mental. Objektifnya adalah untuk melihat bagaimana perpustakaan boleh menyumbang kepada kesejahteraan pengguna. Kajian ini mengadaptasi teori Gesler (1992) dalam landskap terapeutik. Peserta telah ditemuramah tentang pengalaman mereka dengan perpustakaan dari beberapa aspek landskap di perpustakaan seperti; bangunan, jenis ruang, suasana perpustakaan, perpustakaan moden yang dibina, kemudahan yang disediakan, kawasan geografi, perpustakaan yang menarik, koleksi bahan perpustakaan, aktiviti yang dianjurkan, suasana perpustakaan dan banyak lagi yang berkaitan dengan persekitaran perpustakaan.

Kajian dilaksanakan secara kualitatif. Kajian bagi kumpulan sasaran ini membuktikan bahawa landskap perpustakaan memainkan peranan utama di dalam membantu menangani masalah tekanan sosial di kalangan pengguna. Melalui perkhidmatan dan kemudahan serta sumber maklumat yang diberikan dapat membantu dalam usaha menggalakan kesejahteraan sosial masyarakat. Kajian telah memperlihatkan keutamaan dan kebolegunaan tiga dimensi penting dalam teori landskap terapi oleh Gesler ini memainkan peranan di dalam landskap terapi perpustakaan.

Di sini, idea landskap terapi telah digunakan secara meluas untuk menerangkan hubungan antara tempat dan peningkatan kesihatan mental. Justeru dimensi dan elemen bagi kualiti landskap terapeutik di perpustakaan perlu diterokai. Selain dari itu, fakta, data, kajian, teori dan bukti literatur yang tidak mencukupi berkenaan landskap terapeutik di perpustakaan bukan sahaja di Malaysia malah dunia. Konsep yang telah kukuh dalam bidang lain tetapi masih baru untuk diterokai di bidang sains perpustakaan dan maklumat.

Tiada elemen, dimensi malah instrument dibina untuk mengukur kualiti landskap terapi di perpustakaan dan keperluan ini perlu diterokai. Penyelidikan dan kerangka kerja yang tidak mencukupi mengenai landskap terapi perpustakaan terutama di Malaysia (Brewster, 2014; Hutchinson, 2014; Motealleh et. al., 2015; Chen 2015; Lipman, 2016 ; Noordin et. al. 2017; Husaini H., Noordin, S.A and Shuhidan S.M, 2015 & 2018).



Rajah 1: Konsep Kerangka kerja Landskap Terapeutik (Gesler, 1992)

Rajah 1 di atas menunjukkan dimensi yang terdapat di dalam model landskap terapeutik (Gesler, 1992). Konsep ini kemudian diguna pakai oleh penyelidik (Husaini, H., Noordin, S.A dan Shuhidan, S.M., 2015, 2016, 2018, 2019, 2020) bagi kajian di perpustakaan awam di Malaysia, sila rujuk rajah 2. Walau bagaimanapun ia masih mengekalkan tiga dimensi iaitu:

1. Persekitaran perpustakaan semulajadi atau binaan
2. Persekitaran perpustakaan sosial
3. Persekitaran perpustakaan kerohanian



Rajah 2 : Konsep Kerangka kerja Landskap Terapeutik di Perpustakaan (Husaini, H., Noordin, S.A., Shuhidan, S.M., 2015, 2016, 2017, 2018, 2019, 2020)

Secara hipotesis mengandaikan bahawa persekitaran perpustakaan boleh di optimumkan penggunaannya apabila elemen bercirikan landskap terapeutik di guna pakai mengikut keperluan semasa. Selain daripada itu, perpustakaan juga ada kelebihan dengan mempunyai data yang kukuh dan tepat dan ia membantu perpustakaan untuk membuat keputusan yang lebih baik berkenaan sumber maklumat, perkhidmatan dan fasiliti serta merancang pengurusan yang lebih baik (Brewster, 2014). Untuk mencapai ini, perpustakaan perlu memahami apa yang diharapkan atau dijangkakan oleh pengguna perpustakaan hari ini serta

persepsi pengguna perpustakaan dari segi kualiti landskap terapeutik. Adalah penting untuk memastikan persekitaran landskap terapeutik yang digunakan oleh perpustakaan mampu memberikan impak yang lebih baik kepada kesejahteraan masyarakat.

## **Kaedah Penyelidikan**

Penyelidikan ini bermula dengan tujuan untuk memberi inspirasi kepuasan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan melalui kualiti landskap terapi yang terdapat di perpustakaan. Ia adalah sebagai penggalak ke arah kesejahteraan kepada para pengguna. Dari pemerhatian, terdapat kekurangan data yang serius bagi menyokong bagaimana kualiti landskap terapi di perpustakaan dapat digunakan sebagai penggalak untuk kepuasan pengguna. Untuk itu, kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan juga kuantitatif. Dilaksanakan secara dua peringkat utama dalam usaha untuk mengisi jurang ini:


- i. Peringkat pertama iaitu, kaedah kualitatif iaitu kajian awal di bidang lapangan, pembangunan kerangka kerja, pembinaan kaji selidik berdasarkan literatur terdahulu dan semasa.
- ii. Peringkat kedua melalui kaedah kuantitatif iaitu proses pengumpulan dan penganalisaan data. Melalui soal selidik dan kajian rintis, dan menjalankan ujian kebolehppercayaan dan kesahihan data untuk memastikan kebergunaan dan ketepatan elemen yang digunakan. Ini bagi memastikan data yang diperolehi nanti adalah tepat dan sah mengikut kaedah semasa.

Tinjauan literatur yang intensif dilakukan untuk melihat hubungan di antara kualiti terapeutik dan kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan. Hasil dari tinjauan yg intensif, satu kaedah penilaian perlu dibangunkan bagi mengkaji kajian ini dengan lebih berkesan. Kajian secara komprehensif perlu untuk melihat kepelbagaian kategori bagi kualiti terapi landskap. Keseragaman masih tidak wujud pada ketika kajian dilaksanakan. Melalui kajian literatur beberapa kategori muncul dan soalan yang berkaitan dengan setiap kategori dikumpulkan. Tiga kategori untuk kualiti landskap terapeutik telah dikenalpasti. Teori asal terapi landskap juga mempunyai tiga kategori iaitu persekitaran semulajadi/dibina, persekitaran sosial dan persekitaran kerohanian.

Sepertimana yang dimaklumkan, pendekatan kajian adalah dengan menggunakan kaedah penyelidikan gabungan mengikut peringkat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif pada peringkat pertama kajian bagi mengenalpasti elemen yang perlu ada dalam model yang dicadangkan. Pada peringkat pertama ini, kajian dijalankan melalui kajian semula literature pada penyelidikan terdahulu, kaedah temuduga secara separa berstruktur bagi kumpulan khas yang melibatkan pengurusan perpustakaan dan juga para pustakawan yang terlibat di dalam pengoperasian seharian perpustakaan. Hasil daripada wawancara tersebut, penyelidik telah mengklusterkan penemuan mengikut tema-tema tertentu yang berkaitan dengan perpustakaan. Hasilnya telah digunakan untuk membantu membangunkan rangka kerja berkonsep dan juga seterusnya digunakan untuk membangunkan item bagi soal selidik. Ini dapat dilihat di dalam rajah 3.

Berikut seperti dalam rajah 3, adalah carta alir yang menunjukkan rekabentuk penyelidikan yang dijalankan. Terdapat tiga fasa. Pada fasa pertama kaedah kajian menggunakan kaedah kualitatif. Manakala fasa kedua menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan fasa akhir ialah penulisan kepada hasil penemuan kajian.

Pada fasa yang kedua kaedah penyelidikan dijalankan secara kuantitatif hasil daripada pembangunan soalan yang dibina daripada rangka kerja konsep. Di peringkat ini, item soalan yang dibina melalui proses pra-ujian soalan dan seterusnya kajian rintis bagi memastikan kesahihan soalan yang dibina. Bagi ujian pra soalan yang dibina, pandangan dan pendapat daripada pakar diminta untuk menilai soalan-soalan yang dibina. Pakar dipilih mengikut bidang dan kebanyakannya yang terlibat di dalam industri perpustakaan dan akademik. Manakala, kajian rintis dijalankan bagi mendapatkan kesahihan dan kebolegunaan soalan yang dibina.



Rajah 3 : Carta Alir Rekabentuk Kaedah Penyelidikan

Empat soalan pada asalnya dijana untuk setiap item bersama dengan bagaimana mereka akan dinilai atau diukur berdasarkan penilaian terdahulu dan soalan yang muncul daripada tinjauan literatur. Pada mulanya, pra-ujian telah dijalankan menggunakan instrumen yang dibangunkan untuk mengenal pasti sebarang masalah yang berkaitan dengan soalan, format, gaya, terma, pemilihan bentuk perkataan dan sebagainya. Instrumen ini kemudian dikemukakan kepada pakar-pakar untuk mengkaji semula kesahan kandungan. Setelah dipertimbangkan lagi, dianggap perlu untuk mendapatkan lebih banyak soalan yang sama ada memberikan maklumat tambahan atau bertindak sebagai ujian untuk salah satu soalan yang sedia ada dengan menafsirkannya. Proses mengeluarkan pertanyaan lebih mudah jika ujian rintis membuktikan soalan-soalan yang tidak membantu selain perlu menambah soalan baharu dan mengulangi ujian.

Oleh kerana instrument penilaian dibangunkan dari mula, ia adalah merupakan instrumen item yang sepenuhnya baharu bercirikan kepada landskap perpustakaan, adalah penting untuk membina cara untuk

menguji pelbagai bentuk kesahihan dan kebolehpercayaan. Dengan memasukkan soalan-soalan dalam setiap kategori yang sangat serupa, hanya sedikit direkodkan atau dibalikkan kepada bentuk negatif, ia akan membantu menguji untuk konsistensi, atau kebolehpercayaan tindak balas peserta. Soalan-soalan telah dirancang untuk menilai jangkaan dan persepsi. Kepelbagaian soalan ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kandungan kajian. Soalan disusun mengikut jenis tindak balas: tindak balas perkataan, memilih satu jawapan, atau skala Likert lima mata, dan data dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif. Persoalannya kemudiannya disusun menjadi "harapan saya" dan "persepsi saya" yang keduanya mengandungi semua soalan, hanya dalam pelbagai pesanan dan kategori.

## Mengukur Nilai Kebolehpercayaan

Setelah tinjauan selesai, ujian rintis dijadualkan bagi menguji soalan yang dibina. Ini adalah ujian pertama bagi instrument yang dibina dan direka bentuk untuk diselesaikan sendiri bukannya dalam talian untuk mengurangkan gangguan luar. Telah diputuskan bahawa pengguna perpustakaan Akan bertindak sebagai penduduk untuk ujian awal. Ini kerana kadar capaian terhadap responden terbabit adalah lebih mudah dan responden terlibat bertindak sebagai kumpulan homogen dengan banyak persamaan dalam istilah demografi tetapi masih akan terdiri daripada individu yang unik. Ini akan sangat berkesan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahihan alat penilaian. Penyediaan bahan bercetak awal, pembantu penyelidik pendidikan dan pengedaran soalan soal selidik kepada sasaran pengguna dan menjalankan pra-ujian kepada sampel peserta seperti; profesor, profesor bersekutu, kajian doktor, pustakawan, profesional bahasa, pakar mata pelajaran dan beberapa peserta secara rawak dari pengguna perpustakaan untuk menjawab soal selidik.

Maklum balas telah dipertimbangkan dan pemindaan perlu dibuat. Pindaan berdasarkan ulasan dan maklum balas oleh semua pihak yang terlibat. 10% sampel kajian utama digunakan. Tujuan kajian ini adalah untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen dan untuk mengenal pasti jika ada sebarang gangguan dalam instrumen yang boleh menyebabkan kelemahan.

Sebanyak 108 item, lima bahagian domain dalam soal selidik itu dibangunkan berdasarkan kajian literatur dan kajian penerokaan. Peserta mempunyai sehingga satu jam untuk melengkapkan kaji selidik jika mereka memerlukan masa. Bagaimanapun, kebanyakan peserta menyiapkan ujian dalam masa 15 hingga 20 minit. 50 salinan soal selidik diedarkan dan 50 telah dikembalikan. Peserta diberi peluang untuk menarik diri dari kajian pada bila-bila masa bersama-sama dengan arahan mengenai bagaimana data mereka dapat dikeluarkan dari kajian. Peserta juga diberitahu bahawa mereka tidak perlu menjawab apa-apa soalan yang membuatkan mereka berasa tidak selesa. Penyelidik mencipta kod unik peserta supaya jawapan mereka kekal tanpa nama tetapi jawapannya boleh dibandingkan dari satu sesi ke yang lain. Hanya 30 borang soal selidik diperlukan untuk ujikaji rintis. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 19. Untuk menguji kebolehpercayaan dengan mengukur konsistensi dalaman instrumen, Cronbach's alpha digunakan.

Kajian, literatur dan penyelidikan terdahulu dalam pelbagai bidang menunjukkan akan pentingnya terapi landskap mengikut bidang kajian. Implikasi dari mempraktikkan teori terapi landskap dilihat membantu banyak pihak kerana kaitannya dengan persekitaran serta penyertaan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, bagi bidang seperti sains perpustakaan dan maklumat ia masih terlalu baru. Sebelum ini tiada kajian menunjukkan adaptasi teori ini secara menyeluruh. Justeru, untuk tujuan tersebut, penyelidik haruslah melihat teori ini dari pelbagai aspek dari segi membangun, menguji, menilai, menentukan, mengenalpasti, mengumpul soalan penyelidikan, rancangan penyelidikan, sumber, pengumpulan data, penonton sasaran, implikasi dan kepentingannya. Kajian rintis memberi banyak kelebihan kepada sesuatu kajian kerana ia memberi amaran terlebih dahulu mengenai projek penyelidikan utama yang mungkin gagal, di mana protokol penyelidikan tidak boleh diikuti, atau sama ada kaedah atau instrumen yang dicadangkan tidak wajar, terlalu mahal atau terlalu rumit (Van Teijlingen dan Hundley (2001, 2002) dan (Van Teijlingen, Rennie, Hundley dan Graham, 2001). Gardner, Gardner, MacLellan dan Osborne (2003)

mendakwa bahawa laporan kajian rintis mengandungi maklumat mengenai amalan dan masalah yang dialami oleh penyelidik.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan menunjukkan di dalam statistik (teori ujian klasik), Cronbach's alpha adalah ukuran yang digunakan untuk menilai kebolehpercayaan, atau konsistensi dalaman, satu set skala atau item ujian. Dalam erti kata lain, kebolehpercayaan apa-apa pengukuran yang diberikan merujuk kepada sejauh mana ia merupakan ukuran konsisten konsep, dan Cronbach's alpha adalah salah satu cara untuk mengukur kekuatan konsisten itu. Pekali kebolehpercayaan  $\alpha$  yang terhasil antara 0 hingga 1 dalam memberikan penilaian keseluruhan ini tentang keandalan ukuran. Sekiranya semua item berskala adalah bebas dari satu sama lain (iaitu, tidak berkorelasi atau tidak berkongsi kovarians), maka  $\alpha = 0$ ; dan, jika semua item mempunyai kovarians yang tinggi, maka  $\alpha$  akan mendekati 1 sebagai bilangan item dalam skala pendekatan infiniti.

Dalam erti kata lain, semakin tinggi pekali  $\alpha$ , lebih banyak item telah berkongsi kovarians dan mungkin mengukur konsep asas yang sama. Walaupun piawaian bagi apa yang membuat pekali  $\alpha$  "baik" sepenuhnya sewenang-wenang dan bergantung kepada pengetahuan teoritis mengenai skala yang dipersoalkan, banyak ahli metodologi mencadangkan koefisien  $\alpha$  minimum antara 0.65 dan 0.8 (atau lebih tinggi dalam banyak kes); Koefisien  $\alpha$  yang kurang daripada 0.5 biasanya tidak boleh diterima, terutamanya untuk skala yang dikatakan *unidimensional*.

<b>Independent Variables</b>	<b>Dimensions</b>	<b>No. of items</b>	<b>Cronbach's Alpha Expected</b>	<b>Cronbach's Alpha Perceived</b>
<i>Library Natural/ Built Environment</i>	<i>Physical: Artificial Element (body, flooring, furniture)</i>	4	0.876	0.876
	<i>Physical: Natural ones (water, vegetation, topography)</i>	4	0.780	0.780
	<i>Non-Physical: Climatic factors (temperature, radiation, humidity)</i>	4	0.874	0.874
	<i>Non-Physical: Non-climatic factors (light, ventilation, smells, noise)</i>	4	0.931	0.931
<i>Library Social Environment</i>	<i>Library Social Inclusion</i>	4	0.858	0.858
	<i>Library Personnel</i>	4	0.796	0.796
	<i>Library Services &amp; Facilities</i>	4	0.777	0.777
	<i>Library Programs</i>	4	0.882	0.882
	<i>Library Collection</i>	4	0.710	0.710
<i>Library Spiritual Environment</i>	<i>Symbolism</i>	4	0.898	0.898
	<i>Supernatural Healing Power</i>	4	0.877	0.877
	<i>Belief</i>	4	0.895	0.895
	<i>Feeling of Well Being</i>	4	0.915	0.915
<b>Dependent Variable</b>		<b>No. of items</b>	<b>Cronbach's Alpha</b>	
<i>Library Therapeutic Satisfaction</i>		3	0.686	

Jadual 1. Analisis Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha (Kajian Pilot)

Jadual 1 memaparkan hasil analisis kebolehpercayaan berdasarkan respons 30 pengguna perpustakaan yang mengambil bahagian dalam tinjauan tersebut. Semua faktor didapati kebolehpercayaan yang baik dengan keputusan Cronbach alpha di atas 0.6. Keputusan di atas telah menunjukkan nilai yang boleh diterima dari standard kebolehpercayaan. Ia juga menunjukkan bahawa item yang dipilih benar-benar mewakili pembinaan hipotesis dalam rangka penyelidikan.

Menurut Hair et al, (2010) kebolehpercayaan kandungan digunakan untuk menentukan sama ada item hipotesis sebenarnya mengukur pembinaannya. Secara teori, alpha Cronbach daripada beban 0.7 telah dicadangkan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) sebagai kriteria pemotongan, sementara skor tertinggi berada pada tahap 0.91. George dan Mallery (2003) menyediakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan skor alpha Cronbach: " $\geq .9$  - Excellent,  $\geq .8$  - Baik,  $\geq .7$  - Dapat diterima,  $\geq .6$  - Dipersoalkan,  $\geq .5$  - Miskin, dan  $< .5$  - Tidak dapat diterima.

Ringkasan output SPSS dalam jadual di atas menunjukkan keseluruhan konsistensi. Alfa Cronbach di antara item-item semua yang dibina dalam instrumen adalah dalam jarak antara 0.616 hingga 0.931, menunjukkan bahawa indeks keseluruhan konsistensi dalaman skala dalam instrumen adalah boleh dipercayai dan boleh diterima. Tiada kelainan pada data. Setiap item dinilai secara individu untuk memastikan kebolehpercayaan item. Walau bagaimanapun, 0.6 dibenarkan sebagai tahap minimum apabila item yang baru dibangunkan dimasukkan (Hair et al., 1998; Nunnally, 1978).

<i>Independent Variables</i>	<i>Dimensions</i>	<i>No. of items</i>	<i>Cronbach's Alpha Expected</i>	<i>Cronbach's Alpha Perceived</i>
<i>Library Natural/ Built Environment</i>	<i>Physical: Artificial Element (body, flooring, furniture)</i>	4	0.87	0.879
	<i>Physical: Natural ones (water, vegetation, topography)</i>	4	0.82	0.757
	<i>Non-Physical: Climatic factors (temperature, radiation, humidity)</i>	4	0.86	0.842
	<i>Non-Physical: Non-climatic factors (light, ventilation, smells, noise)</i>	4	0.857	0.811
<i>Library Social Environment</i>	<i>Library Social Inclusion</i>	4	0.846	0.788
	<i>Library Personnel</i>	4	0.881	0.836
	<i>Library Services &amp; Facilities</i>	4	0.848	0.779
	<i>Library Programs</i>	4	0.882	0.84
	<i>Library Collection</i>	4	0.87	0.844
<i>Library Spiritual Environment</i>	<i>Symbolism</i>	4	0.876	0.842
	<i>Supernatural Healing Power</i>	4	0.861	0.824
	<i>Belief</i>	4	0.854	0.837
	<i>Feeling of Well Being</i>	4	0.895	0.844
<b>Variable</b>		<b>No. of items</b>	<b>Cronbach's Alpha</b>	
<i>Library Therapeutic Satisfaction E1 - E2</i>		3	0.808	


Jadual 2. Analisis Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha (Kajian sebenar)



Berikut pula adalah hasil daripada ujian keboleh percayaan bagi hasil kajian sebenar yang diedarkan selepas kajian rintis dijalankan. Hasil daripada data yang dijalankan menunjukkan keboleh percayaan terhadap item-item yang dibina. Ini menunjukkan kesesuaian pada pembangunan instrumen tersebut.

## Model Landskap terapeutik di Perpustakaan Awam

Seperti mana yang diperjelaskan, kajian ini dimulakan dengan meneroka kajian literatur. Dari semakan, penyelidik mendapati teori-teori yang berpotensi dan juga faktor dan dimensi penting yang terdapat dalam kajian terapeutik landskap. Ia mula diterokai di perpustakaan awam oleh Brewster (2014) dengan menumpukan kepada responden di dalam program biblioterapi. Kajian beliau melihat sejauh mana perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan memberikan rasa selesa dan keseronokkan kepada pengguna dan membantu pengguna dari pelbagai aspek yang diperlukan. Hasil kajian mendapati bahawa peranan perpustakaan awam sebagai institusi dan organisasi yang mempunyai landskap suasana persekitaran yang bercirikan terapi dan bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan dan kemudahan kepada pengguna. Kelebihan ini menjadikan perpustakaan awam sebagai sebuah tempat terbuka yang



Rajah 4. Model Kualiti Terapeutik Landskap di Perpustakaan



mempunyai pengaruh dan kuasa bagi membantu pengguna dari pelbagai aspek secara lahiriah dan juga kerohanian. Menurut Husaini., (2015) dari kajian ini, perpustakaan awam boleh dikategorikan kepada:

- i. Perpustakaan yang suasana dan persekitarannya sangat mengalukan dan bersifat mesra serta harmoni
- ii. Perpustakaan sebagai tempat yang selesa dan menenangkan
- iii. Perpustakaan sebagai tempat yang berkeupayaan membantu pengguna

Perpustakaan sebagai landskap terapeutik menunjukkan bagaimana perpustakaan awam menyumbang kepada pembangunan kesejahteraan komuniti dengan menyediakan pelbagai jenis aktiviti sosial, ruang untuk bertemu, sumber teknologi, mempunyai dan menyumbang kepada ekonomi setempat serta memegang kepercayaan masyarakat yang tinggi dari pelbagai aspek perkhidmatan dan kemudahan. Jelas elemen rekabentuk landskap terapeutik yang terdapat di persekitaran perpustakaan membantu dalam memupuk dan menginspirasi serta membentuk imaginasi, kreativiti dan pembangunan peribadi masyarakat terutamanya golongan muda.

Justeru, hasil dapatan kajian telah membentuk model landskap terapeutik bagi perpustakaan yang mana ia turut dibina dengan menggunakan tiga elemen persekitaran di dalam perpustakaan. Rujuk rajah 4.

## **Perbincangan & Kesimpulan**

Pemboleh ubah bagi kajian ini adalah kepuasan bagi terapi di perpustakaan, diukur dari segi kepuasan pengguna hasil dari penggunaan perpustakaan. Pemboleh ubah bebas adalah berdasarkan kepada teori landskap terapeutik yang dbangunkan oleh Gesler (1992), kualiti perkhidmatan (ServQUAL) dikaji oleh Parasuraman, Zeithaml, dan Berry (1988) dan kualiti di perpustakaan (LibQUAL) oleh Association of Research Libraries (Association of Research Libraries Statistics dan Program Penilaian, 2014). Dari ketiga aspek ini iaitu landskap terapeutik, ServQUAL dan LibQUAL, penyelidik telah memperluaskan kajian ke kualiti terapeutik landskap di perpustakaan bagi tujuan meningkatkan kepuasan terapeutik pengguna di perpustakaan. Berdasarkan kajian ini, peranan perpustakaan awam kepada masyarakat akan lebih berkualiti dan digunakan bagi tujuan pembangunan dan perkembangan masyarakat.

Berdasarkan kepada teori asal, kajian ini masih mengekalkan tiga (3) elemen utama di dalam kajian landskap terapeutik iaitu berkenaan persekitaran perpustakaan secara semulajadi atau dibina, persekitaran sosial perpustakaan dan persekitaran kerohanian perpustakaan. Teori asal diadaptasi bersama dengan landskap persekitaran yang terdapat di dalam perpustakaan.

Kajian ini mengatur semua pemboleh ubah bebas dan bersandar dengan menggunakan skala jenis Likert, diukur menggunakan skala lima mata untuk mendapatkan semua respon, penyelidik menggunakan SPSS versi 21 untuk menganalisis data. Oleh kerana ia adalah instrumen yang baru dibangunkan, skor 6 bagi Cronbach alpha adalah dibenarkan. Secara keseluruhan, analisis data mempunyai standard kebolehpercayaan yang baik yang menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan untuk kajian ini boleh dipercayai dan sesuai diguna pakai bagi tujuan kajian. Pemboleh ubah ini dan instrumennya penting untuk memastikan bahawa kajian ini tidak mengandungi masalah atau ralat dari segi kehilangan data, ukuran sampel, tidak normal dan bias (Hassan, Schatter dan Mazza, 2006) untuk memastikan bahawa generalisasi penemuan adalah mungkin.

Sehingga kini, tidak ada alat yang dihasilkan sebagai instrumen praktikal yang menggabungkan landskap terapi, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dengan kualiti dan kepuasan yang dapat diterima oleh pengguna di perpustakaan. Jelas, model dan instrumen yang dibangunkan akan membantu perancangan strategik pengurusan di dalam perpustakaan kerana bahagian ini merancang pengurusan dan pembangunan masyarakat untuk kebaikan bersama.

Perpustakaan Awam mesti meningkatkan kualiti bukan hanya dalam perkhidmatan tetapi juga pada kualiti landskap terapeutik di perpustakaan agar dapat bertahan dan berjaya serta mempunyai kualiti yang tinggi dalam melaksanakan perkhidmatan mereka. Ini kerana tumpuan perpustakaan awam untuk berfungsi sebagai institusi yang menyediakan perkhidmatan persekitaran yang kondusif untuk mempromosikan kesejahteraan pengguna. Manakala penggunaan ruang-ruang dan perkhidmatan tertentu untuk membantu proses penyembuhan secara holistik (Martin et.al., 2005; Wood et.al., 2013; Brewster, 2014; Husaini H, Noordin SA dan Shuhidan, SM, 2015).

Kajian ini telah berjaya menghasilkan beberapa produk yang boleh membantu kepada pengurusan landskap terapi di perpustakaan. Ia akan membantu daripada aspek pengurusan, pelan perancangan strategi dan kewangan serta perkhidmatan sumber maklumat yang ditawarkan. Ini bersesuaian dengan situasi selepas negara melalui detik sukar memerangi COVID-19. Kawalan terhadap kesejahteraan masyarakat bukan lagi terletak hanya kepada organisasi tertentu. Perpustakaan selaku ejen paling hampir dengan masyarakat tanpa beroperasi bermotifkan keuntungan sebaliknya berasaskan kepada perkhidmatan telah banyak memainkan peranan dalam mendidik dan memberi kesedaran maklumat serta membentuk gaya hidup sihat sejahtera. Hasil daripada penyelidikan juga telah menghasilkan:

- i. Model bagi kualiti landskap terapeutik bagi Perpustakaan.
- ii. Instrumen kajian yang boleh diguna pakai bagi perpustakaan.
- iii. Pembangunan sistem bagi menentukan rating bagi mengukur keupayaan perpustakaan untuk diguna pakai dan diadaptasi oleh semua jenis perpustakaan telah turut dibangunkan dan boleh diakses oleh semua perpustakaan.

Hak reka cipta juga telah diperolehi daripada Perbadanan Harta Intelekt Malaysia bagi mengawal penggunaan dan salah guna instrumen, model serta sistem pengukuran yang telah dibangunkan.

Diharapkan penemuan ini dapat menjelaskan dan menyemarakkan lagi peranan perpustakaan dan pustakawan kepada masyarakat hari ini. Penerapan nilai-nilai dan persekitaran yang berdasarkan landskap terapi di perpustakaan diharapkan dapat membantu masyarakat kerana jurang ketidakselesaian antara perpustakaan dan pengguna telah diperbaiki dengan menyediakan suasana yang terapeutik dan mendekati pengguna dalam pebagai cara dan membantu meneruskan kelangsungan hidup dengan gaya hidup yang sihat.

## **Penghargaan**

Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), kerana telah menyediakan peluang bagi kami untuk menjalankan kajian penyelidikan ini.

## **Rujukan**

Aarts, H and Dijksterhuis, AP. The Silence of the Library: Environment, Situational Norm, and Social Behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*. Vol 4 (1), 2003, m.s. 18-24

Association of Research Libraries Statistics and Assessment Program. LibQUAL+®, 2014, [www.libqual.org/about/about\\_lq/general\\_info](http://www.libqual.org/about/about_lq/general_info). Diakses pada 12 Sept. 2014.

Brewster, Liz. (2014). "The Public Library as Therapeutic Landscape: A Qualitative Case Study". *Health & Place* Vol. 26, 2014, m.s. 94-99

- Conradson, D. "Landscape, Care And The Relational Self: Therapeutic Encounters In Rural England." *Health & Place*, Vol 11(4), 2005, m.s. 337. //Dx.Doi.Org/10.1016/J. Health-Place, 2005.02.004 -48
- Frederiksen, Lia. "Our Public Library: Social Reproduction and Urban Public Space in Toronto". *Women's Studies International Forum*, Vol 48, 2015, m.s. 141-153
- George, D., & Mallery, P. "SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference". 11.0 update (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon, 2003.
- Gesler, W.M. "Therapeutic Landscapes: Theory and a Case Study of Epidaurus, Greece". *Environment and Planning*, Vol 11, 1993, m.s. 171-89.
- Gesler, W.M. "Bath's Reputation as a Healing Place", in R.A. Kearns and W.M. Gesler (eds) *Putting Health into Place*, (Syracuse: Syracuse University Press), 1998, m.s. 17-35.
- Glenn Garder, Anne Gardner, Lorna MacLellan, Sonya Osborne. "Reconceptualising the Objective of A Pilot Study for Clinical Research". *International Journal of Nursing Studies*, Vol 4(7), 2003, m.s. 719 - 724.
- Hernon, P. & Nitecki, D. "Service Quality: A Concept Not Fully Explored". *Library Trends* 49, 2001, m.s. 687-708.
- Husaini, H., Noordin, S.A., Shuhidan, S.M. "Accommodating Children's Social Wellbeing through Library Therapeutic Landscape: A Conceptual Framework". 33rd IBIMA Conference, 10-11 Apr. 2019, Granada, Spain:
- Husaini, H., Noordin, S.A., Shuhidan, S.M., Bahry, F. D.S. "Modelling the Public Library Therapeutic Landscape Quality and Satisfaction". 33rd IBIMA Conference, 10-11 Apr. 2019, Granada, Spain.
- Husaini H., Noordin, S.A and Shuhidan S.M. "Bibliotherapy in the Malaysian Public Libraries: A Conceptual Framework". *The Asian Conference on Literature and Librarianship 2015*, 2-5 Apr. 2015, Osaka.
- Husaini H., Noordin, S.A and Shuhidan S.M. "Assessing The Public Library Therapeutic Landscape Quality and Satisfaction: A Conceptual Framework". *International Journal of Computer Science and Electronic Engineering*, Vol 3(5), 2015, m.s. 371 - 374.
- Husaini H., Noordin, S.A and Shuhidan S.M. "The Public Library as Therapeutic Landscape: Quality and Satisfaction". *National Invention Innovation Design Research*. Faculty of Information Management, MARA University of Technology, 2015
- Hassan, Z.A., Schattner, P. and Mazza, D. "Doing Pilot Study: Why Is It Essential?" *Malaysian Family Physician*, Vol. 1 (2&3), 2006, m.s. 70-73.
- Jiang, Shan. "Therapeutic Landscapes and Healing Gardens: A Review of Chinese Literature in the Relation to the Studies in Western Countries." *Frontiers of Architectural Research* Vol 3(2), 2014, m.s. 141-53.
- "IM Read: Book Talk with PNM". Facebook, dimuatnaik oleh IM read, 7 Jun 2020, [www.facebook.com/IM-Read-112080073799316](https://www.facebook.com/IM-Read-112080073799316)
- "IM Read: U-Pustaka: Generasi Milenial Vs Generasi Z | Book Talk Bersama Encik Ali Bin Rashid". Youtube, dimuatnaik oleh AA Studio, 10 Jun 2020, [www.//youtu.be/AS7V18tIGV0](https://youtu.be/AS7V18tIGV0)

- Kearns, R.A. and Barnett, J.R. "Auckland's Starship Enterprise: Placing Metaphor in a Children's Hospital. Therapeutic Landscapes: The Dynamic Between Place and Wellness", MD: University Press of America, Inc., 1999, m.s. 169-99.
- Kearns, R.A. and Collins, D.C. "New Zealand Children's Health Camps: Therapeutic Landscapes Meet the Contract State". *Social Science & Medicine*. 51(7), 2000, m.s. 1047-59.
- Korpela, K.M., Ylen M. Perceived health is associated with visiting natural favorite places in the vicinity. *Health Places* 13 (1), 2007, m.s. 138-151
- Krolak Lisa. "The Role of Libraries in the Creation of Literate Environment". UNESCO Institute for Education, Hamburg, Germany, 2006.
- Likert, R "A Technique for the Measurement of Attitudes". *Archives of Psychology*. New York: Columbia University Press, 1931.
- Lucas, C. V., & Soares, L." Bibliotherapy: A Tool to Promote Children's Psychological Well-being". *Journal of Poetry Therapy*, Vol 26(3), 2013, m.s. 137-147. doi:10.1080/08893675.2013.823310
- Malaysian National Library. "The Reading Profile of Malaysians 2006". Unpublished research by the Malaysian National Library, Kuala Lumpur. 2006.
- Martin, GP., et.al. "Place, Policy and Practitioners: On Rehabilitation, Independence and Their Therapeutic Landscape in the Changing Geography of Care Provision to Older People in the UK". *Social and Science Medicine*, Vol 61(9), 2005, m.s. 1983-1904.
- Motealleh, P. et. al., "Investigating the Significance of Landscape in Designing Library by Emphasizing on the Enhancement of Learning". *House and Building National Research Center Journal*, 2015. doi:10.1016/j.hbrcj.2014.12.007
- Mohamad Yusoff et. al. "Attitude towards Rural Library Services among Youths in Malaysia". *Journal of Basic and Applied Scientific Research*, Vol 3(6), Jun. 2013, m.s. 777-782.
- Noordin, S.A., Husaini, H., Shuhidan, S.M., Othman, N.A. "A Preliminary Study on the Library Therapeutic Landscape Quality: Evidence from Malaysia 2020". *International Economic Society*, Vol 12, Issue 2, Jun 2020, m.s. 831-836
- Noordin S.A, Husaini H. and Shuhidan S.M. "Library Therapeutic Landscape Quality of the Public Library". 27th IBIMA Conference. Milan, 4 - 5 Mei 2016, Itali.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill, 1994.
- Patel Nandish V, "A Holistic Approach to Learning and Teaching Interaction: Factors in the Development of Critical Learners". *The International Journal of Education Management*, Vol 17(6/7), Nov. 2003, m.s. 272-284
- Palka, E. "Accessible Wilderness as a Therapeutic Landscape: Experiencing the Nature of Denali National Park, Alaska. *Therapeutic Landscapes: The Dynamic Between Place and Wellness*". MD: University Press of America, Inc., 1999, m.s. 29-51.
- Parasuraman, A. A., Zeithaml, V. A., & Berry, L. L. SERVQUAL : "A Multiple-Item Scale for Measuring Consumer Perceptions of Service Quality". *Journal Of Retailing*, Vol 64(1), Jan. 1988.

- SA Noordin, Husaini H. and SM Shuhidan. (2015). "Bibliotherapy in Public Libraries: A Conceptual Framework". International Conference on Learning and Technology (ICLT), 25-26 Mac, Singapore
- Scarpaci, J. "Healing Landscapes: Revolution and Health Care in Post-Socialist Havana. Therapeutic Landscapes: The Dynamic Between Place and Wellness". MD: University Press of America, Inc., 1999, m.s. 202-203.
- Suhar et. al., "Towards A Better Design: Physical Interior Environment Of Public Libraries In Peninsular Malaysia". *Procedia – Social And Behavioral Sciences*, Vol 42, 2012, m.s. 131-143
- Thurber, C. and Malinowski, J. "Summer Camp as a Therapeutic Landscape. Therapeutic Landscapes: The Dynamic Between Place and Wellness". MD: University Press of America, Inc., 1999, m.s. 53-70.
- Tukhareli, Natalia. "Bibliotherapy in a Library Setting: Reach Out to Vulnerable Youth". *The Canadian Journal of Library and Information Practice and Research*, Vol 6, no. 1, Jul. 2011.
- Van Teijlingen, E. R. and Hundley, V. "The importance of Pilot Studies". *Social Research Update*, 2001, [www.sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html](http://www.sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html). Diakses pada 2 Okt. 2016.
- Van Teijlingen, E. R., Rennie, A-M., Hundley, V. and Graham, W. "The Importance of Conducting and Reporting Pilot Studies: The Example of the Scottish Births". *Survey. Journal of Advanced Nursing*. Vol 34(3), Mei 2001, m.s. 289 – 295.
- Van Teijlingen, E. R. and Hundley, V. "The roles of pilot studies in midwifery research", 2002, [www.rcm.org.uk/news-views-and-analysis/analysis/the-role-of-pilot-studies-in-midwifery-research](http://www.rcm.org.uk/news-views-and-analysis/analysis/the-role-of-pilot-studies-in-midwifery-research). Diakses pada 2 Okt. 2016.
- Williams, A. "Changing Geographies of Care: Employing the Concept of Therapeutic Landscapes as a Framework in Examining Home Space". *Social Science & Medicine*, Vol 55(1), 2002, m.s. 141-54
- Wilson, K. "Therapeutic Landscapes and First Nations Peoples: An Exploration of Culture, Health and Place". *Health & Place*, Vol 9(2), 2003, m.s. 83-93.
- Winterson, J. "We Must Protect and Reinvent Our Local Libraries". *The Guardian*, London, 23 Nov. 2012
- Wood, V.J., et al., "Creating "Therapeutic Landscapes" for Mental Health Careers in Inpatient Settings: a Dynamic Perspective on Permeability and Inclusivity". *Social Science Medicine*, Vol 91, 2013, m.s. 122–129
- Zakaria, Z.; Z.H. Hussin; N. Noordin; M.Z.H.M. Sawal; S.M.A.S. Ahmad Alhady, et al., (2011). "Service Quality Dimensions In Public Library Northern Area Experienced", *Journal of Social Science*, Vol 7, 2011, m.s. 265-270

# **U-PUSTAKA DAN PANDEMIK COVID-19: TABIAT MEMBACA BAHAN DIGITAL RAKYAT MALAYSIA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Yazid Ibrahim  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan,  
Perpustakaan Negara Malaysia  
yazid@pnm.gov.my

---

## **Abstrak**

Kajian tabiat membaca bahan digital rakyat Malaysia ini berasaskan kepada analisis data daripada Business Intelligent u-Pustaka dan Google Analytic. Hasil kajian yang diperolehi akan menyumbangkan kepada isu-isu praktikal yang berkaitan tabiat membaca bahan digital semasa Perintah Kawalan Pergerakan yang disebabkan oleh Pandemik COVID-19. Populasi kajian adalah terdiri daripada ahli-ahli u-Pustaka seramai 504,889 (sehingga Mei 2020). Penemuan penting daripada kajian ini adalah merangkumi kekerapan melayari portal u-Pustaka, format bahan digital yang gemar dibaca dan sebagainya. Kajian ini amat berguna kepada para penyelidik, profesional dan pelajar dalam bidang sains perpustakaan.

**Kata kunci:** Tabiat membaca, COVID-19, Kawalan Perintah Pergerakan, Bahan digital, Bahan elektronik

## ***Abstract***

*This study of Malaysian digital reading habits is based on data analysis from Business Intelligent u-Pustaka and Google Analytics only. The results obtained will contribute to practical issues related to the reading habits of digital materials during the Movement Control Order caused by the COVID-19 Pandemic. The study population consists of 504,889 u-Pustaka members (as of May 2020). Important findings from this study include the frequency of browsing the u-Pustaka portal, the format of digital reading materials, and so on. This study is very useful for researchers, professionals, and students in the field of library science.*

**Keyword :** Reading habit, COVID-19, Movement Control Order, Digital materials, Electronic materials, u-Pustaka, u-Library

## **Pengenalan**

Penyebaran penyakit yang disebabkan oleh Coronavirus Novel atau lebih dikenali sebagai COVID-19 di seluruh dunia telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Malaysia dan dunia di mana hampir separuh penduduk dunia telah dikenakan perintah berkurung. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah

mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020 dan pada 17 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, buat pertama kalinya telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 hingga 30 Mac 2020. PKP ini telah mengenakan arahan penjarakan sosial ke atas sebahagian besar aktiviti komersil dan perhimpunan besar-besaran termasuk institusi pendidikan dan perhimpunan awam. Pada tarikh tersebut juga kesemua perpustakaan awam diseluruh Malaysia ditutup. Terdapat 6 fasa PKP telah dilaksanakan iaitu:

- Fasa 1: 18 Mac – 31 Mac 2020 (PKP)
- Fasa 2: 01 April – 14 Apr 2020 (PKP)
- Fasa 3: 15 April – 28 Apr 2020 (PKP)
- Fasa 4: 29 April – 12 Mei 2020 (PKP)
- Fasa 5: 13 Mei – 09 Jun 2020 (PKPB)
- Fasa 6: 10 Jun – 31 Ogos 2020 (PKPP)

## Latar Belakang

Pandemik COVID-19 telah memberi impak luar biasa kepada semua aktiviti sosial dan ekonomi yang terpaksa ditutup atau dihadkan untuk mengekang penyebaran wabak COVID-19. Namun begitu, perpustakaan telah bertindak balas terhadap situasi luar biasa ini dengan menawarkan perkhidmatan secara dalam talian melalui akses bahan digital walaupun perpustakaan ditutup kepada orang ramai. Justeru itu, PKP telah menyaksikan peralihan perkhidmatan perpustakaan secara dalam talian sepenuhnya seperti akses kepada koleksi dan penglibatan masyarakat terhadap aktiviti dan program perpustakaan.

Penutupan perpustakaan menyebabkan pengguna yang sering mengunjungi perpustakaan untuk pelbagai aktiviti seperti meminjam buku, membaca surat khabar, melayari internet, membuat penyelidikan dan mengulangkaji pelajaran tidak dapat melakukannya seperti kebiasaan. Pelbagai aktiviti dan program perpustakaan juga terpaksa dibatalkan sepanjang PKP menyebabkan masyarakat tidak dapat menyertai program tersebut. Menurut (IFLA, 2020), perpustakaan seluruh dunia menghadapi pilihan yang sukar untuk menawarkan bagaimana perkhidmatan dapat disediakan dari sekatan minimum hingga penutupan sepenuhnya perpustakaan.

Walaupun menghadapi banyak cabaran semasa PKP, kakitangan perpustakaan telah menggunakan pelbagai cara kreatif dengan mengubah beberapa perkhidmatan dan aktiviti dalam bentuk digital atau dalam talian untuk menyokong masyarakat mengharungi PKP dan pandemik COVID-19 secara positif. Aktiviti ini juga memastikan agar masyarakat terus dapat merujuk bahan-bahan bacaan yang tepat dan sahih walaupun mereka tidak dapat hadir ke perpustakaan.

## Sorotan Literatur

### Perkhidmatan Bahan-bahan Digital oleh Perpustakaan

Perpustakaan di seluruh dunia menghadapi cabaran yang sangat besar semasa Pandemik COVID-19 dalam menyediakan akses kepada koleksi dan perkhidmatan perpustakaan. Semua jenis perpustakaan telah mempromosikan perkhidmatan secara digital dan aktiviti serta program secara dalam talian. Menurut Mohamad Asif dan K.K. Singh, 2020 “perpustakaan mempunyai bilangan e-sumber yang signifikan untuk memenuhi keperluan pengguna walaupun dalam tempoh PKP. Perpustakaan telah menyediakan bahan bacaan digital, menganjurkan pameran maya dan mempromosi kandungan melalui laman web dan kempen-kempen dalam talian seperti “Lets Read Together””. Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan yang negatif kepada perpustakaan tetapi juga memberi impak yang positif kepada penggunaan bahan-bahan digital seperti buku, majalah dan surat khabar elektronik. Ini dibuktikan melalui



trend pembacaan buku elektronik di beberapa buah Negara Eropah telah meningkat. Statistik berkaitan penggunaan platform digital dari Mac hingga April 2020, berbanding pada tahun yang sama menunjukkan bahawa platform seperti Overdrive di Jerman dan MediaLibraryOnLine (MLOL) di Itali telah meningkat secara drastik semasa krisis Covid-19 (EBLIDA, 2020).

Selain daripada itu banyak perpustakaan negara-negara luar yang menyediakan perkhidmatan digital secara percuma. Antaranya adalah Perpustakaan Negara Sepanyol telah mempromosi kandungan digital untuk menyokong pendidikan, Perpustakaan Negara Morocco menyediakan e-buku percuma, Perpustakaan Awam Aarhus, Denmark menyediakan kandungan digital di laman web, dan Perpustakaan Negara dan Arkib Iran telah memberikan akses secara percuma sebanyak 20 ribu judul secara dalam talian dan akses percuma kepada perpustakaan digital yang sebelum ini hanya menawarkan data bibliografi sahaja. Manakala negara-negara seperti Norway, Czech Republic dan Mexico telah mengumpulkan kesemua bahan digital di dalam satu portal untuk memudahkan rakyat mengakses bahan secara percuma, (IFLA, 2020).

Senario yang sama juga telah berlaku di Malaysia, di mana Perpustakaan Negara Malaysia telah menyediakan platform digital yang dikenali sebagai u-Pustaka yang telah wujud sejak 2010. U-Pustaka telah menyediakan sebanyak 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma kepada rakyat Malaysia. Selain PNM, terdapat institusi lain yang turut menyediakan akses secara percuma seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang menyediakan akses secara percuma e-buku dan e-jurnal seperti Amazon-Books and Audio Stories, Cambridge Press Univeristy Press yang menyediakan sumber terbuka e-jurnal dan e-buku, Elgaronline (e-buku), JSTOR Resources (e-jurnal dan e-buku) dan Oxford Univeristy Press (e-buku) (UTAR, 2020).

Penggunaan e-book dan e-jurnal turut digunakan bagi kaedah pembelajaran untuk pelajar universiti seperti di Indonesia di mana kebanyakan universiti menggunakan kaedah ini dalam aktiviti e-pembelajaran dan secara tidak langsung meningkatkan pengguna bahan digital (Maila D. H. Rahiem, 2020).

Selain daripada itu, terdapat negara-negara dunia ketiga yang menggunakan sepenuhnya sumber-sumber terbuka bahan-bahan digital. Kerajaan Somalia menggunakan pangkalan data akses terbuka untuk menyokong pembelajaran jarak jauh bagi rakyatnya yang berada di pedalaman. Antara akses terbuka yang digunakan adalah African Storybook, eLimau, Global Digital Library, Let's Read, Story Weaver dan World Reader. Kesemua sumber ini menyediakan buku cerita kanak-kanak secara percuma (Minister of Education, Culture and Higher Education, Somalia, 2020).

### **Kajian Pembacaan Bahan Digital**

Pandemik COVID-19 menyebabkan banyak perpustakaan dan kedai buku terpaksa ditutup yang secara tidak langsung telah meningkatkan pembacaan bahan digital. Satu kajian yang dijalankan oleh Nielsen Book, 2020 mendapati 41% rakyat United Kingdom membaca lebih banyak buku semasa PKP dengan satu pertiga membaca buku bercetak, 18% membaca e-buku dan 9% mendengar lebih banyak buku audio. Manakala seramai 33% penduduk Kanada telah membaca lebih banyak e-buku dan 23% mendengar lebih banyak buku audio daripada biasa semasa PKP, (Booknet Canada, 2020).

### **Trend Pembelian Bahan-bahan Digital**

Selain daripada masyarakat mengakses dan membaca bahan digital secara percuma yang disediakan oleh perpustakaan, terdapat juga segelintir masyarakat yang membeli bahan digital secara percuma. Menurut Michael Tamblyn, 2020 CEO Rakuten Kobo, terdapat kenaikan yang drastik terhadap pembelian e-buku di mana kebanyakan pembekal buku mendapat kenaikan purata pembelian sebanyak 25% dan perpustakaan sebanyak 130%.



## Methodology


Pengumpulan data mengenai tabiat membaca rakyat Malaysia semasa Pandemic COVID-19 adalah berdasarkan kepada Business Intelligent u-Pustaka dan Google Analytic. Populasi berdasarkan kepada ahli u-Pustaka yang berjumlah 504,889 (sehingga Mei 2020) sahaja. Jangka masa analisis data hanya bermula dari Mac hingga Mei 2019 dan 2020 iaitu bermula daripada PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 4. Terdapat beberapa data yang dibuat perbandingan bermula Januari hingga Jun 2019 dan 2020.

## Keputusan Analisis

### Penggunaan Portal u-Pustaka


Terdapat dua (2) kaedah untuk dibinakan untuk melihat trend penggunaan portal u-Pustaka semasa PKP iaitu analisis menggunakan Google Analytic dan Portal u-Pustaka.

Graf 1 menunjukkan analisa yang diperolehi daripada Google Analytic mengenai penggunaan portal u-Pustaka oleh masyarakat Malaysia telah meningkat secara drastik bagi tempoh masa yang sama Januari hingga Jun 2019 dan 2020. Bilangan sesi lawatan telah meningkat 444% iaitu dari 76,620 lawatan kepada 341,947 lawatan. Seramai 1,138,993 telah menggunakan portal pada Januari hingga Jun 2020 berbanding 296,803 bagi tempoh yang sama pada 2019 iaitu peningkatan sebanyak 286%. Manakala bilangan yang melayari Portal u-Pustaka meningkat sebanyak 349% iaitu dari 46,121 ribu kepada 250,949 ribu bagi Januari hingga Jun 2019 dan 2020.



Graf 1: Perbandingan Penggunaan Portal u-Pustaka dari Januari – Jun 2019 dan Januari – Jun 2020

Analisa penggunaan u-Pustaka melalui portal mendapati bilangan pelawat, pendaftaran keahlian dan login adalah paling tinggi semasa PKP Fasa 1 dimana masing-masing mencatatkan 73.3% dari 261,135 pelawat, 75.3% dari 25,516 pendaftaran keahlian dan 56.9% dari 32,302 telah login portal u-Pustaka. Jika dilihat dari segi perbandingan pelawat portal u-Pustaka dan pendaftaran ahli u-Pustaka didapati hanya 9.7% peratus sahaja yang mendaftar menjadi ahli dari PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 4.




Graf 2: Perbandingan Penggunaan Portal u-Pustaka Semasa PKP Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa 4

### Pendaftaran Keahlian u-Pustaka


Graf 3 menunjukkan perbandingan pendaftaran keahlian u-Pustaka bagi tempoh PKP Fasa 1 hingga Fasa 4 dengan tempoh yang sama pada tahun 2019 mendapati berlaku kenaikan sebanyak 302.8% iaitu dari 7,496 ahli kepada 330,196 ahli bagi Mac hingga Mei 2020.

Pendaftaran keahlian mengikut peringkat umur dari Mac hingga Mei 2020 berbanding Mac – Mei 2019 telah menunjukkan peningkatan yang signifikan di mana ahli dewasa menunjukkan peratusan peningkatan yang tinggi iaitu 336.7%, ahli remaja meningkat sebanyak 106.6% manakala kanak-kanak meningkat sebanyak 374.5%.


Graf 5 mempersembahkan perbandingan pendaftaran keahlian mengikut fasa PKP di mana Fasa 1 PKP menunjukkan pendaftaran keahlian jauh lebih tinggi berbanding fasa 2 hingga 4 dengan jumlah yang mendaftar adalah sebanyak 75.3% daripada 25,516 pendaftaran ahli sepanjang PKP 1 hingga PKP 4. Jumlah pendaftaran menurun kepada 11.8% pada PKP Fasa 2, 8.6% PKP Fasa 3 dan 4.1% PKP Fasa 4.



Graf 3: Perbandingan Pendaftaran Keahlian u-Pustaka antara Mac – Mei 2019 dengan Mac – Mei 2020



Graf 4: Perbandingan Pendaftaran Keahlian u-Pustaka mengikut peringkat umur antara Mac – Mei 2019 dengan Mac – Mei 2020




Graf 5: Perbandingan Pendaftaran Keahlian u-Pustaka PKP1, PKP 2, PKP 3 dan PKP 4

Berdasarkan graf 6, didapati Selangor adalah negeri tertinggi yang telah mendaftar menjadi ahli u-Pustaka dari Januari hingga Jun 2020 iaitu seramai 7,692 ahli berbanding 2,912 pendaftaran bagi tempoh yang sama pada 2019 iaitu peningkatan sebanyak 164.1%, diikuti oleh Kuala Lumpur sebanyak 6,733 ahli atau 173.6% dan ketiga adalah Kedah yang meningkat sebanyak 3,713 ahli dari 775 ahli (379%).


### Penggunaan Bahan Digital

Graf 7 menunjukkan perbandingan yang sangat ketara dalam penggunaan perkhidmatan perpustakaan digital PNM yang menyaksikan peningkatan sebanyak 71.2% iaitu dari 1,366,523 sepanjang Mac hingga Mei 2019 kepada 2,340,522 bagi tempoh yang sama tahun 2020. Pinjaman bahan digital juga menunjukkan peningkatan sebanyak 240.1% manakala rujukan bahan digital juga meningkat sebanyak 308.2%.


Sepanjang PKP Fasa 1 hingga 4 didapati pengguna ahli u-Pustaka lebih gemar membaca e-buku berbanding e-majalah dan e-surat khabar. Graf 8 di atas menunjukkan platform digital e-buku PNM e-Lib mencatat pinjaman e-buku paling tinggi iaitu 59.3% dari jumlah keseluruhan pinjaman bahan digital iaitu 144,777 pinjaman. Ini diikuti oleh *Overdrive* dengan pinjaman sebanyak 15.7%. Manakala platform digital e-majalah Zinio mencatatkan pinjaman sebanyak 7.2% dari jumlah keseluruhan pinjaman bahan digital.



Graf 6: Perbandingan Pendaftaran Keahlian Mengikut Negeri (Jan. - Jun. 2019 dan Jan.- Jun. 2020)



Graf 7: Perbandingan Penggunaan Perkhidmatan, Pinjaman Bahan Digital dan Rujukan Bahan Digital antara Mac – Mei 2019 dan Mac- Mei 2020



Graf 8: Perbandingan Pinjaman e-Buku, e-Majalah dan e-Suratkhbar Semasa PKP Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa 4

## Rumusan

Hasil kajian mendapati tidak ramai rakyat Malaysia yang mendaftar menjadi ahli u-Pustaka semasa PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 4 iaitu hanya 30,196 orang atau 0.9% sahaja yang mendaftar sebagai ahli u-Pustaka jika dibandingkan dengan rakyat Malaysia yang berjumlah 32.1 juta orang. Hal ini mungkin disebabkan terdapat Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Universiti yang menawarkan bahan digital secara percuma. Kajian juga mendapati ahli dewasa jauh lebih tinggi berbanding dengan ahli kanak-kanak dan remaja. Namun begitu, penggunaan portal u-Pustaka telah menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 286% walaupun jumlah yang mendaftar sebagai ahli u-Pustaka masih rendah. Data dari u-Pustaka menunjukkan tabiat membaca rakyat Malaysia mempunyai perubahan yang signifikan iaitu sepanjang PKP Fasa 1 hingga Fasa 4 dimana pinjaman e-buku telah meningkat 240.1% berbanding jangka masa yang sama untuk tahun 2019. Angka ini telah memberi refleksi positif kepada Kajian Tabiat Membaca Rakyat Malaysia yang mendapati 46.4% rakyat Malaysia membaca bahan dalam talian PNM, 2014. Majoriti ahli u-Pustaka lebih gemar membaca e-buku berbanding bahan bacaan lain dan kebanyakan gemar membaca buku fiksi dan bacaan santai seperti novel dan motivasi seperti yang ditawarkan oleh PNM E-Lib yang mencatat 59.3% pinjaman daripada keseluruhan pinjaman sepanjang PKP Fasa 1 hingga Fasa 4.

## Cabaran

Memupuk budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia telah memberi satu cabaran yang besar kepada PNM dan perpustakaan-perpustakaan lain di Malaysia semasa PKP terutama memupuk untuk membaca lebih banyak bahan-bahan digital yang disediakan secara percuma. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh u-Pustaka adalah:

- i. Perlu bersaing dengan perkhidmatan percuma yang ditawarkan oleh media lain seperti Netflix, Youtube, Astro dan platform digital media lain sepanjang pelaksanaan PKP.

- ii. Koleksi e-buku dalam u-Pustaka tidak mencukup dan komprehensif untuk memenuhi keperluan maklumat rakyat Malaysia
- iii. Memperbanyakkan usaha dan promosi untuk menjadikan membaca bahan digital sebagai norma baharu rakyat Malaysia.

## Penutup

Pengajaran daripada COVID-19 adalah perpustakaan perlu memperkukuhkan advokasi untuk perkhidmatan digital dan keupayaannya dalam menyediakan perkhidmatan bahan digital yang efisien dan berkualiti kepada pengguna. u-Pustaka secara umumnya telah memberi manfaat kepada penggunaanya sepanjang PKP agar mereka tidak berasa tertekan dengan Pandemik COVID-19. Selain daripada itu, u-Pustaka memastikan pengguna terus dapat menikmati bahan-bahan bacaan terkini, sah dan tepat.

## Rujukan

- Australian Library and Information Association, "COVID-19 and Australian public libraries : interim report 30 April", <https://read.alia.org.au/covid-19-and-australian-public-libraries-interim-report-30-april>. Diakses pada 30 Jul. 2020
- "Digital Culture: Consumption in Lockdown: Insights from the Consumer Tracking Study." *Creative Industries: Policy and Evidence Centre*, <https://pec.ac.uk/assets/images/The-PEC-and-the-IPO-cultural-consumption-study-insights-from-the-six-week-study.pdf>. Diakses pada 10 Ogos 2020
- EBLIDA, "A European library agenda for the post-Covid 19 age." <http://www.eblida.org/Documents/EBLIDA-Preparing-a-European-library-agenda-for-the-post-Covid-19-age.pdf>. Diakses pada 10 Ogos 2020
- Google Analytics, "u-Pustaka". <https://analytics.google.com/analytics/web/#/report/visitors-overview/a17223064w34924006p34238959/>. Diakses pada 15 Julai 2020
- Hirschberg, Shimona, "The impact of COVID-19 on reading", Booknet Canada, <https://www.booknetcanada.ca/blog/2020/4/15/the-impact-of-covid-19-on-reading>. Diakses pada 16 Ogos 2020
- International Federation of Library Association and Institution, "COVID-19 and the Global Library Field", <https://www.ifla.org/covid-19-and-libraries#closures>. Diakses pada 13 Jul. 2020
- Mahendra Kumar, Sachin Dwivedi. "Impact of Coronavirus Imposed Lockdown on Indian Population and their Habits." *International Journal of Science and Healthcare Research*, vol.5, no. 2 April-June 2020, pp. 88-97. [https://ijshr.com/IJSHR\\_Vol.5\\_Issue.2\\_April2020/IJSHR\\_Abstract.0013.html](https://ijshr.com/IJSHR_Vol.5_Issue.2_April2020/IJSHR_Abstract.0013.html).
- Maila D.H. Rahiem, "The Emergency Remote Learning Experience of University Students in Indonesia Amidst the COVID-19 Crisis." *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, vol.19, no.6 June 2020, pp. 1-26. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.6.1>
- Minister of Education, Culture and Higher Education, Federal Government of Somalia. "Somalia Education Sector COVID-19 Response Plan." UNESCO, <https://planipolis.iiep.unesco.org/en/2020/somalia-education-sector-covid-19-response-plan-6926>. Diakses pada 29 Ogos 2020

- Mohammad Asif, K.K. Singh,. "Trends, opportunities and scope of libraries during Covid-19 pandemic." *IP Indian Journal of Library Science and Information Technology*, vol.5, no. 1 July 2020, pp. 24-27, ResearchGate.[https://www.researchgate.net/publication/343168306\\_Trends\\_opportunities\\_and\\_scope\\_of\\_libraries\\_during\\_Covid-19\\_pandemic](https://www.researchgate.net/publication/343168306_Trends_opportunities_and_scope_of_libraries_during_Covid-19_pandemic). Diakses pada 29 Jul. 2020
- Nielsen Book. "Reading increases in Lockdown." [https://nielsenbook.co.uk/wp-content/uploads/sites/4/2020/05/Press-Release\\_Covid-Tracker\\_wave-1-1.pdf](https://nielsenbook.co.uk/wp-content/uploads/sites/4/2020/05/Press-Release_Covid-Tracker_wave-1-1.pdf). Diakses pada 15 Ogos 2020
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Kajian Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014*. Perpustakaan Negara Malaysia, 2014
- Rao, S.S. (s.d.). "Electronic books: A new genre of content management." <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.138.5535&rep=rep1&type=pdf>. Diakses pada 30 Ogos 2020
- Robertson, Carlyn, "How Reader Behavior Is Changing During the COVID-19 Crisis", BookBub, <https://insights.bookbub.com/reader-behavior-changing-covid19-crisis/>. Diakses pada 23 Ogos 2020
- Universiti Tun Abdul Razak. "Free and Open Resources during COVID-19", <https://library.utar.edu.my/OpenResources.php>. Diakses pada 28 Jul. 2020
- u-Pustaka, "Business Intelligent" <https://www.u-library.gov.my/ulibrary/report/reportJasperAnalysis.jsp>. Diakses pada 1 Julai 2020

# TEKNOLOGI IDENTIFIKASI PENGENALAN DIRI SECARA IMBASAN KOD QR

Hairi Alias

*Pensyarah*

*Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu, Malaysia*

*hairi@psmza.edu.my*

---

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan melihat teknologi proses penggunaan kaedah imbasan kod QR dalam mengidentifikasi maklumat seseorang individu. Mengenalpasti individu dan semakan suhu badan menjadi norma dan kebiasaan baharu yang penting semasa pandemik COVID-19 bermula dari tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Setiap individu yang ingin melakukan urusan seharian di premis-premis kerajaan dan swasta wajib diidentifikasi dan disemak suhu badan mereka bagi mengetahui tahap kesihatan dalam usaha mencegah jangkitan wabak. Pengesahan individu melalui teknologi imbasan kod QR dapat mengurangkan risiko jangkitan wabak di mana mengelakkan pengguna dari menyentuh peranti seperti pen yang sama berulang kali kerana kaedah ini boleh dilakukan melalui peranti mudah alih masing-masing. Kajian menganalisa format penulisan kod atur cara dalam menghubungkan corak pada kod QR dengan maklumat individu yang dirujuk dari pangkalan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengesahan individu secara imbasan kod QR dapat dilakukan melalui tetapan tertentu kepada kod atur cara yang dihubungkan kepada maklumat individu yang disimpan dalam pangkalan data selain menguji ketepatan data apabila dilakukan sebarang perubahan kepada rekod yang dihasilkan. Namun begitu, penggunaan peranti yang lebih maju dengan teknologi terkehadapan perlu agar keupayaan imbasan dapat dilakukan secara automatik sepenuhnya tanpa melibatkan proses kerja manusia.

**Kata kunci:** kod QR; pengesahan individu; kod atur cara; pangkalan data.

## ***Abstract***

*The purpose of this study is to showcase the QR code technology scanning methods in identifying an individual's information. Identifying and checking body temperature became vital for new norms during the COVID-19 when the Movement Control Order (MCO) was enforced by the Malaysian Government. Every individual who wants to do the transaction in government and private agencies must go through a body temperature examination to find out their level of health to reduce COVID-19 infection. Authentication of Individual health through QR code scanning technology can reduce the risk of COVID-19 infection which prevents users from using the same devices such as pen repeatedly as this method can be done through their mobile devices. The study analyzed the format of program code writing in linking the pattern on the QR code with the individual information from the*



*database. The findings of the study show that the verification of individuals by scanning QR codes can be done through certain settings to the program code linked to individual information stored in the database in addition to testing the accuracy of data when any changes are made to the records produced. However, the use of more advanced devices with state-of-the-art technology is necessary so that scanning capabilities can be done automatically without staff monitoring.*

**Keyword :** QR code, Individual authentication, programming code, database

## Pengenalan

Kod QR ataupun Quick Response merupakan generasi kedua kod bar di mana simbol perwakilan dua dimensi yang telah diperkenalkan oleh sebuah syarikat inovasi dari Jepun, Denso Wave pada tahun 1994. Kod QR berkebolehan menyimpan lebih banyak data dan maklumat berbanding kod bar biasa menerusi garisan mendatar dan menegaknya (Hairil Hazlan, 2012). Di samping itu, kod QR turut boleh diintegrasikan bersama peranti telefon bimbit pintar secara mobil. Keunikan itu telah menjadikan implementasinya semakin diperluas untuk tujuan pengiklanan dan promosi sesuatu produk atau perkhidmatan (Luqman & Nadziran, 2011). Identifikasi adalah fungsi di mana sistem perlu mengenal pasti identiti seseorang daripada senarai pengguna yang sedia ada. Identifikasi memerlukan pepadanan satu ke banyak. Menurut Garis Panduan Biometrik yang direkodkan oleh MAMPU (2004), proses pengesahan dan pepadanan dilaksanakan dengan membandingkan ciri-ciri individu dengan kesemua templat yang ada di dalam sistem untuk mengenal pasti identiti individu. Penggunaan peranti teknologi dapat memudahkan akses kepada sesuatu pekerjaan di mana setiap arahan kerja diwujudkan dalam bentuk kod-kod tertentu yang mewakili arahan kerja tersebut. Kod-kod disusun sebagai atur cara iaitu kod-kod arahan kerja spesifik dalam bentuk bahasa aras tinggi yang difahami oleh peranti teknologi itu sendiri. Kod atur cara atau bahasa pengaturcaraan harus mempunyai sintaks yang mudah dan senang digunakan yang lebih dekat dengan bahasa semula jadi (Zakaria Alomari, 2014). Kod-kod yang digunakan mestilah boleh menghubungkan dan menguruskan satu komunikasi proses di antara sistem dengan pangkalan data. Sejalan dengan perkembangan teknologi maklumat sekarang boleh dikatakan bahawa dengan menggunakan pangkalan data sebagai salah satu sistem untuk memudahkan pekerjaan mereka seperti menyimpan data-data di dalam perisian-perisian yang terdapat di komputer (Haslinda, 2003). Pangkalan data ialah satu storan berpusat yang menyimpan informasi dalam bentuk data dan boleh diubahsuai mengikut kehendak pengguna melalui perantaraan sistem sebagai antara muka. Jadi, gabungan kod QR yang memegang maklumat dalam bentuk corak tertentu dan membenarkan imbasan dilakukan bagi mencapai data yang disimpan dalam pangkalan data adalah pendekatan teknologi yang boleh mengelakkan sentuhan atau akses kepada peranti gunasama seterusnya menghalang dan mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 dalam komuniti.

## Kajian Literatur

Kajian literatur telah mengambil sesuatu aplikasi atau sistem yang membenarkan akses kepada maklumat individu melalui imbasan kod QR. Keupayaan sesuatu capaian dapat terbukti lebih mudah dan cepat sekiranya akses kepada capaian itu melalui imbasan kod QR berbanding secara manual menerusi kaedah menulis atau menaip. Antara aplikasi yang mengguna pakai kaedah pengenalan diri menerusi kod QR ialah aplikasi *MySejahtera*. *MySejahtera* merupakan aplikasi bagi peranti mudah alih yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri. Pada masa yang sama, ia membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.




Aplikasi *MySejahtera* dibangunkan melalui kerjasama strategik antara Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Terdapat dua kategori pengguna aplikasi iaitu Rakyat Malaysia dan Pentadbir aplikasi di KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia). Aplikasi *MySejahtera* dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan mengelakkan orang ramai memberikan maklumat palsu dimana mengemukakan maklumat palsu adalah suatu kesalahan bawah Seksyen 22 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Keperluan minimum bagi aplikasi ini ialah telefon pintar dengan sistem pengoperasian Android 4.0 ke atas atau iOS 10 ke atas, mempunyai sambungan internet dan boleh menerima SMS bagi proses penghantaran One-Time-Pin (OTP). Aplikasi *MySejahtera* boleh dimuat turun dari Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), *Apple App Store*, *Google Play Store* dan *Huawei AppGallery* secara percuma. Secara ringkas, aplikasi ini mengkategorikan tahap kesihatan pengguna berdasarkan beberapa tahap tertentu seperti jadual di bawah.

Klasifikasi	Penerangan
Low Risk	Individu yang mempunyai risiko rendah terhadap jangkitan COVID-19.
Casual Contact	Individu yang berkemungkinan terdedah kepada individu lain yang dijangkiti COVID-19.
Close Contact	Individu yang telah dikenal pasti terdedah kepada individu lain yang dijangkiti COVID-19. Ini termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pekerja kesihatan yang terdedah kepada COVID-19 (termasuk memberi rawatan secara langsung kepada pesakit COVID-19 tanpa menggunakan PPE, bekerja dengan pekerja kesihatan yang terjangkit dengan COVID-19, menziarahi pesakit atau tinggal bersama pesakit COVID-19).</li> <li>- Bekerja bersama-sama atau berada dalam bilik yang sama dengan pesakit COVID-19.</li> <li>- Mengembara bersama pesakit COVID-19.</li> <li>- Tinggal di rumah bersama-sama pesakit COVID-19.</li> </ul>
Person Under Surveillance (PUS)	Individu yang mempunyai risiko mendapat jangkitan COVID-19. Contoh: individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari.
Person Under Investigation (PUI)	Individu yang mempunyai risiko mendapat jangkitan COVID-19, seperti individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau yang pernah menghadiri perhimpunan ramai (mass gathering) dalam tempoh 14 hari sebelum kemunculan simptom.
Confirmed Case	Individu yang telah diuji positif COVID-19.

Jadual 1 : Klasifikasi tahap kesihatan *MySejahtera*

Rajah 1 : Ikon aplikasi *MySejahtera*

Praktikalnya, setiap individu yang ingin memasuki mana-mana premis mesti mengimbas kod-QR yang spesifik bagi premis tersebut yang telah dihubungkan kepada aplikasi *MySejahtera* di mana maklumat berkaitan diri individu tersebut telah sedia ada dalam pangkalan data aplikasi dengan syarat individu adalah seorang yang berdaftar dengan aplikasi *MySejahtera*. Berikut diringkaskan beberapa bahagian yang menjalankan identifikasi maklumat individu secara imbasan kod-QR menerusi penggunaan aplikasi *MySejahtera*.

Rajah 1.1 : Antara muka imbasan kod-QR *MySejahtera*Rajah 1.2 : Contoh kod-QR premis yang dihubungkan dengan aplikasi *MySejahtera*

Rajah 1.3 : Paparan keputusan atau check-in tiket dengan identifikasi maklumat individu yang telah diimbas


Jadi, setiap individu yang hadir ke mana-mana premis atas sebarang urusan akan diminta untuk mengimbas kod QR premis dan maklumat diri individu tersebut akan direkodkan kedalam pangkalan data sebagai rujukan oleh pihak berautoriti Kerajaan Malaysia seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Keseluruhannya, aplikasi *MySejahtera* memberikan kemudahan seperti berikut:

- i. Membantu kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan seterusnya menangani wabak COVID-19;
- ii. Membantu individu mengenal pasti tahap kesihatan mereka sepanjang penularan wabak COVID-19;
- iii. Membantu individu mendapatkan bantuan kesihatan dan tindakan yang perlu diambil jika dijangkiti COVID-19; dan
- iv. Membantu individu mengenal pasti hospital dan klinik terdekat untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan COVID-19.

## Pernyataan Masalah

Proses merekod maklumat individu dan semakan suhu badan menjadi suatu yang perlu dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Masalah timbul sekiranya proses merekod ini dilakukan dengan cara yang tidak menepati ketetapan dan syarat yang sepatutnya. Proses merekod secara menulis di buku ataupun kaedah pengisian maklumat peribadi secara sendiri (*self-service*) berulang kali di setiap premis yang berbeza memberi ruang kepada berlakunya ketidaktepatan maklumat dengan keabsahan yang diragui serta masalah integriti terhadap maklumat yang direkodkan. Proses menulis di buku boleh menyebabkan maklumat yang ditulis tidak diperolehi sekiranya buku rekod itu hilang, rosak, koyak ataupun terkena air.

Kehilangan rekod yang dikira penting ini amat merugikan pihak berautoriti seperti KKM ataupun Pusat Kesihatan Daerah (PKD) terutamanya dalam menjejaki individu-individu terlibat sekiranya premis tersebut telah dikenal pasti pernah dikunjungi oleh pembawa wabak COVID-19 yang tidak bergejala. Selain itu, merekod berulang kali secara sendiri juga boleh memberi peluang akan maklumat yang palsu diberikan seperti nama individu, lokasi, nombor telefon dan suhu. Malah oleh kerana kepenatan merekod, ada juga premis yang membenarkan proses semakan suhu dibuat sendiri oleh pengguna dan semestinya hal ini menjejaskan integriti maklumat yang diisi dalam buku ataupun diisi melalui aplikasi *google form*. Kesukaran akan berlaku sekiranya ada pembawa virus dikenalpasti pada sesuatu lokasi atau premis tersebut dimana pengesanan kontak rapat, individu yang pernah berurusan di premis terbabit pada masa dan tarikh berkenaan tidak dapat dikenal pasti disebabkan wujudnya maklumat palsu yang direkodkan.



Rajah 1.4 : Konsep Keselamatan Maklumat

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kaedah identifikasi pengenalan diri menggunakan teknologi imbasan kod QR. Objektif kajian adalah:

- i. Menganalisis format kod atur cara yang dapat menghubungkan imbasan pada kod QR dengan rekod maklumat peribadi individu; dan
- ii. Mengenalpasti format kod dan capaian yang membenarkan perubahan maklumat hasil janaan kod QR dengan rekod dari pangkalan data.

## Metodologi

Kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian ini pada dasarnya adalah berdasarkan analisis kepada kod aturcara yang digunakan untuk membangunkan proses identifikasi pengenalan diri melalui imbasan kod-QR. Kod atur cara ini diperolehi dari beberapa keratan proses yang wujud pada sistem dan aplikasi. Pengaplikasian bahasa pengaturcaraan PHP versi 7.0, digabungkan dengan keratan javascript dan jQuery yang menyediakan akses hubungan kepada pangkalan data MySQL yang menyimpan rekod individu seperti nama, lokasi, masa tiba, masa keluar, no.telefon, tarikh dan catatan suhu. Setiap kod yang ditulis diujilari bagi mendapatkan output iaitu maklumat individu yang tepat seperti mana direkodkan pada pangkalan data dan sintaks yang membenarkan capaian dan akses kepada maklumat tersebut melalui imbasan kod QR. Kumpulan keratan aturcara ini dilihat dengan format yang berbeza. Format dan versi tetapan kepada kod aturcara akan diuji dalam dua fasa iaitu:

- i. **Penghasilan output dari imbasan kod QR**  
Output yang dihasilkan mestilah tepat dan kesemua rekod dalam pangkalan data haruslah dapat diakses; dan
- ii. **Perubahan dan hasil kemaskini terhadap rekod yang diimbas oleh kod QR**  
Setiap perubahan yang direkodkan kepada maklumat yang diakses melalui imbasan kod-QR dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan integriti maklumat yang direkodkan adalah terjamin

Menurut de la Torre, C. & Calvert, S. (2016), kaedah kajian analisis adalah alat yang paling sesuai untuk mengumpul maklumat dalam kajian kualitatif dan pemboleh ubah yang berkaitan dengan topik yang dikaji boleh dikenal pasti dengan melihat kajian literatur secara menyeluruh.

## Dapatan dan Perbincangan

### Fasa 1:


#### **Analisa kod aturcara yang menguruskan proses penghasilan output dari imbasan kod QR**

Fasa 1 ini melihat kod aturcara yang mengendalikan imbasan kod QR bagi mendapatkan output yang tepat sepertimana tercatat dalam pangkalan data. Kod terdiri daripada beberapa segmen iaitu segmen *Hypertext Markup Language* (HTML), segmen kefungisian (*functional*) dan segmen skrip (*scripting*). Kesemua segmen ini biasanya ada dalam penulisan kod aturcara berasaskan objek (*object oriented*).

Apabila imbasan kod QR dilakukan, maklumat dan informasi yang dipegang oleh kod QR melalui corak kod akan diterjemah oleh pengimbas. Terjemahan ini akan menghasilkan output seperti halaman yang mengandungi semua maklumat individu yang diimbas tadi seperti nama, lokasi, masa tiba, nombor telefon, tarikh dan input untuk catatan suhu.

Segmen	Penerangan
HTML	Pelantar kepada paparan satu-satu laman. Membenarkan proses pengubahan kepada rekabentuk dan paparan antaramuka sistem seperti susun atur halaman imbasan, kedudukan kod QR dan elemen input yang sesuai digunakan.
KEFUNGSIAN	Mengendalikan hampir kesemua operasi sistem aplikasi seperti proses imbasan kod QR, proses menghubungkan dengan pangkalan data, semakan melalui maklumat identifikasi yang diterima serta penyimpanan rekod yang dikemaskini.
SKRIP	Menguruskan respon sistem kepada pengguna seperti status imbasan kod QR, status masukan data seperti suhu, status penyimpanan rekod dalam pangkalan data, mengenalpasti tarikh dan masa secara automatik serta konfigurasi sistem.

Jadual 2 : Segmen kod aturcara yang terlibat



Rajah 1.5: Proses imbasan kod QR



Rajah 1.6 : Keluaran maklumat yang terhasil dari imbasan kod QR

```
<form name="form2" method="get" action="rekoddatasuhu.php?id=<?php echo $_GET['id']; ?>">
```


Rajah 1.7 : Kod aturcara tetapan imbasan kod QR dengan pangkalan data

## Fasa 2:

Analisa kod aturcara yang membenarkan perubahan maklumat janaan kod QR dengan rekod pada pangkalan data



Rajah 1.8 : Input nilai suhu badan yang diimbas



Rajah 1.9 : Maklumat individu dan nilai suhu badan yang direkodkan

```
Sq4 = "insert into rekodhadir (id,tarikh,masuk,suhu)values ('$id','$tarikh','$masuk','$suhu')";
Sq5 =mysql_query($dbcon,Sq4) or die(mysql_error($dbcon));


echo "<meta http-equiv=\"refresh\" content=\"0\"; URL=admin.php\">";
```

Rajah 2.0 : kod aturcara yang menerima masukan nilai suhu ke dalam pangkalan data

## Perbincangan

Hasil maklumat yang diperolehi dari imbasan kod QR individu akan dipaparkan dan mestilah bertepatan dengan maklumat individu yang diimbas. Proses imbasan dilakukan pada kod QR yang ada pada individu pengguna. Imbasan juga boleh dilakukan terhadap kod QR yang disimpan dalam telefon pintar pengguna. Menurut Azizah & Ghazali (1992), imbasan boleh digunakan terus untuk mencapai pangkalan data. Di sini, tetapan atur cara akan membaca nilai yang dipegang oleh kod QR iaitu maklumat pengenalan individu yang diimbas sahaja. Keluaran maklumat yang dijana hasil imbasan kod QR akan diuji dengan masukan nilai suhu yang diperolehi ketika imbasan suhu badan dilakukan. Didapati bahawa, masukan suhu yang diisi kepada maklumat peribadi individu berjaya direkodkan dengan tepat merujuk kepada individu yang diimbas sahaja. Ini menunjukkan rekod yang dihasilkan dari imbasan kod QR oleh pihak autoriti premis ke atas individu yang ingin berurusan di premisnya dapat dikemaskini dengan nilai suhu badan dan selamat disimpan dalam pangkalan data di mana ianya boleh dirujuk oleh pihak berkepentingan pada masa akan datang. Tetap kod atur cara akan melibatkan sistem memegang nilai masukan suhu dan dihantar untuk disimpan dalam pangkalan data yang akan menerima input suhu tersebut.





Rajah 2.1: Analogi imbasan kod QR dengan rujukan rekod pangkalan data

## Kesimpulan

Dalam kajian ini, analisis kepada format dan tetapan kod atur cara yang digunakan menunjukkan bahawa tetapan bagi kod yang menerima hasil imbasan kod QR adalah berbeza dari tetapan kod atur cara yang menerima penambahan rekod nilai suhu ke atas rekod sedia ada pada sistem. Bagi kod atur cara imbasan, pembentukan algoritma yang memegang satu nilai spesifik bagi menentukan setiap individu yang diimbas adalah berbeza dari individu lain. Ini bersesuaian dengan pendapat Kusmayadi (2008), rekod yang diakses dari pangkalan data mestilah memberi manfaat kepada peneliti. Perbezaan ini dikenal pasti melalui satu atribut id yang dipegang oleh kod QR. Penyambungan kepada sistem dengan pangkalan data dilakukan dengan rujukan kepada atribut id. Penyambungan yang dikenal pasti akan menghasilkan halaman yang memaparkan rekod individu yang diimbas sebagaimana wujud dalam pangkalan data. Daripada kod atur cara, menunjukkan nilai suhu yang dimasukkan akan ditetapkan hanya kepada individu yang diimbas sahaja. Jadi, nilai suhu akan dikemaskini dengan rekod penama individu yang diimbas dari kod QR oleh pihak yang berautoriti. Ini menjadikan integriti nilai suhu yang dicatat terjamin dan boleh dipercayai.

Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada sedikit proses manual dalam semakan suhu badan perlu ditambahbaik melalui penggunaan peranti berteknologi terkehadapan yang boleh merekod suhu badan individu secara real-time. Aspek penerapan terhadap penggunaan teknologi mestilah mempunyai tujuan (Roziyah & Sarinah, 2019). Oleh itu, dicadangkan supaya alatan dan kemudahan yang menepati teknologi terkini sangat wajar diaplikasikan dengan sistem dan aplikasi yang mementingkan integriti rekod dan data yang disimpan serta menjadi rujukan pihak berkepentingan terutama dalam proses pengawalan dan pencegahan pandemik COVID-19.

## Rujukan

Hairil Hazlan. "Apa itu kod QR" *Break The Rule, Think Out of The Box*, 10 Sept. 2012, <http://hairilhazlan.com/2012/09/10/apa-itu-kod-qr>. Diakses pada Jun, 2020.



- Luqman & Nadziran, "Apa itu kod QR" *Penyesuaian Sosial*, 11 Sept. 2019, <https://luqmannadziran.blogspot.com/2019/09/qr-code.html>. Diakses pada Jun, 2020.
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. *Garis Panduan Biometrik Malaysia*. 2004, [https://ppii.uitm.edu.my/main/images/pekeliling/mampu/GarisPanduan/Tahun2004-Garis\\_Panduan\\_Biometrik.pdf](https://ppii.uitm.edu.my/main/images/pekeliling/mampu/GarisPanduan/Tahun2004-Garis_Panduan_Biometrik.pdf)
- Alomari, Z., Halimi, O.E., Sivaprasad, K., & Pandit, C. "Comparative Studies of Six Programming Languages." *Researchgate Publication*, April 2015, <https://www.researchgate.net/publication/274572185>
- Haslinda Abd Aziz, "Pembangunan sistem pangkalan data E-inventori makmal" *Makmal Kejuruteraan Awam Dan Makmal Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Dan Alam Sekitar*. 12 Mei 2003, <https://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/1372/>. Diakses pada Julai, 2020.
- De la Torre, C. dan Calvert, S., *Microsoft Platform and Tools for Mobile Application Development*. Redmond, Washington 98052-6399: Microsoft Press, 2016.
- Abdul Manaf, Azizah & Sulong, Ghazalie. "Penukaran data dalam konteks GIS (Geographical Information System)". *Jurnal Teknologi*, Jil. 20, 1992, m.s 65-80.
- Eka Kusmayadi. "Akses Dan Pemanfaatan Pangkalan Data Jurnal Ilmiah". *Jurnal Perpustakaan Pertanian*, Jil. 17, 2008, m.s 1-9.
- Safri, Roziah & Aras, Sarinah. "Faktor Kegagalan Fungsi Sistem Maklumat Sumber Manusia" *Researchgate Publication*, November 2019, <https://www.researchgate.net/publication/337621209>

# **KESAN *BOOK SHOWER/ UV STERILIZER* TERHADAP BAHAN BERTERASKAN KERTAS: SATU TINJAUAN**

Tamimi Taib

*Penolong Pengarah Kanan*

*Bahagian Pemuliharaan, Perpustakaan Negara Malaysia*

*tamimi@pnm.gov.my*

---

## **Abstrak**

*Book Shower* adalah satu alat pembasmi (*sterilizer*) bakteria menggunakan cahaya *Ultra Violet* (UV). Ianya mula diperkenalkan di Asia timur sebagai salah satu kaedah bagi membasmi kuman pada bahan berteraskan kertas seperti buku dan majalah yang dirujuk di dalam sesebuah perpustakaan. Ianya juga dipercayai mampu membasmi bakteria dan kuman secara efektif sebanyak 99% dengan pendedahan (*exposure*) cahaya UV selama 30 saat. Kajian ringkas ini dilakukan bagi mengkaji keberkesanan alat *book shower* berkenaan terhadap virus pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia ketika ini dan kesan penggunaan UV terhadap bahan yang berteraskan kertas seperti buku, majalah, jurnal dan sebagainya. Ianya adalah satu kajian ringkas yang proaktif bagi memastikan kawalan sebaran pandemik melalui bahan rujukan dan pinjaman di perpustakaan tidak memberi kesan negatif sampingan terhadap bahan dan memastikan bahan berkenaan sentiasa di dalam keadaan baik. Kajian ini juga meliputi pandangan penggunaan cahaya UV sebagai kaedah pengsterilan bahan berteraskan kertas dari badan profesional seperti *International Federation of Library Association (IFLA)*, *American Library Association (ALA)*, *North East Documents Conservation Centre (NEDCC)*, *National Centre for Preservation Technology and Training (NCPTT)* dan sebagainya.

## **Abstract**

*Book Shower* is a bacterial sterilizer using *Ultra Violet (UV)* light that was first introduced in East Asia as one of the methods to disinfect paper-based materials such as books and magazines in the library. It is also believed to be able to eradicate bacteria and germs effectively by 99% with exposure to UV light for 30 seconds. This article discusses the effectiveness of book showers on the COVID-19 pandemic virus that is plaguing the world at the moment and the effects of UV use of paper-based materials such as books and magazines in libraries do not have negative side effects on materials and ensure they are always in good condition. Also presents views and effects of the use of UV light as a method of sterilizing paper-based materials from professional bodies such as the *International Federation of Library Association (IFLA)*, *American Library Association (ALA)*, *North East Documents Conservation Center (NEDCC)*, *National Center for Preservation Technology and Training (NCPTT)* and so on.

## Pengenalan

Kajian ringkas ini adalah untuk mendapat penerangan ringkas mengenai *book shower sterilizer* dan *UV sterilizer*, kesan efektif dan kesan terhadap bahan berteraskan kertas dari aspek pemuliharaan dan pemeliharaan bahan.

## Latar Belakang

Pandemik Covid-19 yang sedang melanda dunia pada ketika ini merupakan satu wabak yang merbahaya kepada setiap negara yang menghadapinya. Perpustakaan adalah antara institusi yang terkesan dengan wabak pandemik ini. Pelbagai usaha dan cara telah dipraktikkan oleh sebahagian besar perpustakaan di dunia untuk membebaskan bahan perpustakaan antaranya adalah seperti berikut:-

- i. Kuarantin (isolasi) bahan selama 24 jam sehingga 72 jam dan ada yang mempraktikkan sehingga 14 hari.<sup>1</sup>
- ii. Penggunaan mesin nyah bakteria, *book shower sterilizer/ UV light sterilizer*.<sup>2</sup>
- iii. Pembersihan/nyah kuman secara sapuan/lap di permukaan kulit buku menggunakan gel sanitasi (walaubagaimanapun kajian *Library of Congress* menyatakan penggunaan gel sanitasi yang berasaskan alkohol mahupun *waterbased* boleh merosakan bahan)<sup>3</sup>.

*Book shower sterilizer* dan *UV sterilizer* adalah peralatan yang telah sedia ada di pasaran dan telah digunakan di perpustakaan di Asia Timur, antara yang telah menggunakannya adalah seperti berikut:-

- i. Tseung Kwan O *Study Centre, University of Hong Kong*;
- ii. *Mong Man Wai Library, Tai Po Campus, Hong Kong*;
- iii. 14 Perpustakaan awam di Macao (*Biblioteca Publica de Macao*);<sup>4</sup>
- iv. *National Library of China* (dinyatakan di dalam kenyataan IFLA)<sup>5</sup>

## Sinaran UV

Sinaran *Ultra Violet (UV)* sebagai satu kaedah pengsterilan/nyah kuman telah mula wujud sejak awal 1878 lagi. Kaedah ini lebih popular di amalkan untuk peralatan pengamal perubatan seperti peralatan pembedahan, farmaseutikal dan makmal kajian/ biologi. Kini kaedah pengsterilan menggunakan sinaran UV telah digunakan secara meluas di seluruh dunia, tidak sahaja untuk kegunaan perubatan malah untuk penguasaha makanan, hotel, lapangan terbang dan sebagainya.

Sinar UV diukur dengan kadar gelombang radiasi per nanometer (nm), lebih kecil angka radiasi lebih bahaya sinar UV tersebut. Terdapat tiga jenis sinar UV seperti berikut;:-<sup>6</sup>

- i. Sinar UVA (315 - 400 nm), cahaya matahari seharian yang membentuk sebahagian besar sinaran *Ultra Violet* yang sampai ke permukaan bumi. Ia mampu menembusi jauh ke dalam kulit dan dianggap penyebab sehingga 80% kesan penuaan kulit manusia, dari kedutan hingga bintik-bintik usia.

1 3.5 Disinfecting books and others collections, <https://www.library.gov.mo/en/service-guide/facilities/library-facilities>

2 Covid-19 and the Global Library Fields, <https://www.ifla.org/covid-19-and-libraries>

3 The Impact of Hand Sanitizers on Collection Materials, <https://www.loc.gov/preservation/scientists/projects/sanitize.html>

4 Biblioteca Publica de Macao, <https://www.library.gov.mo/en/service-guide/facilities/library-facilities>

5 Covid-19 and the Global Library Fields, <https://www.ifla.org/covid-19-and-libraries>

6 Ultraviolet radiation (UV), <https://www.who.int/uv/en/>

- ii. Sinar UVB (280–315 nm), sinar cahaya yang boleh merosakkan DNA pada kulit kita, menyebabkan terbakar sinar matahari (*sun burn*) dan sekiranya berlebihan boleh menyebabkan radang kulit. Kesan kulit dari sinaran ini dapat di atasi dengan penggunaan krim matahari yang baik.
- iii. Sinar UVC (180–280 nm), adalah sinaran UV yang paling berbahaya dan boleh menyebabkan kanser kulit dan kerosakan mata. Walaubagaimanapun sinar UV-C dari matahari telah ditapis di lapisan atmosfera sebelum sampai ke bumi. Sejak penemuan pada tahun 1878, para saintis mendapati bahawa mereka dapat memanfaatkan UV-C untuk membunuh mikro-organisma. UV-C kemudiannya dihasilkan secara buatan (lampu) dan telah menjadi kaedah pensterilan-yang digunakan untuk disinfeksi di hospital, dalam kapal terbang dan pembuatan makanan setiap hari. Sebagainya contoh, pentingnya sinar UV-C menjadi salah satu proses pengsterilan air minuman/air paip yang berkesan di Perancis dan sebahagian negara eropah, ini adalah kerana sebilangan parasit/kuman/bakteria mempunyai daya tahan terhadap disinfektan secara kimia seperti klorin.<sup>7</sup>

Walaupun belum ada penyelidikan yang melihat bagaimana sinaran UV-C boleh mempengaruhi virus Corona (Covid-19) secara khusus, Namun demikian ada kajian menunjukkan bahawa ia dapat digunakan untuk melawan siri koronavirus yang terdahulu, seperti SARS. Sinar radiasi UVC boleh memusnahkan struktur genetik virus SARS dan mencegah zarah virus daripada membiak. Walaubagaimanapun kadar masa pendedahan sinaran (*exposure*) yang diperlukan adalah 15 minit hingga 40 minit.<sup>8</sup> Dari dua kajian mendapati pendedahan sinaran yang kurang dari 15 minit menunjukkan bakteria e-coli dan virus SARS-cov masih aktif.

*The National Academy of Sciences Engineering Medicine* pula menyatakan sinaran UVC kebarangkalian tinggi dapat menghapuskan virus Corona penyebab Covid-19. Dalam satu petikan, organisasi ini berpendapat, sinaran UV terbukti memusnahkan Corona virus lain, jadi ia mungkin akan berfungsi pada Novel Coronavirus. Tetapi cahaya UV merosakkan kulit manusia, jadi hanya boleh digunakan pada objek atau permukaan.<sup>9</sup>

Dalam satu artikel yang lain, terdapat cadangan penggunaan sinar UV sebagai salah satu kaedah untuk disinfeksi sisa air kumbahan hospital yang terdedah dengan virus Covid-19 di China. Walaupun ianya baru dicadangkan, China telah melaksanakan kaedah berkenaan dan ianya menunjukkan bahawa sinaran UV adalah salah satu kaedah disinfeksi paling efektif sewaktu wabak SARS, walaubagaimanapun ianya diakui amat berisiko kepada para petugas yang terdedah dengan kadar radiasi UV yang tinggi dan tempoh pendedahan cahaya (*exposure*) yang lama dan berlanjutan.<sup>10</sup>

### ***Book Shower Sterilizer/ UV Sterilizer***

Book shower *sterilizer/ UV sterilizer* adalah satu peralatan nyah kuman (bakteria, virus, mikro organisma) yang ada pada buku di perpustakaan atau pusat pengajian dengan menggunakan sinaran UV-C kepada permukaan bahan dan helaian mukasurat. Kaedah ini dipercayai mula diperkenalkan seawal tahun 2004 -

7 Gorvett, Zaria, Can you kill coronavirus with UV light?, BBC Future (24 April 2020), <https://www.bbc.com/future/article/20200327-can-you-kill-coronavirus-with-uv-light>

8 Darnell, Miriam E.R. [et.all]; Inactivation of the coronavirus that induces severe acute respiratory syndrome, SARS-CoV, *Journal of Virological Methods*; Vol.121, iss.1; p25-91 (October 2004), <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S016609340400179X>

9 Does ultraviolet (UV) light kill the coronavirus?. <https://sites.nationalacademies.org/BasedOnScience/covid-19-does-ultraviolet-light-kill-the-coronavirus/index.htm>

10 Wang, Jiao [et.all]; Disinfection technology of hospital wastes and wastewater: Suggestions for disinfection strategy during coronavirus Disease 2019 (COVID-19) pandemic in China, *Environmental pollution*; Vol.262, 114665, <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0269749120310435>

2005 dan rata-rata pengeluar dan penggunaannya adalah di Asia Timur seperti China, Hong Kong, Macao, Korea dan Jepun.

Tiada kajian khusus yang dijalankan bagi membuktikan keberkesanan sinar UV pada *book shower/ UV sterilizer*. Namun demikian kita merujuk kepada satu sampel kenyataan dari pihak pengeluar *book shower/ UV sterilizer* mendapati kebanyakannya menyatakan bahawa kajian produk mereka boleh membunuh kuman, virus, bakteria dan fungus dengan bukaan sinaran (*exposure*) UV-C (240 nm) selama 30 saat, dan hasilnya 99.99% mikro organisma berjaya dimusnahkannya<sup>11</sup>. Namun demikian belum ada bukti yang benar jelas menunjukkan keberkesanannya dengan pendedahan sinaran selama **30 saat** tersebut boleh membunuh virus Corona (Covid-19). Bukti yang paling hampir adalah artikel dari *International Journal of Environmental Research and Public Health*, isu Disember 2019 yang menyatakan kajian disinfektan berjaya dilakukan ke atas 5/6 bakteria persampelan setelah pendedahan sinar UV-C selama **120 saat** dilakukan secara tertutup (*inbox sterilizer*) ke atas permukaan perkakasan hospital, namun demikian terdapat satu bakteria yang gagal dinyahkuman dalam tempoh pendedahan 120 saat tersebut.<sup>12</sup>

Petikan dari jurnal *Epidemiology Infection Control and Hospital Epidemiology*, tahun 2006, menyatakan bahawa untuk membunuh kuman/bakteria memerlukan sinar UV-C (254 nm) untuk membunuh bakteria dengan berkesan dengan merosakkan DNA dan RNA mereka, Begitu juga dengan tempoh masa pendedahan, nyahkuman hanya berhasil setelah terdedah kepada cahaya tersebut selama **40 minit** pada dos yang tinggi.<sup>13</sup> *Northeast Document Conservation Center* mempunyai pendapat yang sama dan tidak mensyorkan pendedahan radiasi sinar UV digunakan untuk proses disinfeksi/nyah kuman terhadap buku dan bahan berteraskan kertas.<sup>14</sup>

Menurut dari *Indian Journal of Medical Microbiology*, tahun 2008 pula menyarankan disinfeksi menggunakan sinaran UV terhadap bakteria e-coli memerlukan **30 minit** pendedahan sinaran (*exposure*) dan jarak cahaya adalah dalam lingkungan lapan kaki.<sup>15</sup>

## **Kesan Book Shower / UV Sterilizer Terhadap Bahan Perpustakaan Berasaskan Kertas**

Setelah meneliti terdapat faktor dari sumber-sumber seperti di atas yang jelas menunjukkan bahawa sinaran UV-C berkemungkinan besar berkesan untuk membunuh virus Corona. Namun apa yang dapat dipastikan dari pengesanan artikel dan bacaan sokongan menunjukkan bahawa, disinfeksi atau nyah kuman menggunakan kaedah pendedahan radiasi sinaran UV-C (*exposure*) perlulah diantara dos radiasi 180-240 nm dan melebihi 15 minit.

Keberhasilan *Book shower/ UV sterilizer* dalam menyahkuman kemungkinan besar tinggi, namun ianya perlukan dibuat dengan pendedahan siaran UV-C yang tinggi (180-240nm) dan melebihi tempoh 15 minit, Sinaran UV-C sebegini boleh memudaratkan warna dan tona kertas pada buku. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh *American Library Association (ALA)*, yang mana sinar ultra violet (UV) juga memberi risiko pada kertas kerana terdedah kepada dos radiasi yang tinggi. Tambahan ALA lagi, tiada kaedah

11 LIVA Book Sterilizer EBS Series. <http://en.evertreecn.com/static/upload/file/20200509/1589037592111777.pdf>

12 Disinfectant Activity of A Portable Ultraviolet C Equipment. "*International Journal of Environmental Research and Public Health*" <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6926820/>

13 Abstract, Infection Control and Hospital Epidemiology, Volume 27; Issue 7 July 2006; pp. 729-734. <https://doi.org/10.1086/503643>

14 3.5 Disinfecting Books and Other Collections. [https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/3\\_5\\_DisinfectingBooks\\_2020.pdf](https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/3_5_DisinfectingBooks_2020.pdf)

15 G. Katara [et.al], Surface Disinfection by Exposure to Germicidal UV Light. *Indian Journal of Medical Microbiology*, (2008) 26(3);p241-42. <http://www.bioline.org.br/pdf?mb08074>

yang boleh mengesahkan bahawa setiap halaman telah terdedah dengan sinaran UV-C untuk mendapat hasil 100% pendedahan sinar UV-C tersebut berkesan pada setiap halaman, ianya mestilah pendedahan cahaya yang menyeluruh dan ianya adalah sesuatu yang hampir mustahil dicapai untuk sebuah buku yang mempunyai banyak halaman dalam tempoh yang singkat (30 saat).<sup>16</sup>

*Book shower/ UV sterilizer* menggunakan *blower*/kipas. Tujuannya untuk meniupkan angin untuk memudahkan halaman buku diselak untuk pendedahan sinaran UV kepada setiap halaman. Walaupun diragui keberkesanan cahaya yang masuk ke halaman tersebut, namun yang pasti kaedah kipas angin atau *blower* tersebut juga turut boleh mendatangkan kemudaratan kepada *spine* buku, terutama buku yang menggunakan pelekat/gam untuk keseluruhan *spine*. Berkemungkinan besar kesan jangka masa panjang, halaman buku boleh terlerai, terkoyak dan tercerai dari spine dan merosakkannya.

Dari kebanyakan rujukan dan artikel menunjukkan bahawa sinar UV-C akan memusnahkan DNA/RNA mikro organisma dan merbahaya terhadap kulit dan mata manusia. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahayanya radiasi sinaran tersebut terhadap serat dan tisu kertas. Pendedahan (*exposure*) pada dos yang tinggi akan memusnahkan tisu dan melemahkan serat kertas. Dalam jangka masa yang panjang ini akan menyebabkan proses penguraian kertas akan menjadi lebih cepat dari sepatutnya.<sup>17</sup>

## Rumusan

*Book shower/ UV sterilizer* adalah peralatan yang digunakan untuk proses nyah kuman dan disinfeksi. Tidak dinafikan berkemungkinan besar ianya adalah kaedah pilihan paling hampir untuk membasmi kuman bagi bahan seperti buku dan berteraskan kertas. Namun demikian, kaedah ini juga memberi kesan buruk yang jelas dan ketara kepada bahan berteraskan kertas seperti buku.

Organisasi perpustakaan, persatuan konservasi bahan dan pakar bidang yang membincangkan hal ini seperti *International Federation of Library Association (IFLA)*, *American Library Association (ALA)*, *North East Documents Conservation Centre (NEDCC)*, *National Centre for Preservation Technology and Training (NCPTT)* dan sebagainya menyarankan agar penyahkuman secara sinaran UV-C tidak dijalankan ke atas bahan buku/kertas kerana dos yang tinggi akan merosakkan bahan tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa kebanyakan organisasi dan persatuan Eropah dan barat mengesyorkan isolasi dan kuarantin bahan kertas selama 24 jam, 72 jam hingga ke 14 hari adalah kaedah paling sesuai dan mudah dipraktikkan. Manakala di negara Asia timur seperti China, Macao, Hong Kong, dan Korea, selain isolasi bahan, tanpa penjelasan jelas mereka menggunakan pendedahan sinaran UV-C sebagai salah satu kaedah nyah kuman terhadap buku-buku pinjaman/rujukan. Mereka mempraktikkan kaedah berkenaan dengan pendedahan (*exposure*) selama 30 saat. Sehingga ke hari ini masih belum ada bukti secara saintifik sinaran UV-C selama 30 saat mampu memusnahkan virus Corona penyebab Covid-19.

## Rujukan

Abstract, *Infection Control and Hospital Epidemiology*, Volume 27; Issue 7 July 2006; pp. 729-734.

ALA. "*Pandemic Preparedness: Resources for libraries*". <http://www.ala.org/tools/atoz/pandemic-preparedness>

---

16 How to Sanitize Collections in a Pandemic: Conservators weigh in on the mysteries of materials handling during COVID-19. <https://americanlibrariesmagazine.org/blogs/the-scoop/how-to-sanitize-collections-covid-19/>

17 2.4 Protection from Light Damage. [https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/2\\_4\\_Light.pdf](https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/2_4_Light.pdf)



- American Institute for Conservation and Foundation for Advancement in Conservation. *C2C Care: Collections Care in the Age of COVID-19 Facebook Live Event*, April 2, 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=FqiCJQq6Ejo>
- Centers for Disease Control and Prevention, "*Interim Recommendations for US Households with Suspected/Confirmed Coronavirus Disease 2019*". <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/prepare/cleaning-disinfection.html>
- CNBC. "*How Ultraviolet Light Could Help Stop The Spread Of Coronavirus*". <https://www.youtube.com/watch?v=OJ08BuyejuE>
- Darnell, Miriam E.R. [et.al]; "*Inactivation of the coronavirus that induces severe acute respiratory syndrome, SARS-CoV*", *Journal of Virological Methods*; Vol.121, iss.1; p25-91 (October 2004), <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S016609340400179X>
- Derraik, Jose G.B. [et.al]. "*Rapid evidence summary on SARS-CoV-2 survivorship and disinfection, and a reusable PPE protocol using a double-hit process*". *MedRxiv*. <https://www.medrxiv.org/content/10.1101/2020.04.02.20051409v1.full.pdf>
- Disinfecting Books and Other Collections. [https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/35DisinfectingBooks\\_2020.pdf](https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/35DisinfectingBooks_2020.pdf)
- EBSCO. "*Covid-19 information: An Open Access initiative*". <https://covid-19.ebscomedical.com/>
- Ever Tree. "*LiVA Book Sterilizer*". <http://en.evertreecn.com/static/upload/file/20200509/1589037592111777.pdf>
- Ewen, Lara. "*How to Sanitize Collections in a Pandemic: Conservators weigh in on the mysteries of materials handling during COVID-19*". *American Libraries Magazine*, March 27,2020. <https://americanlibrariesmagazine.org/blogs/the-scoop/how-to-sanitize-collections-covid-19/>
- Guridi, Andrea [et.al]. "*Disinfectant Activity of A Portable Ultraviolet C Equipment*". *International Journal of Environmental Research and Public Health*; Nov 17, 2019. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6926820/>
- IFLA. "*COVID-19 and the Global Library Field*". <https://www.ifla.org/covid-19-and-libraries>
- Kampf, D. Todt, S. Pfaender, and E. Steinmann. "*Persistence of coronaviruses on inanimate surfaces and their inactivation with biocidal agents*". *The Journal of Hospital Infection*, Vol. 104, Issue 3, p246-251, March 01, 2020. <https://doi.org/10.1016/j.jhin.2020.01.022>
- G. Katara [et.al]. "*Surface Disinfection by Exposure to Germicidal UV Light*". *Indian Journal of Medical Microbiology*, (2008) 26(3); p241-42. <http://www.bioline.org.br/pdf?mb08074>
- National Center for Preservation Technology and Training. *Covid-19 Basics: Disinfecting Cultural Resources*. <https://www.ncptt.nps.gov/blog/covid-19-basics-disinfecting-cultural-resources/>
- North East Document Conservation Center (NEDCC). "*Disinfecting Books and Other Collections*". [https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/3\\_5\\_DisinfectingBooks\\_2020.pdf](https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/3_5_DisinfectingBooks_2020.pdf)

- Novanto Yudistira [et.al]. "*UV light influences covid-19 activity through big data: trade offs between northern subtropical, tropical, and southern subtropical countries*". MedRxiv. <https://www.medrxiv.org/content/10.1101/2020.04.30.20086983v3.full.pdf>
- Protection from Light Damage. [https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/2\\_4\\_Light.pdf](https://www.nedcc.org/assets/media/documents/Preservation%20Leaflets/2_4_Light.pdf)
- Strigel, Mary. "*Covid-19 Basics: Disinfecting Cultural Resources*". National Center for Preservation Technology and Training. Facebook live video, March 23, 2020. <https://www.ncptt.nps.gov/blog/covid-19-basics-disinfecting-cultural-resources/>
- The National Academies of Sciences Engineering Medicine. "*Does ultraviolet (UV) light kill the coronavirus?*" <https://sites.nationalacademies.org/BasedOnScience/covid-19-does-ultraviolet-light-kill-the-coronavirus/index.htm>
- Peet, Lisa. "*IMLS, CDC: On Staff Safety, Handling Paper In COVID-19 Pandemic*". Library Journal; Apr 08, 2020, News. <https://www.libraryjournal.com/?detailStory=imls-cdc-on-staff-safety-handling-paper-in-covid-19-pandemic>.



# KEBIASAAN BAHARU DALAM PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

Mohamad Fadzili Baharin

*Pustakawan*

*Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar*

*fadzili.baharin@ipgm.edu.my*

---

## **Abstrak**

Artikel ini membincangkan mengenai kebiasaan baharu ataupun normal baharu dalam fasa pembukaan semula premis perpustakaan akibat dari pandemik COVID-19. Setiap premis perpustakaan perlu memastikan SOP dipatuhi semasa pembukaan semula premis dilaksanakan. Pendekatan baharu dalam perkhidmatan perpustakaan juga turut dibincangkan sebagai kaedah-kaedah baharu yang perlu dilaksanakan untuk memantapkan kualiti perkhidmatan perpustakaan. Kepentingan penggunaan buku elektronik turut sama penting dengan buku fizikal. Pembukaan semula premis perpustakaan adalah sama penting dengan pembukaan semula premis perniagaan, pendidikan dan pentadbiran. Pustakawan dan kakitangan perpustakaan perlu mempunyai kemahiran untuk mempromosi perkhidmatan fizikal, elektronik dan juga menggunakan idea dan inovasi baru dalam penyediaan perkhidmatan kepada pengguna. Komuniti pustakawan dan perpustakaan perlu bekerjasama untuk memastikan setiap perpustakaan bersedia untuk pembukaan semula premis dengan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Setiap pustakawan dan kakitangan perpustakaan perlu mempunyai mentaliti yang cerdas dan kesedaran tentang betapa pentingnya mengikut SOP bagi memastikan keselamatan mereka dan pengguna.

**Kata kunci:** pasca COVID-19, kebiasaan baharu, pengurusan perpustakaan.

## ***Abstract***

*This article discusses the new normal in the reopening of library premises as a result of the COVID-19 pandemic. Each library must ensure that the SOP complies during the reopening of the library. New approaches in library services are also discussed as new methods that need to be implemented to strengthen the quality of library services. The importance of using electronic books has been just as important as physical books. The reopening of library premises also vital as the reopening of business premises, education institutions, and other government premises. Librarians and library staff need to have the skills to promote physical, electronic services and also use new ideas and innovations in providing services to users. The librarians and libraries need to work together to ensure that each library is ready for the reopening and accordance with the SOP that has been set. Every librarian and library staff needs to have a proactive mentality and awareness of the importance of the SOP to ensure their and user's safety.*

**Keyword :** *Post COVID-19, New normal, Library management*

## Pengenalan

Malaysia kini kita telah memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dijangka merupakan fasa terakhir dalam kaedah pengawalan pandemik COVID-19. Setelah mengharungi fasa-fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terdahulu sejak 18 Mac 2020, berlaku perubahan yang drastik dalam rutin harian sebagai pekerja, pelajar mahupun individu yang tidak bekerja seperti suri rumah dan kanak-kanak. Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi kehidupan, rutin dan normalisasi masyarakat global. Satu kajian yang sedang dijalankan oleh University of Southern California melalui laporan oleh Miller, J (2020), pada awalnya pihak penyelidik telah mengenal pasti beberapa perubahan tabiat manusia yang signifikan semenjak pandemik COVID-19 tercetus. Antara yang paling signifikan ialah perubahan tabiat dari segi penjagaan kesihatan, penjarakan sosial dan amalan beribadat. Menurut kajian tersebut, COVID-19 bukan sahaja memberi impak terhadap kehidupan sosial malahan juga memberikan impak terhadap ekonomi global.

Dari sudut perubahan sosial, masyarakat kini lebih mementingkan penjagaan kesihatan, penjarakan sosial dan kesediaan mengikut peraturan yang telah dikuat kuasakan oleh pihak berkuasa. Seperti contoh, masyarakat sudah mula kerap membasuh tangan bagi memastikan kebersihan dari jangkitan kuman. Sepanjang PKP, majoriti rakyat Malaysia mematuhi perintah yang dikeluarkan. Penjarakan sosial adalah langkah keselamatan yang ketara menampakkan hasilnya. Setiap individu yang berada di luar rumah perlu memastikan mereka berada dalam jarak yang selamat antara individu lain.

Perkhidmatan perpustakaan seluruh dunia juga terkesan dengan situasi semasa. Kesemua perkhidmatan bersemuka telah ditutup sepenuhnya dalam mengawal jangkitan COVID-19. IFLA (The International Federation of Library Associations and Institutions) selaku badan antarabangsa yang mewakili perkhidmatan dan pengguna perpustakaan turut mengemaskini maklumat dan idea secara berterusan dalam membantu perpustakaan dan pengguna menghadapi pandemik COVID-19. Antara yang menjadi kunci utama dan disarankan oleh IFLA adalah mengenai keselamatan di tempat kerja iaitu perpustakaan. Setelah memasuki fasa pemulihan, IFLA (2020) turut mencadangkan pembukaan semula perkhidmatan perpustakaan secara fizikal mengikut kaedah dan prosedur yang mengutamakan kesihatan petugas dan pengguna perpustakaan.

## Buku Fizikal vs Buku Digital

Semasa fasa PKP dilaksanakan di Malaysia, kecenderungan pemilihan bahan bacaan lebih kepada bahan berbentuk digital. Ini adalah termasuk penggunaan 'e-book' (eBuku), 'audio-book' (buku audio), dan bahan akses terbuka di internet. Pengguna memilih untuk menggunakan perkhidmatan digital sebagai alternatif kepada bahan fizikal. Populariti bahan digital pada masa ini telah mendahului kepentingan bahan fizikal. Memetik laporan Berita Harian (2020), hampir 40,000 buku digital telah dipinjam pada bulan Mac yang menunjukkan peningkatan ketara berbanding hanya 15,000 secara purata pinjaman setiap bulan sebelum PKP dilaksanakan. Statistik tersebut dijelaskan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan Perpustakaan Negara Malaysia, Puan Aidatul Hasnida Abdul Rani.

Perubahan medium pemilihan bahan bacaan juga turut berlaku di peringkat global. Menurut Robertson, C. (2020) dalam artikel blognya, terdapat impak yang ketara terhadap penjualan buku digital. Jumlah pendaftaran atas talian meningkat mendadak sejak pandemik COVID-19. Rakuten Kobo iaitu salah satu penyedia perkhidmatan buku digital melalui Ketua Pegawai Eksekutifnya menjelaskan bahawa peningkatan jualan adalah sebanyak 130% direkodkan oleh semua penyedia perkhidmatan buku digital. Peningkatan ini jelas menunjukkan terdapat perubahan terhadap tabiat pembaca dalam pemilihan medium bahan bacaan.

Walaupun sebelum ini terdapat perkhidmatan bahan bacaan dan rujukan berbentuk digital, tetapi kebergantungan pengguna kepada perkhidmatan bersemuka adalah lebih jelas. Majoriti pengguna masih memerlukan buku dan bahan rujukan berbentuk fizikal. Terdapat kajian yang telah membuktikan

keperluan buku fizikal adalah lebih tinggi berbanding eBuku. Kajian oleh Naomi Baaron (2017) sebagai contoh telah menjelaskan dalam kajiannya bahawa 92% daripada pelajar memilih untuk membuat rujukan dengan menggunakan buku fizikal. Kajian beliau menjelaskan bahawa pembaca akan lebih memberikan tumpuan dalam kaedah membuat rujukan dan ulangkaji. Menurut MacMaken, L. (2019), antara sebab yang menyebabkan buku fizikal masih relevan dan disukai adalah kerana pembaca dapat memegang dan merasai helaian buku dan dapat menyelak muka surat. Ianya adalah jauh berbeza dengan buku digital yang menggunakan medium peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya.

Menurut Hanifah dan Zainuddin (2020), tempoh PKP ini adalah peluang untuk membuat perubahan dalam penyampaian perkhidmatan. Transformasi penyampaian perkhidmatan dalam kebiasaan baharu boleh dilakukan dengan penggunaan teknologi terkini. Kebergantungan teknologi melalui platform elektronik dan internet adalah keutamaan. Setiap individu di dalam organisasi perlu bersedia dan memahami teknologi untuk penyampaian perkhidmatan dalam kebiasaan baharu.

## **Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Kebiasaan Baharu Dalam Perkhidmatan Perpustakaan?**

Melalui rujukan ke laman sesawang Dewan Bahasa Pustaka (DBP), kebiasaan baharu merupakan tindakan atau tingkah laku yang baharu atau tidak seperti kebiasaan untuk dijadikan standard atau biasa disebabkan oleh sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit, dalam usaha mengadaptasi keadaan baharu (Dewan Bahasa Pustaka, 2020).

Perkhidmatan perpustakaan juga tidak lari dari menerima kesan dalam perubahan rutin normal. Jika sebelum ini perkhidmatan perpustakaan kebiasaannya adalah perkhidmatan secara bersemuka tetapi kini berubah kepada kebiasaan baharu. Selama lebih dari 3 bulan keluar dari rutin normal yang terdahulu, kini normal baharu perlu diletakkan sebagai rutin kehidupan seharian. Kebiasaan baharu dalam perkhidmatan perpustakaan perlu diterapkan dalam fasa pemulihan ini bagi memastikan perkhidmatan bersemuka secara kawalan dapat dilaksanakan. Pada masa yang sama perpustakaan perlu mempromosi bahan rujukan atas talian.

Di samping itu, dua bentuk perkhidmatan yang sesuai untuk dijalankan semasa tempoh pemulihan ialah perkhidmatan khidmat nasihat kepada pengguna dan perkhidmatan penghantaran buku dari pintu ke pintu. Berikut merupakan kebiasaan baharu yang boleh dipraktikkan oleh perpustakaan, iaitu:

### **a) Perkhidmatan bahan bacaan dan rujukan atas talian.**

Diakui bahawa agensi-agensi berkaitan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Akademik dan Perpustakaan Khusus telah giat mempromosikan penggunaan buku elektronik dan platform-platform untuk mengakses bahan-bahan rujukan lain berbentuk atas talian. Kaedah mengakses bahan bacaan dan rujukan secara atas talian telah mendapat sambutan yang baik dan berjaya mengambil alih bahan bacaan fizikal semasa pandemik COVID-19. Kesemua usaha ini amat jelas sebagai alternatif terbaik yang ditawarkan dalam perkhidmatan perpustakaan untuk mengakses bahan bacaan semasa pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia.

Perpustakaan Negara Malaysia melalui laman media sosial *facebook*, *twitter* dan *Instagram* giat mempromosikan penggunaan sumber rujukan elektronik u-Pustaka yang mempunyai pelbagai pangkalan data yang sesuai digunakan oleh semua peringkat masyarakat.

### **b) Perkhidmatan perpustakaan fizikal dengan SOP**

Pembukaan semula premis perpustakaan adalah penting sama seperti pentingnya pembukaan semula premis perniagaan, pendidikan dan pentadbiran. Kebiasaan baharu dalam perkhidmatan

perpustakaan lebih berfokus kepada perkhidmatan berbentuk elektronik seperti penggunaan eBuku dan sebagainya. Namun begitu, setelah kita memasuki fasa pemulihan seharusnya perkhidmatan fizikal telah mula dibuka secara berperingkat. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan oleh pihak berwajib boleh dilaksanakan sebagai kawalan untuk membuka perkhidmatan fizikal kepada pengguna perpustakaan. Perkara yang perlu diberikan keutamaan ialah kerja-kerja pembasmian kuman sebelum perpustakaan dibuka diikuti dengan beberapa prosedur kawalan. Di antara bentuk kawalan yang penting adalah penjarakan sosial, pemakaian topeng muka, pendaftaran kehadiran pengguna, penyediaan cecair pembasmi kuman dan keperluan memastikan pengguna berada dalam keadaan sihat sebelum memasuki perpustakaan melalui saringan suhu badan.

Mengambil contoh beberapa premis perpustakaan awam di negara China dan German, pembukaan semula perkhidmatan fizikal perpustakaan menitik beratkan keselamatan pengguna, petugas dan termasuk juga keselamatan bahan yang dipinjam. Menurut *Bibliotheca.com* (2020,) sebuah perpustakaan awam di negara China telah membuat disinfeksi bahan yang dipinjam menggunakan teknologi UV. Ini adalah kerana proses disinfeksi menggunakan cecair pembasmi kuman adalah tidak sesuai untuk digunakan kerana akan merosakkan buku.

Setiap premis perpustakaan telah menjalankan pelbagai kaedah yang bersesuaian dalam langkah pencegahan penularan COVID-19. Namun apa yang lebih penting perkara asas dalam SOP perlu diberi keutamaan. Penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan penggunaan cecair pembasmi kuman adalah SOP yang wajib dilaksanakan.

**c) Perkhidmatan peminjaman dan pemulangan buku pintu ke pintu**

Perpustakaan perlu lebih proaktif dengan perkhidmatan berinovasi yang boleh menggantikan kaedah lama dan digantikan dengan normal baharu yang lebih fleksibel dan pada masa yang sama dapat mengawal pergerakan pengguna. Inilah masa yang terbaik mempraktikkan kaedah peminjaman dan pemulangan buku dari pintu ke pintu. Pelbagai kaedah boleh dilaksanakan sama ada menggunakan perisian, aplikasi mudah alih dan e-mel ataupun secara manual melalui panggilan telefon. Lazimnya sebelum ini perkhidmatan penghantaran buku dari pintu ke pintu adalah sebahagian dari kempen membudayakan tabiat membaca, seharusnya perpustakaan perlu menggunakan kaedah penghantaran buku dari pintu ke pintu ini sebagai kaedah terbaik memberikan perkhidmatan pinjaman dalam tempoh pemulihan ini. Walau bagaimanapun, kaedah ini perlu mengikut SOP yang digariskan oleh pihak berwajib. Antara yang boleh dijadikan contoh adalah kaedah penghantaran makanan yang selamat oleh syarikat Grab Food, Food Panda dan lain-lain.

**d) Perkhidmatan khidmat nasihat bahan bacaan dan rujukan**

Sudah sampai masanya perpustakaan menjadikan normal baharu ini sebagai pemangkin untuk menonjolkan kemahiran dan kepakaran kakitangan perpustakaan untuk membekalkan bahan bacaan dan rujukan kepada pengguna. Setiap perpustakaan mempunyai tenaga kerja yang berbeza latar belakang dan tahap pengetahuan. Perkara tersebut tidak sepatutnya dijadikan alasan dan membataskan seseorang kakitangan untuk meningkatkan kemahiran. Dalam berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), ilmu dan kemahiran adalah faktor penting yang bakal merubah sesuatu perkhidmatan. Seharusnya setiap kakitangan tanpa mengira latar belakang perlu berani dan tidak takut untuk mempelajari kemahiran dan ilmu terkini yang dapat digunakan untuk memberi khidmat nasihat kepada pengguna perpustakaan. Perkhidmatan khidmat nasihat ini dapat memudahkan pengguna memendekkan masa pencarian buku dan bahan rujukan. Pelbagai medium dan kaedah boleh digunakan agar perkhidmatan ini dapat dilaksanakan. Antaranya dengan menggunakan kaedah *chat box* atau aplikasi *whatsapp* dan sebagainya. Aktiviti promosi juga perlu dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan ini diketahui oleh pengguna. Walaupun sebenarnya perkhidmatan ini sudah lama tersedia namun penggunaannya hanya dilaksanakan dalam kalangan perpustakaan tertentu sahaja. Ianya perlu diperluaskan kepada semua perpustakaan tanpa mengira saiz perpustakaan atau latar belakang kakitangan yang bertugas.

## Rumusan

Normal baharu adalah penting dan perlu dilaksanakan semasa fasa pemulihan dan fasa pasca COVID-19. Inilah masa yang paling sesuai untuk menjadikan kebiasaan baharu sebagai rutin dalam penyediaan perkhidmatan. Perkhidmatan perpustakaan tetap relevan untuk memenuhi keperluan pengguna tidak kira perkhidmatan bersemuka ataupun pembekalan bahan digital. Namun dalam situasi kebiasaan baharu ini perlu seiring dengan mentaliti dan kesedaran yang tinggi. Setiap individu, organisasi dan masyarakat perlu terus memastikan setiap SOP diikuti. Teruskan mengikuti setiap arahan dan saranan pihak berkuasa. Perpustakaan perlu sentiasa mengambil maklum setiap arahan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa bagi memastikan pengguna maklum dengan setiap perubahan yang dikuatkuasakan.

Pustakawan dan kakitangan perpustakaan perlu lebih proaktif dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam fasa pembukaan semula premis kepada pengguna. Ini adalah masa yang paling sesuai untuk mempraktikkan inovasi dan idea baharu dalam penyampaian perkhidmatan. Perpustakaan yang mempunyai kekangan dari segi sumber tenaga kerja, kewangan dan kemahiran boleh mengambil langkah untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak berwajib atau berkolaborasi dengan mana-mana perpustakaan yang bersedia untuk membantu. Komuniti pustakawan dan kakitangan perpustakaan perlu bergerak seiring tanpa meninggalkan mana-mana perpustakaan supaya proses pembukaan semula premis dapat dilaksanakan.

## Rujukan

- Astroawani. "COVID-19: Perpustakaan Negara Tawar 13.2 Juta Bahan Bacaan Digital Secara Percuma". *Astroawani.com*, 18 Mac 2020 <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-perpustakaan-negara-tawar-13-2-juta-bahan-bacaan-digital-secara-percuma-234173>. Diakses pada 8 Mei 2020.
- Berita Harian. "Pinjaman buku digital meningkat sepanjang PKP". *BH Online*. 27 April 2020 <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2020/04/682087/pinjaman-buku-digital-meningkat-sepanjang-pkp>. Diakses pada 8 Mei 2020.
- "COVID-19 and the Global Library Field". *Ifla.org*. IFLA <https://www.ifla.org/COVID-19-and-libraries>. Diakses pada 8 Jun 2020.
- "E-Books vs. Print Books: What's the Difference?". *investopedia.com*, Investopedia <https://www.investopedia.com/financial-edge/0812/e-books-vs.-print-books.aspx>. Diakses pada 8 Mei 2020.
- "Kamus Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa dan Pustaka*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=norma&d=175768&>. Diakses pada 25 Jun 2010.
- "Libraries Around the World Prepare for a New Normal". *Bibliotheca.com*. Bibliotheca, <https://www.bibliotheca.com/reopening-libraries-after-COVID-19/> Diakses pada 25 Julai 2020.
- Miller, J. "USC survey says coronavirus is causing U.S. residents to change behaviour". *University of South Carolina*. 13 Mac 2020. <https://news.usc.edu/166834/coronavirus-survey-usc-behavior-changes-health-economic-fallout/>. Diakses pada 5 Mei 2020.
- Naomi, B. S. "Attending to reading in a digital age". 2017. PDF file.
- Robertson, C. "How Reader Behaviour Is Changing During the COVID-19 Crisis". *BookBub*. 24 April 2020. <https://insights.bookbub.com/reader-behavior-changing-covid19-crisis/>. Diakses pada 8 Mei 2020.

# **MEDIA SOSIAL: KERJA MELALUI TEKNOLOGI DAN MEDIA SOSIAL SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Hafizatul Mushadah Mohamed Yusa  
*Pegawai Perhubungan Awam  
Perpustakaan Negara Malaysia  
hafizatul@pnm.gov.my*

---

## **Abstrak**

Teknologi yang berkembang dengan sangat pesat membolehkan manusia dari seluruh dunia berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain dengan cepat, di mana saja dan pada bila-bila masa. Golongan muda pada hari ini lebih banyak menggunakan teknologi untuk memudahkan komunikasi seharian.

Di era teknologi, masyarakat kini lebih fokus kepada penggunaan media sosial kerana ia suatu medium yang boleh menyebarkan maklumat dan berkongsi maklumat dengan cepat dan meluas. Media sosial merupakan salah satu media yang turut berkembang dengan sangat maju pada hari ini. Masyarakat yang tidak mempedulikan media sosial di anggap sebagai seorang yang tidak mengikuti peredaran zaman. Media sosial juga sebagai platform yang berkesan dan sangat relevan pada masa kini untuk sesebuah organisasi mempromosikan inisiatif, produk, ataupun perkhidmatan dengan kos yang minimum.

Memandangkan keperluan media sosial sangat penting dan saluran yang paling berkesan dalam agensi kerajaan untuk mempromosikan inisiatif atau perkhidmatan jabatan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil inisiatif menubuhkan Facebook rasmi PNM pada 26 November 2010 dengan diikuti oleh saluran media sosial yang lain iaitu, Flickr, Twitter, Youtube, Instagram dan penubuhan Telegram adalah yang paling terkini semasa pelaksanaan PKP. Keahlian jawatankuasa media sosial PNM seramai 17 orang terdiri daripada pelbagai gred jawatan dari bahagian-bahagian di PNM yang sentiasa komited dan aktif membantu mempromosikan inisiatif dan perkhidmatan PNM.

**Kata kunci:** media sosial, teknologi, maklumat, promosi.

## ***Abstract***

*The rapidly emerging technology allows people from all over the world to connect and communicate with each other faster, anywhere, and anytime. In the age of technology, society is now more focused on the use of social media because it is a medium that can disseminate information and share information quickly and widely. A person that does not use social media is considered a person who does not follow the technology trend.*



*Social media is an effective and highly relevant platform nowadays for an organization to promote initiatives, products, or services at a minimal cost. Social media becomes vital and the most effective channel in government agencies to promote initiatives or services, the National Library of Malaysia (NLM) took the initiative to set up PNM's official Facebook on November 26, 2010, followed by other social media channels such as Flickr, Twitter, You Tube, Instagram and the latest is Telegram that establishes during the implementation of MCO. The member of PNM's social media committee consists of 17 members from various divisions, grades, and positions in NLM who are always committed and active in promoting NLM initiatives and services.*

**Keyword :** *Social media, technology, information, promotion*

## **Teknologi Media Sosial Berkembang Pesat**

Menurut Kietzmann et al., (2011) salah satu fungsi dalam media sosial adalah perkongsian maklumat dan media sosial kini telah menjadi suatu sumber rujukan sesuatu maklumat. (Westerman et al., 2014). Mutakhir ini, teknologi maklumat berkembang dengan semakin pesat dan pantas menjadikan dunia berhubung tanpa sempadan dan batasan. Ledakan informasi teknologi maklumat atau secara ringkasnya ICT (Information Communication Technology) telah membawa perubahan yang besar dalam hidup kita. Internet merupakan saluran maklumat dan komunikasi yang digunakan secara meluas pada masa kini. Dulu penggunaan Internet hanya bergantung pada sebuah komputer sahaja, kini Internet boleh diakses di hujung jari dengan menggunakan telefon bimbit asalkan mempunyai perisian perkhidmatan Internet tanpa wayar.

Kajian pengguna internet 2018 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati jumlah pengguna internet yang aktif di Malaysia adalah sebanyak 28.7 juta orang dengan purata tempoh melayari internet adalah selama 6.6 jam sehari dengan 93.1% pengguna mengakses internet melalui telefon pintar. Daripada jumlah tersebut didapati 24.6 juta pengguna aktif internet adalah bagi penggunaan media sosial.

Menurut Kaplan Andreas M., Haenlein Michael (2010) menyatakan media sosial sebagai sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang membangun atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0, ianya membolehkan penciptaan dan pertukaran. Media sosial adalah suatu teknologi atau platform digital yang sangat relevan pada masa sekarang untuk menyampaikan maklumat dan berkongsi apa sahaja yang diinginkan. Tidak kira sama ada dari segi teknologi, politik, ekonomi, isu semasa, hiburan mahupun sukan, segala maklumat sangat mudah dan cepat didapati daripada media sosial. Kadangkala ada maklumat yang ada di media sosial tidak dikeluarkan atau tertulis di surat khabar atau disiarkan di televisyen. Dengan adanya kemudahan yang disediakan dalam mengakses akaun media sosial sememangnya telah menyebabkan jumlah pengguna media sosial meningkat dari semasa ke semasa.

## **Penggunaan Media Sosial Dalam Mempromosikan Inisiatif Jabatan/ Agensi Kerajaan**

Media sosial sering dianggap sebagai saluran komunikasi yang sangat baik untuk berkomunikasi secara dua hala dengan pelanggan. Merujuk Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (2011) menyatakan penggunaan media sosial digalakkan namun dihadkan untuk kegunaan rasmi agensi sahaja. Justeru, kebanyakan jabatan/agensi kerajaan kini beralih kepada penggunaan teknologi dan media sosial bagi menjalankan aktiviti promosi inisiatif, produk, perkhidmatan atau program masing-masing. Kini untuk mendapatkan pelbagai maklumat terkini dan semasa hanya dengan mengakses media sosial menerusi telefon pintar sahaja di mana ianya sangat mudah dan cepat.

Menurut MAMPU juga saluran media sosial merupakan saluran komunikasi penting masa kini untuk membolehkan pegawai awam berhubung antara satu sama lain dan bertukar pandangan dengan rakyat. Media sosial boleh dimanfaatkan dalam usaha meningkatkan penglibatan pelanggan dalam menambah baik perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan kepada pelanggan. Disokong dengan kenyataan Chung et.al (2010) menjelaskan dalam kajian mereka bahawa media sosial merupakan jaringan maya yang disediakan kepada pengguna untuk menyatakan pendapat, bertukar buah fikiran dan dapat menghantar serta mengawal mesej yang akan disampaikan di mana jua dan pada bila-bila masa sahaja.

Proses penyebaran maklumat melalui media sosial sangat mudah, cepat dan lebih meluas berbanding dengan media konvensional. Pentingnya penggunaan media sosial untuk jabatan/agensi kerajaan kerana kita boleh mendapatkan banyak data maklumbalas daripada pelanggan tentang perkhidmatan jabatan/agensi kerajaan secara cepat dan terperinci. Misalnya kita boleh melihat seberapa ramai mengetahui mengenai perkhidmatan sesebuah organisasi dan juga maklumbalas oleh pengguna media sosial terhadap perkhidmatan yang diberikan. Menurut Naslund (2010) dan Shepherd (2011), maklumat asas berkenaan syarikat ini membolehkan sesebuah organisasi mencapai misi dan visi syarikat dengan lebih konsisten di mana ia akan membuatkan pengguna internet khususnya pengguna media sosial memahami hasrat dan tujuan syarikat ini dibangunkan.

Selain itu, organisasi boleh terus mendapat maklum balas segera daripada pengguna sama ada sesuatu maklumat itu sebenarnya sampai atau tidak kepada khalayak yang disasarkan. Contohnya dapat kita lihat apabila PNM buat pertama kalinya mengadakan program e-Jom Baca Bersama 2020 melalui Facebook Live pada 23 April 2020 iaitu semasa masih lagi dalam tempoh PKP Fasa 1, mengikut data Facebook PNM program tersebut mendapat *live view* sebanyak 13,000 penyertaan dan turut mendapat perhatian serta penglibatan masyarakat umum dengan memuat naik gambar dan video membaca yang melibatkan 1.4 juta penyertaan seluruh Malaysia. Pelbagai maklum balas terus diterima melalui komen-komen rakyat Malaysia di ruangan komen *Facebook Live* tersebut.


Pengguna internet khususnya pengguna media sosial pada masa kini lebih mengutamakan maklumat yang jelas dan padat yang berbentuk infografik. Safko&Brake (2009) berkata maklumat yang sentiasa dikemaskini dan diselenggara dengan baik mendapat perhatian yang tinggi oleh pengguna internet. Disebabkan itu, setiap poster promosi yang dikeluarkan oleh PNM mesti bersifat menarik, reka bentuk yang kreatif, penggunaan warna yang menarik dan mudah difahami. Pemilihan aspek reka bentuk yang menarik termasuk penggunaan warna, susunan maklumat dan daya kreativiti pembangun laman media sosial menjadikan pengunjung berasa selesa untuk mengunjungi dan membolehkan mereka lebih kerap untuk datang melawat dan akhirnya meningkatkan bilangan pengikut pada saluran media sosial yang ada.

Media sosial bukan sahaja digunapakai oleh jabatan/agensi kerajaan untuk mempromosikan perkhidmatan dan program jabatan/agensi malah syarikat-syarikat besar turut menggunakan media sosial sebagai medium untuk aktiviti pemasaran syarikat. Ini kerana promosi melalui media sosial dapat meminimumkan kos pengiklanan atau kos promosi sesebuah organisasi.

## **Peranan Pasukan Media Sosial PNM Dalam Mempromosikan Perkhidmatan Dan Program PNM Semasa Perintah Kawalan Pergerakan**

Mengikut rekod PNM, pasukan media sosial PNM telah ditubuhkan pada November 2009 sebagai suatu inisiatif membuat hebahan dan mempromosikan semua perkhidmatan, program/aktiviti PNM dengan lebih meluas dan cepat ke seluruh Malaysia. Pasukan media sosial PNM dari semasa ke semasa telah menjadi lebih aktif dalam mempromosikan pelbagai perkhidmatan, program/aktiviti PNM. Sebagai catatan, berikut adalah tarikh penubuhan bagi setiap saluran media sosial PNM:





Objektif penubuhan pasukan media sosial PNM adalah untuk menyampaikan segala maklumat mengenai program, perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh PNM dengan lebih pantas dan mudah kepada masyarakat. Selain itu, pasukan media sosial PNM perlu memastikan penyampaian maklumat adalah konsisten di dalam setiap saluran media sosial.

Semasa dalam tempoh PKP, walaupun tidak bekerja di pejabat, pasukan media sosial PNM perlu bekerja 24 jam untuk memastikan segala persoalan yang diajukan oleh pengguna melalui media sosial dapat dijawab dengan segera dan hebahan maklumat mengenai perkhidmatan dan program PNM dapat disampaikan dengan cepat dan meluas.

Umum mengetahui bahawa semua masyarakat di Malaysia mahupun luar negara sangat terkesan dengan wabak COVID-19 yang melanda dunia. Demi menjaga keselamatan negara, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac sehingga 31 Mac 2020 yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Pada masa itu, hanya sektor perkhidmatan perlu (essential) seperti air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan sahaja dibenarkan beroperasi.

Manakala perkhidmatan yang dikategorikan dalam perkhidmatan bukan keperluan utama (non-essential) tidak dibenarkan beroperasi termasuklah perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Justeru, PNM telah mengeluarkan kenyataan media pada 16 Mac 2020 kepada semua media menerusi emel dan media sosial PNM untuk memaklumkan penutupan perkhidmatan PNM dan perpustakaan komuniti juga perpustakaan desa kendalian PNM.

Betapa besarnya kuasa viral media sosial, hantaran (posting) pemakluman ini di media sosial PNM telah dikongsi secara meluas dan mendapat capaian sehingga 45,410 menerusi Facebook dan 23,831 menerusi Twitter PNM. Pemakluman ini turut mendapat liputan meluas oleh media dalam talian terkemuka Siakap Keli dan beberapa media dalam talian yang lain. Semua ini adalah hebahan tanpa sebarang kos. Berikutan makluman ini, sebanyak 11 liputan yang telah diterima daripada media mengenai pemakluman penutupan PNM.



**KENYATAAN UMUM  
PENUTUPAN PERKHIDMATAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
16 MAC SEHINGGA 30 APRIL 2020**

Berikutan masalah penularan wabak COVID-19, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil langkah keselamatan untuk menutup perkhidmatan perpustakaan kepada orang awam yang melibatkan lokasi berikut:

- **SEMUA KAUNTER PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA, JLN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**
- **PERPUSTAKAAN KOMUNITI PNM**
  - Perpustakaan Awam Bukit Damansara
  - Perpustakaan Komuniti UTC Keramat
  - Perpustakaan Komuniti AU Setiawangsa
  - Perpustakaan Komuniti Bandar Mahkota Cheras
  - Perpustakaan Komuniti Radia, Bt Jelutong, Shah Alam
- **SEMUA PERPUSTAKAAN DESA PNM DI SELURUH NEGARA**


Walaupun bagaimanapun, orang awam boleh melayari perkhidmatan perpustakaan digital u-Pustaka di pautan [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) yang menyediakan 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma.

Sehubungan itu, semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada bulan Mac sehingga 30 April 2020 **DITANGGUHKAN**.

KETUA PENGARAH  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
16 MAC 2020

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT : 03-2687 1846

Rajah 1: Poster Kenyataan Media Penutupan Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia 16 Mac sehingga 30 April 2020



**Post Details**

**Perpustakaan Negara Malaysia**  
Published by Saluran Sosial Pnm  
March 16

**Pengumuman:**  
Berikutan penularan wabak COVID-19, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil langkah keselamatan untuk menutup perkhidmatan PNM kepada orang awam bermula hari ini, 16 Mac hingga 30 April 2020 dan melabatkan kaunter perkhidmatan berikut:

1. PNM, Jalan Tun Razak, KL.
2. Perpustakaan Komuniti bawah seliaan PNM, dan
3. Perpustakaan Desa bawah seliaan PNM.

Walaupun bagaimanapun, orang awam boleh melayari [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) yang menyediakan 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma.

Sehubungan dengan itu, semua program dan aktiviti oleh PNM pada bulan Mac hingga 30 April 2020 turut ditangguhkan.

Harap maklum.

**KENYATAAN UMUM  
PENUTUPAN PERKHIDMATAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
16 MAC SEHINGGA 30 APRIL 2020**

Berikutan penularan wabak COVID-19, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil langkah keselamatan untuk menutup perkhidmatan perpustakaan kepada orang awam yang melibatkan lokasi berikut:

**KAUNTER PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA, JLN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

**KAUNTER KOMUNITI PNM**  
- Perpustakaan Awam Bukit Damansara  
- Perpustakaan Komuniti UTC Keramat  
- Perpustakaan Komuniti AU Setiawangsa  
- Perpustakaan Komuniti Bandar Mahkota Cheras  
- Perpustakaan Komuniti Radia, Bt Jelutong, Shah Alam

**PERPUSTAKAAN DESA PNM DI SELURUH NEGARA**

**Performance for Your Post**

**49583** People Reached

**1940** Likes, Comments & Shares

**3592** Post Clicks

<b>558</b> Photo Views	<b>185</b> Link Clicks	<b>2849</b> Other Clicks
---------------------------	---------------------------	-----------------------------

**NEGATIVE FEEDBACK**


0 Hide All Posts    0 Hide Post  
0 Report as Spam    0 Unlike Page

**1940** Likes, Comments & Shares

**BRANDED CONTENT DISTRIBUTION**

	49583	49583	0
Total Resch	Organic Resch	Paid Resch	
<b>54812</b> Total Impressions	<b>54809</b> Organic Impressions	<b>0</b> Paid Impressions	

Rajah 2: Post Details di FB PNM mengenai Pemakluman Penutupan Perkhidmatan PNM



Rajah 3: Tweet activity di Twitter PNM mengenai Pemakluman Penutupan Perkhidmatan PNM

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan media sosial adalah satu saluran yang berkesan meliputi penyebaran pelbagai maklumat dengan lebih cepat dan meluas.

Semasa pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020, kerajaan menjalankan sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dan menutup perkhidmatan bukan keperluan utama (non-essential). Walaupun pada awalnya, ada yang merasakan tindakan sebegini menjadi suatu kesulitan dan kesusahan untuk rakyat tetapi ia adalah suatu tindakan pantas yang terbaik untuk membendung penularan wabak COVID-19 yang boleh meragut nyawa rakyat negara ini. Rata-rata masyarakat semua melalui suatu kejutan budaya dan ada juga yang buntu kerana dalam sekelip mata kita tidak pergi bertugas di pejabat, kita tidak dibenarkan keluar rumah tanpa tujuan, kita semua diarahkan duduk di rumah sahaja sepanjang PKP bersama ahli keluarga.


Ketika negara menghadapi wabak ini, masyarakat mendapatkan maklumat terkini mengenai hal-hal yang berkaitan negara dan perihal COVID-19 dengan hanya menerusi media baharu terutamanya media sosial sepanjang 24 jam.

Walaupun PNM turut terjejas dengan pelaksanaan PKP ini, namun perkhidmatan digital PNM menerusi [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my) masih berfungsi. Sepanjang bulan Mac 2020, pasukan media sosial PNM telah menjalankan sebanyak 397 aktiviti promosi mengenai perkhidmatan dan program/aktiviti PNM di media sosial termasuk aktiviti promosi Kempen 'Sila Duduk Di Rumah Dan Baca Buku' yang dilancarkan pada 18 Mac 2020 iaitu hari pertama pelaksanaan PKP oleh Kerajaan sebagai tanda menyokong pelaksanaan Kerajaan untuk sama-sama berada di dalam rumah bagi memutuskan rantai COVID-19. Kempen ini sebenarnya adalah menyuruh masyarakat mengambil peluang dengan masa lapang yang ada sepanjang PKP ini untuk membaca bahan bacaan digital menerusi perkhidmatan u-Pustaka. Kempen ini yang diuar-uarkan hanya menerusi media sosial PNM telah mendapat perkongsian sehingga 11,000 perkongsian daripada pengguna media sosial. Berikutan itu, PNM telah menerima sebanyak 17 liputan meluas oleh media dalam talian seperti Malaysiakini.com, ASTRO Awani dan media dalam talian yang lain.


Kuasa viral melalui media sosial sekali lagi telah membuatkan PNM mendapat liputan yang sangat meluas tanpa sebarang kos. PNM telah mendapat slot promosi di Radio KLFM pada 26 Mac 2020 dan slot Rancangan Selamat Pagi Malaysia di TV1, RTM pada 12 April 2020 dan temubual oleh BERNAMA pada 22 April 2020.



Rajah 4: Poster Kempen Sila Duduk Di Rumah dan Baca Buku







Rajah 5: Post Details Kempen Sila Duduk Di Rumah dan Baca Buku mendapat capaian 1,061,944 dan penglibatan sebanyak 39,560 pengguna



Rajah 6: Tweet activity di Twitter PNM mengenai Kempen Sila Duduk Di Rumah dan Baca Buku

Bukan itu sahaja, berikutan usaha mempromosikan perkhidmatan u-Pustaka di media sosial secara berterusan dapat dilihat berlaku impak yang besar dalam kalangan masyarakat. Mengikut data PNM, keahlian u-Pustaka meningkat daripada 2,544 ahli pada bulan Februari kepada 22,584 ahli pada bulan Mac iaitu peningkatan sebanyak 787.74%. Pengikut di semua saluran media sosial PNM turut meningkat pada masa ini. Di sini dapat dilihat bahawa semakin banyak aktiviti promosi dijalankan semakin meningkat pengikut di media sosial PNM.

Berdasarkan rajah 7 menunjukkan Facebook PNM merupakan salah satu media sosial yang sangat popular dan memiliki jumlah pengguna yang paling besar setakat ini untuk PNM. Ini kerana Facebook lebih senang digunakan dan mudah untuk pengguna media sosial berkongsi hantaran (posting) serta data pengguna menerusi Facebook lebih mudah didapati dan senang untuk dibuat analisa.

	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
	33,398 - likes	33,641 - likes	41,302 - likes	44,997 - likes	45,904 - likes	46,610 - likes
	4,065 - followers	4,136 - followers	4,991 - followers	5,472 - followers	5,752 - followers	6,129 - followers
	2,331 - followers	2,531 - followers	3,475 - followers	4,341 - followers	4,788 - followers	5,421 - followers
	146,529 - views	154,838 - views	159,501 - views	167,719 - views	172,411 - views	176,016 - views

Rajah 7 : Graf peningkatan bagi pengikut dan hantaran di media sosial PNM dari Januari hingga Jun 2020



Bagi memastikan aktiviti promosi dilakukan secara berterusan, setiap pentadbir media sosial PNM terutamanya bagi Facebook, Twitter dan Instagram bertanggungjawab memuat naik hantaran (posting) sekurang-kurangnya 3 kali hantaran pada setiap hari. Sehingga 30 Jun 2020, pasukan media sosial telah memuat naik dan berkongsi maklumat di media sosial sebanyak 1,765 hantaran (posting) secara keseluruhan aktiviti promosi. Manakala bagi jumlah aktiviti promosi mengikut saluran media sosial PNM masing-masing sehingga Jun 2020 iaitu sebanyak 599 hantaran di Facebook, 378 ciapan di Twitter, 788 hantaran di Instagram dan 56 video telah dimuat naik di Youtube PNM. Berikutan promosi yang aktif di media sosial PNM misalnya dapat kita lihat bahawa page view bagi Facebook terus meningkat dari semasa ke semasa. Ternyata media sosial sememangnya merupakan sebuah platform internet yang sangat berguna walaupun dalam tempoh masa PKP. Semua aktiviti promosi yang dijalankan oleh pasukan media sosial PNM adalah tidak menggunakan kos tetapi hasilnya menunjukkan impak besar.

## Kesimpulan

Di dalam dunia tanpa sempadan ini, kita seharusnya pandai mengambil peluang dan mengatur strategi dalam mempromosikan perkhidmatan dan program PNM. Penggunaan media sosial mampu meluaskan maklumat sesebuah organisasi sehingga ke peringkat global tanpa ada batasan sempadan yang menghalangnya. Pelaksanaan promosi melalui media sosial membolehkan maklumat disampaikan kepada pengguna dengan cepat, mudah, tanpa mengira lokasi serta kepada kumpulan sasar yang menggunakan perkhidmatan dalam talian Kerajaan. Kecanggihan teknologi media sosial dalam dunia hari ini banyak memberikan manfaat kepada kita. Ia amat menjimatkan masa dan kos serta membolehkan kita dapat berhubung di seluruh pelusuk dunia tanpa batasan hanya di hujung jari. Memang banyak jabatan/agensi kerajaan telah menjadikan media sosial sebagai platform untuk berhubung rapat dengan pelanggan masing-masing.

Dapat dirumuskan bahawasanya media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan harian setiap manusia lebih-lebih lagi pada era globalisasi kini. Perpustakaan Negara Malaysia telah dan akan terus melaksanakan serta mempergiatkan aktiviti promosi perkhidmatan dan program menerusi media sosial untuk manfaat dan maklumat bagi seluruh masyarakat.

## Rujukan

- Chung, C., & Austria, K. "Social Media Gratification and Attitude toward Social Media Marketing Messages: A Study of the Effect of Sosial Media Marketing Messages on Online Shopping Value, Proceedings of the Northeast Business & Economics Association: Northeast Business & Economics Association, 2010.
- Kaplan Andreas M., Haenlein Michael. "Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media". Business Horizons. Volume 53, Issue 1, January–February 2010, Pages 59-68. [https://www.researchgate.net/publication/222403703\\_Users\\_of\\_the\\_World\\_Unite\\_The\\_Challenges\\_and\\_Opportunities\\_of\\_Social\\_Media](https://www.researchgate.net/publication/222403703_Users_of_the_World_Unite_The_Challenges_and_Opportunities_of_Social_Media). Diakses pada 20 Mei 2020.
- Kietzmann, J.H., Hermkens, K., McCarthy, I.P. & Silvestre, B.S. "Social media? Get serious! Understanding the functional building blocks of social media". Business Horizons. Volume 54, Issue 3, May–June 2011, Pages 241-251. [https://www.academia.edu/959458/Social\\_Media\\_Get\\_Serious\\_Understanding\\_the\\_Functional\\_Building\\_Blocks\\_of\\_Social\\_Media?auto=download](https://www.academia.edu/959458/Social_Media_Get_Serious_Understanding_the_Functional_Building_Blocks_of_Social_Media?auto=download). Diakses pada 20 Mei 2020.
- Kenyataan Media Perdana Menteri Malaysia, Perutusan Khas YAB PM mengenai COVID-19. Sumber Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 16 Mac 2020.

- Naslund, A. "Social media from the inside out". *Communication World*. September-October 2010. Pages 36-39. <https://www.iabc.com/wp-content/uploads/2014/10/Social-Media-from-the-Inside-Out.pdf>. Diakses pada 20 Mei 2020.
- Safko, L.& Brake D. *The social media bible; tactics,tools and strategies for business success*. New Jersey: John Wiley & Sons, 2009.
- Shepherd, C. Does sosial media have a place in workplace learning? [Viewpoint]. *Strategic Direction*, 27(2), 3-4, 2011.
- SKMM, "Kajian Pengguna Internet 2018" [www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-\(Infographic\).pdf](http://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-(Infographic).pdf). Diakses pada 20 Mei 2020.
- Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011 bertajuk "Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial Di Sektor Awam"
- Westerman, D., Spence, P. R. & Van Der Heide, B. "Social media as information source: recency of updates and credibility of information". *Journal of Computer-Mediated Communication*. Volume 19, Issue2, Januari 2014, Pages 171-183. <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/full/10.1111/jcc4.12041>.

# **PENGALAMAN TERINDAH BERTUGAS SEPANJANG TEMPOH PKP, PKPB & PKPP 2020**

Sabariah Khairuddin  
*Pustakawan*  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh,*  
*sabariahkhairuddin@yahoo.com*

Mohd Nazri Zainuddin  
*Ketua Pusat Sumber*  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh,*  
*mohdnazri@ipgmipoh.edu.my*

---

## **Abstrak**

Pelbagai program dan aktiviti sepanjang PKP, PKPB dan PKPP dapat dijalankan walaupun bekerja dari rumah. Kesungguhan dan melaksanakan amanah yang diberikan adalah faktor penting kepada kejayaan tersebut. Kepimpinan yang berwibawa dan memahami serta staf perpustakaan yang tidak berkira (masa, tenaga dan ilmu) serta komited menjalankan tugas memberi impak positif kepada kelancaran program dan aktiviti. Pelbagai kemudahan di media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp dan Telegram telah diguna pakai demi perkongsian aktiviti dan ilmu Warga IPG Kampus Ipoh. Kerjasama yang erat antara pelajar, para pensyarah memberi impak positif kepada program dan aktiviti yang dijalankan dan beberapa kejayaan telah dicapai.

## ***Abstract***

*Various programs and activities throughout MCO, CMCO, and RMCO can be done even working from home. The determination to carry out the trust given is an important factor for success. Competent and charismatic leadership, as well as library staff who are willing, to spend time, energy, and knowledge to carry out tasks have a positive impact on the implementation of various programs and activities. The use of various social media such as Facebook, Instagram, WhatsApp, and Telegram in promoting the activities and sharing of knowledge to IPG Ipoh Campus Residents. The cooperation between the students, the lecturers had a positive impact on the programs and activities carried out, and some success was achieved.*

## **Pengenalan**

Kehadiran Corona Virus atau Covid-19 telah menggemparkan seluruh dunia. Kehadirannya yang tanpa diundang amat ditakuti dan digeruni oleh masyarakat dunia. Ini adalah disebabkan kehadirannya yang



boleh membawa maut atau kematian. Justeru, pelbagai kaedah dan cara telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pemimpin Negara bagi mengekang virus ini daripada merebak atau menular. Menurut Edwin P. Hollander (1978: 115) berpendapat bahawa kepimpinan berkualiti berkait rapat dengan interpersonal seseorang pemimpin tersebut. Di antaranya kompetensi, keadilan, penampilan yang kemas, memberi penghargaan kepada orang bawahan, pandai mengawal emosi, komunikasi dua hala yang berkesan dan mampu menganalisis maklumat yang diterima. Justeru, kepimpinan berkualiti bukan sahaja dilihat daripada penampilan luaran sahaja tetapi keperibadian dan akhlak yang mulia juga menjadi keutamaan. Sikap masyarakat amat penting bagi mengelakkan Covid-19 terus merebak. Di antaranya ialah sering memakai pelitup muka apabila berada di tempat awam, mencuci tangan dengan kerap serta perlunya penjarakan sosial. Malahan, kehadiran Covid-19 juga telah mengubah budaya kerja masyarakat khususnya kakitangan awam. Demi berkhidmat kepada masyarakat maka kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) telah dilaksanakan. Tidak ketinggalan juga warga Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh yang turut sama bertugas di rumah. Walaupun berbeza tempat tetapi tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

## Pengurusan Perpustakaan

Dalam konteks bekerja di rumah sepanjang tempoh PKP namun pengurusan perpustakaan dapat dilaksanakan dengan tersusun serta lancar. Maknanya, tiada kerja yang tertangguh dan berjaya diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Staf melaksanakan tugas walaupun pelbagai cabaran dihadapi semasa berada di rumah. Adanya sikap kepatuhan kepada arahan ketua, rasa bertanggungjawab dan peri pentingnya amanah perlu ditunaikan menyebabkan staf perpustakaan IPG Kampus Ipoh komited menjalankan tugas. Manakala Husin@Ibrahim Mamat (2007: 254) berpandangan bahawa kepimpinan berkualiti adalah memberi fokus terhadap keunggulan semua aspek kemanusiaan yang merangkumi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Ia melibatkan niat dan tindakan seseorang pemimpin. Dalam erti kata lain, penampilan, percakapan dan perbuatannya adalah berkualiti serta mampu memberi manfaat kepada diri, organisasi dan orang yang dipimpinya. Manakala Farid Poniman, Indrawan Nugroho dan Jamil Azzaini (2010: 11) menyatakan kepimpinan berkualiti akan terhasil sekiranya ada kesepaduan antara prinsip manusia, prinsip alam dan prinsip tuhan. Di samping itu, matlamat itu akan tercapai jika pemimpin tersebut berkeyakinan, kerja keras, bijak, ikhlas, produktif dan berkontributif. Lantaran itu, ciri-ciri tersebut perlulah ada demi mencapai kepimpinan berkualiti dalam pengurusan dan pentadbiran.

Kejayaan melaksanakan segala yang dirancang diterjemahkan dengan terlaksananya aktiviti dan program seperti berikut:

### • Penerbitan

- (a) *Proceeding Of Research Seminar 2020*, pada 26 April 2020, staf Unit Perpustakaan telah membantu Unit Pengajian Inggeris (Jabatan Bahasa) menerbitkan buku. Malahan, pihak kami telah menyediakan rujukan QR Code di Portal Rasmi Perpustakaan IPG Kampus Ipoh bagi memudahkan para pengguna mendapatkan maklumat dan borang permohonan ISBN. Ini bertepatan dengan saranan Hamka (1965: 30) menyatakan bahawa kebijaksanaan atau kecerdasan fikiran seseorang pemimpin itu merupakan tiang yang kukuh bagi membentuk peribadi mulia.
- (b) Buletin Taman Berkarya Siri 1/2020 melalui pautan <http://online.anyflip.com/xytej/nuip/mobile/index.html> pada 1 April 2020 berjaya dihasilkan. Maksudnya, penerbitan buletin ini menggunakan aplikasi flipbook. Para pembaca boleh membaca artikel, sajak, pantun, artikel atau cerpen dengan mudah melalui telefon pintar atau komputer riba. Ianya boleh dibaca di mana-mana sahaja tanpa perlu membawa buletin tersebut secara hardcopy (salinan keras). Idea ini dijadikan inovasi unit untuk Pertandingan Inovasi IPG Kampus Ipoh 2020 pada 30 Jun 2020 yang lalu.

Di antara kejayaan yang dicapai melalui penghasilan atau penerbitan buletin Taman Berkarya Siri 1/2020 ialah buletin ini merupakan buletin yang pertama kali dihasilkan sepanjang PKP. Selain itu, buletin ini mendapat perkongsian dan menjadi penanda aras kepada perpustakaan lain yang turut berminat menghasilkan buletin sepanjang tempoh PKP. Malahan, dalam Islam amat menggalakkan kita untuk mengajak berbuat kebaikan. Contohnya seperti ayat al-Quran di bawah:

*“Sebaik-baik umat yang dikeluarkan dalam kalangan manusia di mana mereka mengajak manusia berbuat baik dan mencegah perbuatan mungkar serta beriman kepada Allah...”*

*(Surah ali-Imran: ayat 10)*

- **Program Bicara Buku Dalam Talian**

Pelaksanaan **Program Bicara Buku Dalam Talian (dalam bentuk maya)**. Program ini bermula pada 15 April 2020 yang melibatkan para pensyarah IPG Kampus Ipoh, guru-guru pelatih IPG Kampus Ipoh, pensyarah kolej dan universiti serta individu yang berminat. Sebelum ini, program bicara buku ini dilaksanakan secara formal iaitu di dalam perpustakaan atau lokasi yang terpilih. Dengan kata lain, program tersebut disaksikan oleh para penonton secara langsung dan disampaikan oleh para pembentang menggunakan LCD dan komputer riba. Melalui Program Bicara Buku Dalam Talian ini, para peserta dikehendaki merakam sendiri video dan menghantarnya melalui aplikasi *whatsapp*, *telegram* atau *e-mel* kepada Ketua Perpustakaan atau pustakawan untuk dimuatnaikkan dalam facebook Perpustakaan IPG Kampus Ipoh. Kepanjangan masa video tersebut antara 3 hingga 5 minit. Para peserta akan menceritakan tentang judul buku, nama penerbit, tahun buku tersebut diterbitkan, bagaimana buku itu diperoleh dan manfaat membaca buku tersebut. Antara kejayaan-kejayaan yang diperoleh daripada program ini ialah:

- a) Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh telah mendapat rakan sinergi atau rujukan dari Perpustakaan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Pihak tersebut telah menemuramah Dr. Mohd Nazri bin Zainuddin (Ketua Pusat Sumber) pada 3 Jun 2020 melalui panggilan video.
- b) 6 orang guru pelatih opsyen Pengajian Tamil yang aktif dan selalu mengikuti Bicara Buku di Perpustakaan IPG Kampus Ipoh telah terpilih sebagai pembentang terbaik di peringkat antarabangsa di *International Level Online Workshop on Book Talk & Creative Expression for Multidisciplinary Student's* anjuran bersama *Tamil International Academy, America dan University Aiyanaadar Janaki Ammal, Tamil Nadu, India*. Program tersebut telah diadakan pada 29 hingga 31 Mei 2020 secara dalam talian (Webex).
- c) Seramai 62 peserta telah membicarakan buku kegemaran mereka di dalam Bicara Buku Dalam Talian. Di samping itu, para peserta terdiri daripada pensyarah IPG Kampus Ipoh dan pensyarah-pensyarah dari IPG seluruh Malaysia termasuklah dari Sabah dan Sarawak. Malahan, para pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Utara Malaysia, Kolej Poly-tech Mara dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Karyawan Perak juga turut terlibat.
- d) Selain itu, program ini mendapat perkongsian yang amat menggalakkan di dalam Facebook serta mendapat sebanyak 7,064 tontonan keseluruhan video yang dimuatnaik.

- **Pempakejan Maklumat**

**Pempakejan maklumat dalam talian berkaitan Infografik Covid-19** yang diperoleh dari Telegram Rasmi Majlis Keselamatan Negara. Seterusnya, infografik tersebut dimuatnaikkan di dalam facebook rasmi Perpustakaan IPG Kampus Ipoh termasuklah semasa hari cuti am. Pautannya adalah seperti

berikut <https://www.facebook.com/media/set/?set=a.942825286133539&type=3>. Antara kejayaan yang dicapai melalui program tersebut ialah ianya menjadi rujukan utama untuk mengetahui data terkini berkaitan statistik atau data Covid-19 dalam bentuk infografik. Di samping itu, program ini telah menjadi ikutan kebanyakan Perpustakaan Desa lain di dalam facebook mereka. Menurut Mohd Tap Salleh, Zakaria Ahmad dan Zulfida Syed Md Noor (1991: 56) keberkesanan pemimpin banyak bergantung kepada kebolehannya mendorong, merangsang, membangun serta menggembelng sepenuh tenaga orang bawahannya sama ada dari segi kepakaran dan peralatan demi mencapai matlamat kepimpinannya.

- **Program Jom Baca 2020**

Dalam aspek atau bidang aktiviti dan pencapaian sepanjang PKP ini dilalui maka banyak program atau aktiviti yang telah dilaksanakan. Di antaranya ialah Program Jom Baca dalam talian yang diadakan pada 24 April 2020 bersempena dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Program ini mendapat sambutan yang amat memberansangkan apabila seramai 277 peserta telah menyertainya. Dengan kata lain, para peserta ini terdiri daripada warga maya facebook Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh seperti pensyarah, guru pelatih, staf sokongan dan masyarakat sekeliling yang meliputi pelbagai peringkat usia dan tempat. Pelbagai gaya dan teknik menarik digunakan oleh mereka semasa membaca. Secara tidak langsung, program ini dapat menggalakkan masyarakat supaya minat membaca walau di mana mereka berada. Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh sebagai penganjur program ini telah mengadakan atau menghakimi bagi memilih gambar-gambar yang menarik mengikut kategori yang ditetapkan. Sijil dalam talian turut diberikan kepada para peserta pertandingan. Menurut Sherina Sheridan (1989: 13) menyatakan bahawa dengan adanya sikap kerjasama dan kemesraan dalam kalangan pemimpin dan masyarakat atau orang bawahannya pasti akan memberi kejayaan.

Pengalaman manis semasa program Jom Baca tersebut ialah beberapa staf perpustakaan IPG Kampus Ipoh terpaksa bertugas sehingga jam 2.00 pagi bagi memilih pemenang pertandingan tersebut. Walaupun pelbagai cabaran dan rintangan yang dilalui iaitu terpaksa melayan kerenah anak-anak, memasak dan mengemas rumah tetapi tugas yang diamanahkan dapat disiapkan pada 25 April 2020. Malahan, pihak Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh juga berjaya menyediakan sijil penyertaan dalam talian. Ini memudahkan para peserta memperoleh sijil mereka tanpa perlu hadir ke perpustakaan untuk mengambil sijil. Dengan kata lain, menjimatkan masa, kos dan tenaga. . Menurut David Jeffries, Bill Evans dan Peter Reynolds (1996: 124) yang berpendapat bahawa *“communication is fundamental to the success total quality management. Everyone in the organization requires a high level of communication skills. It is important to regularly audit the communication process to identify barriers exist.”*

- **World Quran Hour**

Program *World Quran Hour* yang diadakan pada 13 Mei 2020. Sebanyak 54 penyertaan telah diterima dan meliputi pelbagai peringkat iaitu para pensyarah, staf sokongan, guru pelatih dan masyarakat luar yang beragama Islam. Setiap penyertaan diberi sijil dalam talian. Program ini memberi galakan dan motivasi kepada warga maya supaya membaca ayat suci al-Quran. Banyak pahala dan ganjaran yang diberikan oleh Allah SWT sekiranya kita membaca al-Quran.

- **Program Bimbingan dan Perkongsian dalam Pengurusan Perpustakaan**

Di samping itu, aktiviti dan pencapaian semasa PKP yang lain pula ialah pihak Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh yang diwakili oleh Dr. Mohd Nazri bin Zainuddin telah ditemu bual oleh pihak perpustakaan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Putrajaya secara dalam talian (melalui panggilan video). Temu bual tersebut telah diadakan

pada 3 Jun 2020 yang bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang Program Bicara Buku Dalam Talian yang dianjurkan oleh Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh. Pihak Perpustakaan Jabatan dan Pengairan dan Saliran Malaysia berasa kagum kerana penglibatan yang ramai dan aktif dalam kalangan pengguna maya bagi menyertai Program Bicara Buku Dalam Talian. Dr. Mohd Nazri telah memberi konsultasi kepada pihak Perpustakaan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia secara langsung melalui panggilan video. Justeru, Danial Zainal Abidin (2005: 196) berpandangan bahawa pemimpin atau orang yang berjaya mencipta sejarah yang gemilang atau terkenal adalah pemimpin yang mempunyai wawasan yang jelas, perancangan yang teratur dan strategi yang rapi.

Program seperti ini bukan sahaja boleh memberi manfaat kepada pembangunan sesebuah organisasi tersebut malahan membantu meningkatkan profesionalisme bidang kepustakawanan.

- **Program Yellow Apron Hashtag Challenge: Read me a book**

Seterusnya, Program *Yellow Apron Hashtag Challenge: Read me a book* yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Republik Korea juga disertai oleh Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh. Para pensyarah, staf sokongan dan guru pelatih turut terlibat dengan menyampaikan cerita kepada kanak-kanak dengan memakai apron kuning yang disediakan. Wan Mohd Ruzlan Wan Omar (2011: 79) menyatakan bahawa sikap suka membaca seharusnya dipraktikkan oleh setiap orang Islam supaya mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Di antara lokasi yang dibuat bagi program tersebut ialah di Perpustakaan Desa Kg. Tersusun Batu 8, Ulu Kinta, Perpustakaan Desa Kg. Ulu Kuang, Chemor dan di sekitar IPG Kampus Ipoh (Perpustakaan IPG Kampus Ipoh, bilik pensyarah, bilik pra sekolah, bilik Ketua Jabatan Sains Sosial, makmal Sains dan pejabat pentadbiran). Malahan, kejayaan yang diperolehi daripada program ini ialah 2 keping gambar warga IPG Kampus Ipoh telah terpilih sebagai *The Best Photo Of The Month* pada 8 April 2020. Menurut Sherina Sheridan (1989: 21) dalam melaksanakan tugas seseorang pemimpin itu perlulah mementingkan kualiti tugas itu. Malahan, perancangan yang tepat serta bijak memilih dan menilai kepakaran pekerja juga dapat menjayakan sesuatu matlamat atau hasrat.

## **Inisiatif Platform Digital**

Sepanjang PKP ini facebook menjadi platform utama bagi perkongsian maklumat atau menyalurkan ilmu kepada warga maya. Ini terbukti apabila Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh telah mendapat kerjasama daripada para pensyarah dari jabatan dan unit lain untuk berkolaborasi bagi berkongsi ilmu dan maklumat. Ini jelas terbukti apabila Dr. Nornajwa bt Ghazali (pensyarah Jabatan Kecemerlangan Akademik) telah sudi berkongsi Kit Pengurusan Emosi Menurut Al-Quran dan Sunnah di facebook IPG Kampus Ipoh. Setiap pagi sepanjang PKP, beliau akan menghantar kit tersebut melalui whatsapp kepada Dr. Mohd Nazri bin Zainuddin (Ketua Pusat Sumber IPG Kampus Ipoh) dan seterusnya kit itu diserahkan kepada Pn. Sabariah bt Khairuddin (Pustakawan IPG Kampus Ipoh) untuk dimuatnaikkan dalam facebook IPG Kampus Ipoh. Dengan kata lain, bahan atau kit tersebut akan dimuatnaikkan setiap hari oleh Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh melalui pautan <https://www.facebook.com/media/set/?=a.958574697891931&type=3>. Sebanyak 19 keping poster atau kit dikongsikan sepanjang tempoh PKP yang bermula pada 14 April 2020. Menurut Tenas Effendy (2005: 168) bahawa jawatan atau pangkat yang disandang oleh seseorang pemimpin itu perlulah dilaksanakan dengan penuh amanah dan segala tindakannya akan menjadi ikutan seperti ungkapan berikut:

Kalau menyenget kopiah imam  
Akan melintang kopiah makmum

Di samping itu, Unit Psikologi dan Kaunseling IPG Kampus Ipoh juga turut meminta bantuan Perpustakaan IPG Kampus Ipoh untuk memuatnaikkan atau berkongsi maklumat berkaitan bidang psikologi dan pendidikan melalui facebook IPG Kampus Ipoh yang dikendalikan oleh Unit Perpustakaan IPG Kampus

Ipoh. Ini dapat dilihat melalui pautan <https://www.facebook.com/media/set/?set=a.9586882847239&type=3>. Sebanyak 10 keping poster telah dikongsikan atau dimuatnaikkan sepanjang PKP iaitu bermula pada 16 April 2020. Menurut Normand L. Frigon dan Harry K. Jackson (1996: 21) berpandangan bahawa *“effective communication is clear, concise and comprehensible communication through any medium. Leader must be capable of communicating their values, vision, goals and objectives in many different ways: in meetings and organization communications.”*

Seterusnya, Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh sentiasa mengikut peredaran zaman khususnya untuk menyebarkan maklumat atau perkongsian ilmu. Pelbagai media sosial digunakan bagi tujuan tersebut. Ini termasuklah facebook dan instagram yang menjadi medium penting buat warga maya pada ketika ini. Misalnya, facebook dan instagram Perpustakaan IPG Kampus Ipoh sentiasa menyokong usaha pihak kerajaan dari aspek perkongsian ilmu berkaitan PKP/PKPB/PKPP melalui perkongsian (share) dan tanda suka (like) aktiviti yang dianjurkan oleh perpustakaan serta agensi luar seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Desa serta Perpustakaan Negara Malaysia. Menurut Baha Zain (2006: 29) sifat minat membaca sehingga menjadi budaya atau tabiat bukanlah dilahirkan tetapi dipupuk serta dibentuk sejak kanak-kanak lagi. Ia juga dipengaruhi oleh latar belakang keluarga dan masyarakat sekelilingnya.

## Penutup

Sesungguhnya kehadiran pandemik Covid-19 memberi satu norma baharu dalam aspek pengalaman bekerja. Keselesaan bekerja di bawah pendingin hawa dan bersama-sama rakan-rakan tidak dirasai semasa PKP dan PKPB. Pelbagai pengalaman baharu dilalui khususnya melakukan tugasan pejabat di rumah. Maknanya, banyak pengalaman bekerja dari rumah yang dilaksanakan walaupun tanpa kemudahan yang lengkap seperti di pejabat. Pahrol Mohamad Juoi (2010: 5) menyatakan bahawa sifat mahmudah (nilai-nilai yang baik) berupaya untuk membentuk seseorang itu menjadi profesional dan berketrampilan. Malahan, dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

Suasana bekerja yang total berubah khususnya di rumah telah memberi pengalaman baharu dan bermakna kepada staf Unit Perpustakaan IPG Kampus Ipoh. Walaupun pelbagai rintangan dan cabaran hadir semasa bekerja di rumah seperti menguruskan keluarga, memasak, mengemas rumah dan mengawal penyakit Covid-19 daripada berjangkit ahli keluarga; namun segala tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Malahan, pelbagai kemudahan media sosial diguna pakai bagi menyampaikan maklumat dan ilmu kepada warga maya. Facebook, instagram, whatsapp, telegram dan e-mel digunakan demi perkongsian ilmu yang dirancang dapat dilaksanakan.

## Bibliografi

- Ahmad. *Al-Quran dengan terjemahan*. Telaga Biru Sdn. Bhd., 2014.
- Baha Zain. *“Mencari watak pemimpin dalam sastera.” Dewan Sastera*. Jun 2006, m.s. 90-91.
- Danial Zainal Abidin. *7 formula individu cemerlang*. PTS Millennia Sdn. Bhd., 2005.
- Edwin P. Hollander. (1978). *Leadership dynamics*. New York: A Division of Macmillan Publishing Co. Inc.
- Farid Poniman, Indrawan Nugroho & Jamil Azzaini. *Menjadi pemimpin super*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2010.
- Frigon, Normand L. Sr dan Jackson, Harry K, Jr. *The leader: developing the skills & personal qualities*. American Management Association, 1996.



Hamka. *Peribadi*. Penerbitan Pustaka Antara, 1965.

Hussin @ Ibrahim Mamat. *Pemimpin era globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Jeffries. David, Evans. Bill and Reynolds. Peter. *Training for total quality management*. Kogan Page Limited, 1996.

Mohd Tap Salleh, Zakaria Ahmad & Zulfida Syed Md Noor. *Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam*. INTAN, 1991.

Pahrol Mohamad Juoi. *Mukmin profesional*. Fitrah Perkasa, 2010.

Sherina Sheridan. *Anda boleh berjaya*. Syarikat S.Abdul Majeed, 1989.

Tenas Effendy. *Ungkapan tradisional Melayu Riau (edisi kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Wan Mohd Ruzlan Wan Omar. *Meniti jalan suci*. PTS Islamika Sdn. Bhd., 2011.



### Keputusan Pemenang Jom Baca Bersama 2020

2 posts · 8 items · · ·

Grid View Feed View ...

**+ Add to Album**

**1 2 3**

**TAHNIAH**

**Kategori Kumpulan Ceria dan Semangat Berpusukan Jabatan / Unit**

**Anugerah Khas**  
Kumpulan Kemilau dan Kilauan - Kumpulan Berkepercayaan Mentor

**1. Dr Karokahat a/p Velusamy**  
**2. En Kamaludin a/p Sahrudin**  
**3. Cik Liza Siti Tai**

**Jabatan Bahasa & Unit PI**

